

POLITIK MAHATHIR

Sikap dan Pemikiran



M
320.9595
RAH

Rahman Shaari

POLITIK MAHATHIR

Sikap dan Pemikiran

Yin Fua

2 BS

(Banting)

Sh Petaling.

POLITIK MAHATHIR

Sikap dan Pemikiran

Rahman Shaari



'D'ENTERPRISE

Terbitan:
'D' Enterprise
No.7, Jalan 3/82B,
Bangsar Utama, Off Jalan Bangsar.
59000 Kuala Lumpur.
Tel: 03 - 2307372 (9 talian)
Telex: MA 30226 MAHIR
Fax: 03 - 2307417

© 'D' Enterprise
ISBN 983 - 848 - 008 - 8

Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian juga tidak dibenarkan ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (retrieval system), ataupun dipancar walau melalui sebarang cara pun termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran pihak penerbit terlebih dahulu.

Printed by Kong Lee Printers, 34 Jln. Merlimau, K.L.

M
320 . 9595 625942
RAH

17 MAY 1993

Perpustakaan Negara
Malaysia

Prakata

Pada 29.5.90, ketika buku ini selesai ditulis, Tun Hussein Onn meninggal dunia. Beliau tidak sempat melihat hasil tindakan politik Dr. Mahathir Mohamad.

Masyarakat tahu bahawa beliau tidak begitu merestui kaedah politik Dr. Mahathir sejak UMNO asal diharamkan. Seperti ayahanda beliau, beliau meninggal dunia ketika berada di luar UMNO.

Sekarang bekas Perdana Menteri kita yang masih ada hanyalah Tunku Abdul Rahman. Oleh itu, agak menyayukan jika timbul kritikan keras terhadap Tunku. Elok benarlah Tunku mengurangkan aktiviti mengkritik Dr. Mahathir Mohamad pada saat-saat begini. Elok benarlah pihak UMNO juga berhenti mengkritik Tunku. Seterusnya, elok benarlah Semangat 46 berhenti menggunakan Tunku untuk tujuan-tujuan politik partinya itu.

Sebelum Tun Hussein Onn meninggal dunia, masyarakat kita gempar dengan aneka peristiwa. PAS baru saja menyelesaikan muktamar mereka yang ke-35. Mereka membakar akhbar semasa mengadakan muktamar. Universiti Malaya bergolak kerana ACA memasuki kampus. Ketua Menteri Sabah pula telah pun membubarkan Dewan Undangan Negerinya.

Segala-galanya berjalan dengan cepat. Tengku Razaleigh Hamzah selalu menasihati para hadirin dalam ceramah beliau agar tidak melupakan peristiwa-peristiwa penting. Janganlah lupa akan isu perkembangan awal dekad 80-an. Janganlah

lupa!!!

Adakah rakyat akan mengingati semua itu seperti segala-segalanya yang baru saja terjadi? Jika terlalu banyak peristiwa yang terjadi, akhirnya tiada apa-apa yang dianggap betul-betul penting. Isu video lucah misalnya, pada awal tahun 1990 dianggap "meletup" dan tidak akan dilupakan. Sekarang bagaimana?

Jika isu Memali pun boleh dilupakan dalam masa beberapa tahun, maka isu-isu yang lebih kecil tentu dilupakan dalam masa yang lebih singkat. Orang tidak lagi menyekat isu BMF dan penyelewengan-penyelewengan lain.

Semangat 46, (atau team B UMNO pada tahun 1987) mengatakan Dr. Mahathir Mohamad seorang diktator. Isu diktator ini juga dilupakan. Oleh itu isu-isu baru terpaksa ditimbulkan. Pandangan Dr. Mahathir tentang pakaian wanita Islam pun dilupakan. Istilah kemungkaran politik yang dilaung-laungkan itu telah menjadi klise.

Dalam mencapai cita-citanya, Tengku Razaleigh Hamzah, Ustaz Fadzil Noor dan Lim Kit Siang tidak berhenti-henti berfikir untuk menimbulkan isu-isu dan mengeksplorasikannya. Dr. Mahathir mengaplikasikan *delaying tactic* menghadapi mereka itu. Tampaknya kematangan politik Dr. Mahathir dapat menghadapi segala-galanya.

Dr. Mahathir tidak menggunakan CHOGM, kenaikan gaji dan elauan dan lain-lain sebagai isu pilihanraya. Pilihanraya ditangguhkan walaupun segala-galanya itu telah berlalu. Parti-parti pembangkang dan anggota kerajaan sendiri tidak dapat meramalkan tarikh pilihanraya. Yang pasti, pilihanraya akan tiba beberapa bulan setelah buku ini diterbitkan. Paling lama setahun, sebab Dr. Mahathir tidak boleh menangguhkan pilihanraya sehingga ke tahun 1992.

Walau apa pun pandangan dalam buku ini, yang penting ialah sikap objektif pembaca. Saya sendiri bersikap objektif dalam mengemukakan semua fakta dan fikiran. Namun, saya yakin tidak semua orang dapat menerima segala pandangan dalam buku ini. Itu tidak mengapa.

Saya bergembira jika pembaca sudi memberikan pandangan balas bagi menjadikan isu-isu politik sebagai bahan perbincangan yang berguna.

Kandungan

Prakata (v)

- Aneka Fikiran, Aneka Strategi 1
- Melangkah ke Dekad 90-an 6
- Rumusan Politik Awal Tahun 1990 11
- Pembicara Politik 16
- Tokoh Ukuran dan Pemimpin Masa Depan 21
- *No Way Semangat Can Win* 27
- *Ad-Deen*, Negara Islam dan Kebimbangan 32
- Islam dalam Politik Malaysia 36
- PAS dan Al-Islah 42
- PAS dalam APU 47
- David ke Mana? Dan Musa Pula ke Mana? 52
- Kaedah Politik Dato Musa Hitam 58
- Di Sekitar Dato Musa Hitam 64
- Penerapan Nilai-nilai Islam, Negara Islam dan Islam Sebagai *Ad-Deen* 70
- Halangan Kerjasama Parti-parti Pembangkang 77
- Perhimpunan Khas Semangat 46 Marina di Sebalik Cadangan 82
- Perpecahan, Perpaduan dan Melayu 87
- Nakhaie dalam UMNO 92
- Anwar, Tengku Razaleigh, Musa 97
- Teori Lupa dalam Politik Malaysia 103
- Persefahaman UMNO-PAS Pandangan Subky Tidak Munasabah 107
- Tunku di Persidangan Agung 1989, kemudian ke Mana? 112
- PAS dan Semangat 46 Anti Akhbar 118
- Arah Tengku Razaleigh dan Ustaz Fadzil Noor 123
- Halangan Perpaduan 128
- Penerimaan demi Penerimaan 133
- Politik Zainal Rampak 138
- Pantai Merdeka 143
- Pucuk Pimpinan Masa Depan 149

Aneka Fikiran, Aneka Strategi

Saya percaya bahawa saya bersikap objektif dalam penulisan politik. Ini kerana saya sentiasa berfikir untuk menanggapi keseluruhan tindakan ahli-ahli politik, tanpa dorongan apa-apa keperluan. Dalam buku ini saya akan berusaha menghuraikan hal-hal yang belum saya perkatakan dalam buku **Politik Mahathir: Langkah dan Perhitungan**. Dengan itu, idea dalam buku ini bukanlah pengulangan perkara yang telah dbicarakan, walaupun amat sukar bagi sesiapa pun melekangkan peristiwa-peristiwa yang lepas itu daripada rangkaian peristiwa yang berlaku kemudiannya dan yang akan berlaku seterusnya.

Sesiapa pun tidak akan dapat melupakan peristiwa pengharaman **UMNO**, penubuhan semula **UMNO**, kegiatan **Semangat 46** menentang **UMNO** yang baru, Dato Musa Hitam enggan menyertai **UMNO** dan mahu berkecuali, Dato Shahrir Abdul Samad menang dalam pilihanraya di Johor Bahru (hasil bantuan **DAP**), Dato Musa Hitam menyebelahi **Angkatan 46**, Dato Harun Idris menentang **Barisan National** di Ampang Jaya, Dato Musa Hitam kembali menyertai **UMNO**, Ustaz Nakhaie Ahmad menyertai **UMNO**, Dato Shahrir Abdul Samad berusaha keras untuk menyertai **UMNO** dan banyak lagi. Peristiwa-peristiwa itu, ada di

antaranya dapat ditanggapi dengan serius, tetapi ada yang lucu, walaupun kelucuan itu kelucuan tragedi-komedi.

Bertolak daripada sesuatu peristiwa kita pasti akan menemui peristiwa-peristiwa selanjutnya. Peristiwa-peristiwa yang selanjutnya itu sebahagiannya telah dijangka, tetapi ada juga yang di luar jangkaan. Siapakah yang menjangka Tengku Razaleigh Hamzah memilih pendekatan berikrab-ikraban dengan PAS? Semua orang tahu bahawa Tengku Razaleigh Hamzah dahulunya berusaha mengalahkan PAS dan menaikkan UMNO di Kelantan. Sekarang Dato Asri Muda pula menyeberang ke UMNO. Siapakah yang menjangka ini semua sebelumnya?



Tengku Razaleigh Hamzah: Cinta kepada UMNO asal
tapi bersahabat dengan DAP. Aneh!

Cara berpolitik itu berbagai-bagai ragam. Dato Musa Hitam tidak dapat mengejar cara Tengku Razaleigh Hamzah

berpolitik. Dato Musa Hitam tidak terfikir Tengku Razaleigh Hamzah akan berikrab-ikraban dengan **PAS**, kerana rekod Tengku Razaleigh Hamzah amat menyediakan **PAS**. Akan tetapi, rekod itu rekod dalam zaman Dato Asri. Tengku Razaleigh Hamzah mendekati **PAS** dalam zaman Ustaz Fadzil Noor dan Ustaz Abdul Hadi Awang. Dato Musa Hitam tidak disenangi oleh **PAS** pada zaman ini. Peristiwa Memali pasti akan diungkit-ungkit oleh ahli-ahli **PAS** jika Dato Musa Hitam turut mendekati mereka. Tampaknya Dato Musa Hitam betul-betul dalam dilema. Jika dia berkecuali terus, dia akan tenggelam. Eloklah dia menyertai **UMNO**.

Pendekatan *adhoc* kadang-kadang menguntungkan, tetapi selalunya menyulitkan. Bukannya mudah bagi Tengku Razaleigh Hamzah hendak mengikrabi **PAS** dalam pengertian yang sebenarnya. Sejumlah ahli **PAS** tidak merestui perhubungan demikian. Timbulah **PAS 51** yang akhirnya dihukum oleh pucuk pimpinan **PAS**. Walaupun akhirnya **PAS** memperlihatkan persetujuan yang ikhlas, dan seolah-olah tidak ada masalah, tetapi masalah dasarnya amat ketara. **Semangat 46** adalah bayang-bayang **UMNO**, kerana ahli-ahlinya adalah ahli-ahli **UMNO** asal. Tunku Abdul Rahman sendiri mengakui bahawa **Semangat 46** dan **UMNO** yang baru tidak jauh bezanya. Pegangan **Semangat 46** dan **UMNO** adalah nasionalisme. **PAS** menganggap nasionalisme itu assabiah dan tidak Islamik. Idea ini telah disyarahkan bertalu-talu pada pertengahan dekad 80-an.

PAS mempunyai pandangan bahawa wanita tidak boleh menjadi pemimpin. Mereka tidak mengagumi Benazir Bhutto atau sesiapa saja wanita yang menjadi pemimpin. Dalam **Semangat 46** terdapat Rahmah Othman dan Marina Yusoff. Marina Yusoff terutamanya mempunyai sikap dan kualiti lain. Dia bukanlah orang yang suka bertudung kepala dan dalam hal ini beliau mendapat pembelaan daripada Dr. Mahathir Mohamad. Dr. Mahathir menegaskan bahawa iman tidak boleh diukur melalui pakaian. Dia tidak terpengaruh dengan trend pakaian wanita Melayu Islam dalam dekad ini. Kualiti Marina Yusoff sudah tentu bukan kualiti **PAS**, malah bertentangan.

Bagaimanakah caranya untuk kita fahami fikiran orang politik seperti Dr. Mahathir Mohamad, Anwar Ibrahim, Dato Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah, Ustaz Abdul Hadi Awang dan lain-lain itu? Syaran-syaran politik dibaluti strategi, manakala tindakan-tindakan politik selalu diatur

dengan kebijaksanaan. Kita tidak mungkin memahami keseluruhannya tanpa membuat penilaian yang berterusan.

Kita tidak boleh melupakan keberanian Dr. Mahathir Mohamad menentang Tunku Abdul Rahman pada zaman Tunku Abdul Rahman berkuasa. Akibatnya ialah penyingkiran beliau daripada UMNO. Ini telah melibatkan sahabatnya, Dato Musa Hitam yang turut menerima bebanan. Sejak peristiwa itu lagi kita telah boleh membaca pemikiran Dr. Mahathir Mohamad. Rata-rata orang memuji ketokohannya kerana dia menjadi pembangkang yang kelihatan bersendirian. Dia membawa mesej keadilan dan kebangsaan. Dia berhujah di mana-mana, hatta di atas pentas PAS sekalipun, untuk memaparkan pemikirannya ketika itu.

Allahyarham Tun Abdul Razak memandang tinggi kepada Dr. Mahathir Mohamad. Beliau menjemput Dr. Mahathir Mohamad pulang ke pangkuhan UMNO dengan penuh penghargaan. Tun Abdul Razak sedar bahawa Tunku Abdul Rahman telah memilih cara feudalistik dalam menghukum Dr. Mahathir Mohamad.

Anwar Ibrahim mendekati Dr. Mahathir Mohamad semasa Dr. Mahathir Mohamad tersingkir daripada UMNO. Mereka berdua sudah bertukar pendapat sejak zaman itu. Perkenalan Dr. Mahathir Mohamad dengan Anwar Ibrahim bukanlah perkenalan yang baru. Dan jika sekarang Anwar Ibrahim turut menerajui UMNO bersama-sama Dr. Mahathir Mohamad, kebersamaan ini memang beralasan.

Tengku Razaleigh Hamzah telah memilih jalannya. Akan tetapi, itu bukanlah jalan yang muktamad baginya. Masih terngiang-ngiang di telinga hatinya gema UMNO. Dia sanggup membubarkan Semangat 46 jika Dr. Mahathir Mohamad sanggup membubarkan UMNO, dan kemudian bersama-sama kembali ke UMNO asal yang telah diharamkan. Kenapa demikian?

Menurut hujah-hujahnya, UMNO lama itu amat berjasa. UMNO baru bukan UMNO yang sebenar-benarnya. Betulkah itu alasan yang dipegangnya? Jika itu yang dipegangnya, kenapa dia sampai hati bermuafakat dengan DAP untuk menentang Barisan Nasional? Bukankah DAP itu musuh politik UMNO lama?

Jika Tengku Razaleigh betul-betul menyintai UMNO lama, dia tidak akan bersahabat dengan musuh UMNO lama. DAP tidak pernah berkawan dengan UMNO lama, dan

persahabatan **Semangat 46** dengan **DAP** tentu menyediakan “arwah” **UMNO** lama.

Persahabatan **Semangat 46** dengan **PAS** mungkin boleh diambil kira sebagai tindakan yang wajar. **UMNO** lama pernah menjemput **PAS** bersama-sama memerintah negara. Selain itu, dalam tahun 80-an, pernah diadakan pertemuan perpaduan di antara pemimpin-pemimpin **UMNO** dan **PAS**. Jadi, persahabatan itu dikira baik. Tapi, adakah itu persahabatan yang betul-betul? Adakah **Semangat 46** tidak sedar bahawa **PAS** berhasrat menegakkan negara Islam dan **DAP** pula sedang mempopularkan konsep ‘Malaysian Malaysia’? Tidakkah **Semangat 46** sedar bahawa **DAP** amat tidak senang dengan gagasan **PAS** itu?

Sebenarnya **Semangat 46** sedar akan itu semua. Dengan itu, **Semangat 46** rela membubarkan dirinya, asalkan **UMNO** juga sanggup berbuat demikian. Di samping itu, dikemukakan juga saranan agar **PAS** dan **DAP** dibawa bersama dalam merangkan kerajaan campuran yang luar biasa idealnya.


Oleh kerana terlalu ideal saranan dan cita-cita itu, pemimpin-pemimpin **UMNO** menganggapnya karut. Dato Seri Rafidah Aziz, Dato Seri Najib Tun Razak, Dato Haji Mohd. Isa Samad, Tan Sri Muhammad Haji Mohd. Taib dan Dato Hussein Ahmad tidak menyetujuinya, kerana keahlian **UMNO** sudah berjumlah 1.3 juta orang, kenapa hendak dibubarkan? Yang paling menarik ialah pandangan Menteri Besar Perlis, Dr. Haji Abdul Hamid Pawanteh, yang menganggap suasana sekarang merupakan suasana yang paling baik bagi negara, tidak perlu diubah lagi. Dengan kata lain, kepergian Tengku Razaleigh Hamzah sesuai dengan keadaan, tidak perlu **UMNO** berusaha berlebih-lebihan membawa balik tokoh itu sehingga sanggup membubarkan diri. Tengku Razaleigh Hamzah bolehlah balik ke **UMNO** jika dia suka, tetapi jika **UMNO** terpaksa dibubarkan dulu hanya untuk menyambut kepulangannya, tentulah pelik dan lucu.

Melangkah ke Dekad 90-an

Dalam rancangan **Sekapur sirih**, TV3 pada 31hb. Disember 1990, seorang tokoh memberi pendapat bahawa ada enam peristiwa penting dalam tahun 1989. Peristiwa-peristiwa itu ialah:-

1. Pemulihan **UMNO**.
2. Deklarasi Langkawi.
3. Penyerahan Parti Komunis Malaya.
4. Pemilihan Saudara Anwar Ibrahim menjadi Presiden **UNESCO**.
5. Timbulnya pemikiran besar tentang pembangunan daripada Dr. Mahathir Mohamad.
6. Giatnya usaha menentang rasuah.

Peristiwa-peristiwa itu dapat dianggap penting belaka. Pemulihan **UMNO** telah mengembalikan keyakinan orang Melayu bahawa mereka masih mempunyai **UMNO**. Walaupun Tengku Razaleigh Hamzah membawa para pengikutnya menyertai parti **Semangat 46**, namun kebanyakan orang Melayu yang pernah berada di dalam **UMNO** tetap memilih **UMNO**. Parti **Semangat 46** itu hanyalah parti sementara, yang seakan-akan dikhatuskan untuk pengikut-pengikut Tengku Razaleigh Hamzah atau untuk ahli-ahli **UMNO** yang



Saudara Anwar Ibrahim Presiden UNESCO

tidak suka kepada Dr. Mahathir Mohamad. Soal Kemungkaran politik, soal penyelewengan atau soal Dr. Mahathir Mohamad diktator tidak timbul dalam hal ini. Semua itu hanyalah idea-idea yang dibangkitkan untuk tujuan melapik cakap dalam pidato-pidato politik **Semangat 46** sahaja. Demikian jugalah soal Maharaja Beruk, Minah Kirai dan Mat Setia yang sering disebut-sebut oleh Yahaya Ismail dalam tulisan-tulisannya. Watak-watak itu hanya di dalam imaginasi Yahaya Ismail yang telah yakin bahawa telah wujud negara beruk di dunia ini.

Pemulihan **UMNO** menyebabkan sejumlah orang Melayu yang setia kepada **UMNO** dapat mengekalkan kesetiaan mereka. Politik Melayu akan berlangsung di atas landasan

yang sedia ada.

Deklarasi Langkawi penting kerana menempatkan Malaysia di hati dunia. Deklarasi itu harus dilihat bersekali dengan persidangan **CHOGM** di Kuala Lumpur. Beberapa tahun sebelum itu rakyat Malaysia tidak terfikir bahawa kita berupaya mengendalikan persidangan sedemikian besar. Akan tetapi, kini semua itu dapat dibuktikan. Dalam persidangan agung **UMNO** 1989, Dr. Mahathir dengan bangganya menyebut bahawa kini kita berdiri di tengah-tengah masyarakat dunia.

Perletakan senjata **PKM** juga tidak terfikir oleh kita sebelum akhir tahun 1989. Ini adalah peristiwa pertama kali di dunia. Oleh itu peristiwa ini amat penting dalam sejarah. Dengan perletakan senjata itu, perbelanjaan kerajaan untuk menghadapi mereka bolehlah dialih untuk digunakan bagi tujuan-tujuan lain.

Pemilihan Saudara Anwar Ibrahim menjadi Presiden **UNESCO** menaikkan imej Malaysia dan imej Saudara Anwar Ibrahim sendiri di mata dunia. Selama ini Saudara Anwar Ibrahim difikirkan sesuai untuk menjadi wakil kerajaan ke negara-negara umat Islam sahaja. Pemilihan beliau menjadi Presiden **UNESCO** menggambarkan penerimaan keseluruhan negara di dunia terhadap ketokohan beliau, sepetimana negara-negara itu menerima Dato Musa Hitam.

Seterusnya, adalah benar kata-kata tokoh berkenaan bahawa Dr. Mahathir Mohamad mengemukakan pemikiran pembangunan yang besar-besar dalam tahun 1989. Dr. Mahathir Mohamad tidak mengamalkan politik sempit seperti kebanyakan tokoh politik sebelum beliau. Di bawah Dr. Mahathir Mohamad, politik demokrasi kian sihat, dan ahli-ahli **UMNO** kian bersikap rasional. Beliau sering membuat koreksi terhadap penyalahgunaan politik oleh bumiputera. Golongan bumiputera yang bankrap dalam perusahaan sering menjerit, berteriak, dan meraung, tetapi sebenarnya mereka bankrap kerana kesilapan diri mereka sendiri. Dr. Mahathir Mohamad sering menjelaskan bahawa setiap bumiputera hendaklah berusaha dan berpolitik secara ikhlas.

Giatnya usaha menentang rasuah memang jelas dalam tahun 1989. Jaring-jaring yang dipasang dalam tahun tersebut tidak hanya untuk memerangkap ikan-ikan kecil. Ikan-ikan besar turut ditangkap. Walaupun penyiaran berita penangkapan golongan kaya menggambarkan manusia

Malaysia tidak jujur, tetapi itu lebih baik daripada mendiamkannya. Penipu, penyeleweng dan penerima rasuah hendaklah dihukum dan dihapuskan. Di bawah pemerintahan Dr. Mahathir, terutama bermula dari tahun 1989, para penipu, penyeleweng dan pemakan rasuah berasa sukar hendak bernafas.

Memang timbul berita-berita yang membayangkan ketidakwajaran dalam menjalankan hukuman ke atas pesalah. Berita layanan istimewa yang diterima oleh Abdullah Ang adalah berita yang menyakitkan hati kebanyakan orang. Tetapi, dengan menyiarkan berita tersebut, dan dengan mengambil tindakan ke atas pihak yang bertanggungjawab melayani Abdullah Ang secara istimewa, rakyat boleh diyakinkan bahawa pentadbiran di penjara-penjara akan dibaiki.

Sebenarnya, layanan istimewa untuk banduan di penjara amat tidak wajar terjadi. Jika kelemahan zaman Dr. Mahathir Mohamad hendak dicari-cari, kelemahan yang terjadi di penjara-penjara itulah yang paling menonjol. Kita sering mendengar berita-berita banduan mlarikan diri akibat kecuaian pekerja-pekerja di penjara. Beberapa tahun sebelum itu kita digemparkan oleh peristiwa banduan-banduan menawan seorang profesional yang berurusan dengan mereka untuk dijadikan tebusan. Peristiwa layanan istimewa ke atas banduan adalah tambahan kepada segala kelemahan tersebut.

Kehebohan pada akhir tahun 1989 ialah kehebohan skandal video lucah yang dikaitkan dengan Encik D. P. Vijandran. Setakat bulan Januari 1990, belum dibuktikan bahawa Encik D. P. Vijandran bersalah. Akan tetapi Encik Karpal Singh, ahli parlimen Jelutong dan Timbalan Ketua DAP telah berjaya meyakinkan orang ramai bahawa Vijandran terlibat. Akhbar-akhbar pada 10hb. Januari 1990 memberitakan bahawa D. P. Vijandran akan meletak jawatan.

Encik Karpal Singh amat berani dalam hal ini. Pada 29hb. Disember 1989, beliau membuat kenyataan akhbar. Menurut Encik Karpal Singh, jika Encik D. P. Vijandran tidak terbabit dengan skandal video lucah itu, beliau sanggup meletak jawatan serta-merta.

Dato Samy Vellu tidak menafikan penglibatan D. P. Vijandran dalam skandal tersebut. Beliau hanya mengatakan isu itu adalah urusan peribadi D. P. Vijandran.

Cawangan-cawangan MIC di seluruh negara tidak

menyuarkan sokongan kepada D. P. Vijandran. Penyokong-penyokong beliau di kawasan Parlimen Kapar pun mendiamkan diri. Kata-kata Encik Karpal Singh yang paling berani dan tegas dalam kenyataan akhbar yang berkenaan diturunkan di bawah ini:

“Apa yang saya dedahkan ini merupakan skandal di abad ini. Saya mempunyai bukti-bukti yang mendapati Encik D. P. Vijandran bersalah. Ada filem-filem video luah yang kini berada di tangan polis dan saya akan gunakannya sebagai bukti di mahkamah. Timbalan Menteri Dalam Negara Dato Megat Junid dan Pengarah CID Dato Zaman Khan telah pun mengesahkan bahawa filem video luah itu dicuri oleh pencuri dari rumah D. P. Vijandran bulan Ogos tahun lalu.” Encik D. P. Vijandran kelihatan jelas di dalam filem-filem video ini. Saya akan meminta Peguam Negara memberi kebenaran kepada saya menyaksikan filem-filem itu dengan tujuan wanita-wanita di dalam filem itu dikenalpasti. Ini bagi membolehkan saya menemuramah setiap orang daripada mereka dan mungkin meminta mereka menjadi saksi-saksi di mahkamah kelak berhubung dengan saman Encik D. P. Vijandran terhadap saya. “Saya menyeru Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad memberhentikan Encik D. P. Vijandran sebagai Timbalan Speaker dengan serta-merta kerana beliau jelas memalukan Parlimen dan kerajaan.”

(Mingguan Kota, 7hb. Januari 1990)

Tujuan saya menurunkan peristiwa-peristiwa buruk dalam tahun 1989, adalah semata-mata memperlihatkan aspek lain dalam tahun tersebut. Tokoh yang diwawancara oleh TV3 hanya mengemukakan hal-hal yang positif sahaja. Walau bagaimanapun, seperti yang telah saya sebutkan, pendedahan peristiwa-peristiwa buruk ini jauh lebih baik daripada penyembuniannya. Jika Encik Karpal Singh tidak mengetengahkan kes D.P. Vijandran, peristiwa itu tetap akan tersembunyi sampai bila-bila pun. Demikian juga jika tiada pemberita yang mengekori Abdullah Ang, kisah layanan istimewa untuknya di penjara sama sekali tidak akan diketahui umum.

Rumusan Politik Awal Tahun 1990

Stelah memerhatikan pergolakan politik Melayu sejak tahun 1980 hingga awal tahun 1990, beberapa kesimpulan telah dibuat. Kesimpulan-kesimpulan ini seboleh-bolehnya objektif, iaitu dengan mengetepikan perasaan gemar atau tidak gemar kepada seseorang tokoh. Amat sukar membuat rumusan yang objektif, kerana setiap orang telah dipengaruhi maklumat-maklumat yang tidak adil. Akan tetapi, elok juga rumusan dibuat untuk menjadi titik tolak kepada para pembaca membuat rumusan sendiri.

Dr. Mahathir Mohamad adalah tokoh besar negara. Ketokohnya sentiasa terlihat sejak 70-an, 80-an dan dekad sekarang. Ketokohnya tidak tersangkut pada jawatannya sebagai Perdana Menteri. Pada masa dahulu, iaitu pada awal tahun 70-an, beliau terkemuka sebagai penentang Tunku Abdul Rahman. Dalam zaman Tun Abdul Razak beliau diterima balik sebagai menteri. Dalam zaman Tun Hussein Onn pula beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri yang setia dan pintar menjalankan tugasnya.

Dapat dikatakan, kesetiaan dan kepintarannya yang menyebabkan Tun Hussein Onn memilih beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri, dan kemudian mewariskan jawatan Perdana Menteri kepada beliau.

Sebagai Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad berusaha

melaksanakan impiannya memajukan orang Melayu dan rakyat Malaysia seluruhnya. Kaedahnya amat mengejutkan rakyat dan menteri-menteri kabinetnya. Seperti yang disebutkan oleh Dato Lee Kim Sai dalam wawancara di radio pada 26hb. Januari 1990, tidak kesemua menteri kabinet memahami visi Dr. Mahathir. Memang betul. Dato Lee Kim Sai mengalami naik turun sama seperti Dato Mohamad Rahmat.

Kini, Tengku Razaleigh Hamzah menganggap Dr. Mahathir Mohamad mengamalkan budaya kejutan. Istilah "budaya" telah digunakan oleh ahli-ahli politik secara sewenang-wenangnya. Memang betul kejutan dijadikan teknik berpolitik yang berkesan. Isu perlombagaan, perubahan jarum jam, isu Islamisasi membawa kepada pemecatan Tun Salleh Abbas daripada jawatan Ketua Hakim Negara, memang mengejutkan rakyat. Perdana Menteri sebelum Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah berbuat demikian.

Walau bagaimanapun, teknik kejutan ini bukanlah sengaja diada-adakan. Isu-isu yang dibangkitkan oleh Dr. Mahathir Mohamad adalah isu-isu yang sudah ada di dalam pemikiran orang Melayu dan rakyat Malaysia. Dalam hal isu perlombagaan, rakyat telah sedia tahu bahawa zaman feudal telah lama berakhir. Oleh itu, tindakan Dr. Mahathir Mohamad telah disokong kuat oleh rakyat yang rasional. Di kalangan menteri dan timbalan menteri, Dato Sanusi Junid, Saudara Anwar Ibrahim, Dato Radzi Sheikh Ahmad dan beberapa orang lagi adalah tokoh-tokoh yang berdiri di belakang Dr. Mahathir Mohamad menghadapi isu tersebut.

Pada peringkat awal pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad, sikap liberal beliau amat menyenangkan banyak pihak. Saudara Anwar Ibrahim mengakui bahawa beliau memasuki **UMNO** kerana tertarik kepada liberalisme Dr. Mahathir Mohamad selain daripada ingin memadu tenaga melaksanakan cita-cita penerapan nilai-nilai Islam. Dato Radzi Sheikh Ahmad berkali-kali mengatakan beliau amat tertarik kepada slogan "Bersih Cekap Amanah" yang dikemukakan oleh pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad.

Perhubungan Dr. Mahathir Mohamad dengan menteri kabinetnya kelihatan amat harmonis pada awal dekad 80-an. Itu hanyalah permukaan sahaja. Di dalam hati, ada menteri yang tidak senang hati melihat pencapaian Saudara Anwar Ibrahim. Pada mereka, Saudara Anwar Ibrahim tidak wajar ditonjolkan sedemikian rupa. Saudara Anwar Ibrahim masih

muda dan orang baru dalam kegiatan UMNO. Beliau seharusnya bergerak perlahan-lahan. Seharusnya (pada pendapat mereka) tempat yang paling tinggi untuk Saudara Anwar Ibrahim tidak boleh lebih tinggi daripada Dato Radzi Sheikh Ahmad dan Dato Haji Suhaimi Kamaruddin. Terdapat pula perasaan tidak puas hati Dato Musa Hitam, kerana Dr. Mahathir mengekalkan Tengku Razaleigh Hamzah dalam kabinet. Keterbalikan daripada itu, terdapat pula rasa tidak puas hati Tengku Razaleigh Hamzah, kerana Dr. Mahathir Mohamad menyokong Dato Musa Hitam dalam pertandingan-pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO 1981 dan 1984.

Liberalisme Mahathir mengizinkan munculnya akhbar-akhbar kecil yang terang-terang mengkritik kepimpinan beliau. Akhbar-akhbar ini tidak memiliki wartawan-wartawan yang betul-betul terlatih dengan kritikan politik. Penulis-penulis muda yang bekerja di akhbar-akhbar itu baru hendak menguji bakat, tetapi mulai terjun ke arena kritikan politik. Mereka tidak pandai menapis berita, tidak pintar memilih kata-kata dalam membuat kritikan. Oleh itu, tulisan-tulisan dalam akhbar-akhbar tabloid pada awal dekad 80-an, ada yang sangat pedas dan tidak beretika. Amat sulit pemerintah hendak mengawal keadaan, kerana wujudnya ketidak-seimbangan ini adalah hasil daripada sistem pendidikan negara. Dr. Mahathir Mohamad memilih dasar liberal untuk melihat perbincangan yang bijaksana, tetapi suasana demikian tidak dapat diwujudkan. Akhbar-akhbar kecil tidak sanggup mengambil wartawan dan pemberita yang berkelulusan jurnalisme, kerana para pengusaha akhbar-akhbar itu hanya mampu menawarkan gaji yang rendah.

Pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad yang kesal dengan keadaan demikian mula mengubah sikap. Sejumlah akhbar dihentikan buat sementara, dan mungkin ada yang diberhentikan terus. Akhbar **The Star** dan **Watan** pernah menerima tindakan pemberhentian sementara. Akhbar-akhbar itu kembali hidup dengan sikap yang lebih hati-hati dalam membuat kritikan atau komentar.

Dr. Mahathir Mohamad, seperti kebanyakan manusia biasa, belajar melalui kesilapan. Beliau mendapati sikap berterus-terang menyebelahi Dato Musa Hitam dalam pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO tidak membawa faedah. Sikap berterus-terang menyebelahi

Dato Harris Salleh dan **Berjasa** di Sabah pun tidak memberi faedah. Dr. Mahathir Mohamad memilih cara yang lebih keras setelah menghadapi pelbagai masalah akibat daripada sikap terbuka dan liberalnya itu.

Penangkapan-penangkapan pun bermula. Tokoh-tokoh **DAP** dan pemimpin-pemimpin **PAS** ditangkap di bawah **ISA**. Ini membawa suasana lain pula. Yang paling tidak disangkanya, Dato Musa Hitam meletakkan jawatan. Dato Musa Hitam kemudian bersekongkol dengan Tengku Razaleigh Hamzah menentang Dr. Mahathir Mohamad. Kedua-dua mereka dikalahkan, tetapi masalah dalam parti kian bertambah. Dr. Mahathir Mohamad perlu memerah akal untuk meneruskan tindakan-tindakan yang dapat mengekalkan kepimpinan beliau.

Pada pandangan umum, Dr. Mahathir Mohamad amat menderita mengalami tekanan-tekanan sedemikian. Akan tetapi, Dr. Mahathir Mohamad menganggap tekanan-tekanan tersebut merupakan cabaran-cabaran yang menarik. Hidup beliau kelihatan lebih bererti dalam keadaan penuh cabaran. Ketika beliau sakit kuat, cabaran terus terjadi. Ahli-ahli **UMNO** yang menjadi kumpulan **Semangat 46** mengecam beliau walaupun beliau amat kurus kerana penyakit.

Dato Shahrir Samad berkempen memperendahkan pemerintahan beliau. Tunku Abdul Rahman, Subky Latiff dan Marina Yusoff tidak terkira-kira menghentam beliau. Rakyat umum menganggap adalah tidak wajar mereka itu menyerang seorang pesakit. Itu bukan budi bahasa orang Melayu. Tetapi, Dr. Mahathir Mohamad yang gigih itu merasakan cabaran-cabaran demikian sebagai penawar. Beliau kembali segar-bugar untuk menghadapi orang yang menghentamnya.

Dato Musa Hitam yang kembali “memperbaharui” keahlian dalam **UMNO** semasa Dr. Mahathir Mohamad sakit kuat, kini mengakui sanggup menjadi budak pejabat atau abdi sekalipun demi perpaduan Melayu. Dr. Mahathir Mohamad tidak menjadikan Dato Musa Hitam budak pejabat atau abdi. Dato Musa Hitam dilantik menjadi wakil ke Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ahli-ahli politik dan penyokong-penyokong **Semangat 46** menganggap Dr. Mahathir Mohamad tidak melaksanakan slogan “Bersih, Cekap, Amanah,” visi martabat bangsa dan cita-cita menaikkan taraf ekonomi rakyat dan lain-lain. Semua ini diperkatakan dalam tahun-tahun 1988, 1989 dan 1990.

Akan tetapi terdapat pula pendapat yang mengatakan Dr. Mahathir Mohamad tetap konsisten. Abu Hassan Adam berpendapat nada dan pandangan Dr. Mahathir Mohamad tidak berubah sejak dekad 70-an sehingga ke akhir dekad 80-an (**Berita Harian**, 3hb. Februari 1990).

Dr. Mahathir Mohamad adalah Perdana Menteri yang kontroversial. Di kalangan sebahagian ahli politik dan pengkritik, beliau dikatakan diktator dan pemecah-belah. Sebahagian yang lain pula berpendapat beliau adalah pemikir yang bijaksana dan pemimpin yang berbudi tinggi. Kedua-dua belah pihak mengeluarkan hujah masing-masing.

Akhbar-akhbar tabloid yang bebas seperti **Mingguan Kota, Watan** dan lain-lain memuatkan komentar-komentar yang pelbagai jenis. Pengkritik yang mencerca beliau secara habis-habisan ialah Yahaya Ismail dan Subky Latiff. Di antara dua orang itu, Yahaya Ismail kelihatan lebih tinggi nada marahnya. Aneka hujah digunakan oleh Yahaya Ismail untuk membuktikan bahawa Dr. Mahathir Mohamad adalah Perdana Menteri yang serba kekurangan dan Tengku Razaleigh Hamzah amat berkebolehan.

Walau bagaimanapun, pandangan-pandangan negatif terhadap Dr. Mahathir Mohamad hanya dapat diterima oleh para pengikut **PAS** dan **Semangat 46**. Hal ini terjadi kerana mereka sudah sedia berpandangan sedemikian. Mereka membenci Dr. Mahathir Mohamad sejak dahulu, dan kebencian itu dijagai oleh Yahaya Ismail agar berterusan. Namun agak sukar bagi Yahaya Ismail atau Subky Latiff mengubah pandangan umum tentang pencapaian Dr. Mahathir Mohamad. Rakyat tahu bahawa pandangan-pandangan buruk adalah akibat daripada hasrat menjatuhkan pemimpin.

Tanpa menolak seratus peratus pandangan-pandangan daripada pengkritik-pengkritik yang tidak menyenangi Dr. Mahathir secara keseluruhan, pandangan-pandangan Abu Hassan Adam, A. Nazri Abdullah, A. R. Kamaluddin, Chamil Wiraya dan lain-lain dapat diterima. Mereka tetap menganggap Dr. Mahathir Mohamad sebagai tokoh penting dan berwibawa. Jika pencapaian keempat-empat Perdana Menteri dinilai dan diperbandingkan, Dr. Mahathir Mohamad dapat dianggap Perdana Menteri yang terbaik. Amat sukar bagi Perdana Menteri akan datang mengatasi pencapaian Dr. Mahathir Mohamad, kecuali jika tokoh pengganti itu telah memahami corak pemikiran beliau.

Pembicara Politik


Di antara penulis-penulis politik popular tanahair, tiga orang daripadanya berjaya memaparkan kelainan yang jelas. Mereka ialah Haji Subky Latiff, S. H. Alattas dan Yahaya Ismail.

Secara ringkas, Haji Subky Latiff adalah ahli propaganda **PAS**. S. H. Alattas selalu mengubah-ubah pujaan dan kecamannya. Manakala Yahaya Ismail menjadi ahli propaganda **Semangat 46**.

Haji Subky Latiff memilih untuk memperhambakan diri kepada **PAS** sehingga melebihi 10 tahun. Oleh itu, beliau kelihatan konsisten dan bertanggungjawab. Sebelum itu beliau adalah penulis politik yang kritis dan analitis. Oleh sebab beliau memilih untuk bertanggungjawab kepada **PAS** maka kita tidak menemui tulisan yang mengkritik **PAS**. Lainlah halnya dengan S. H. Alattas yang tidak terlalu memihak kepada mana-mana parti politik. Pada awal dekad 80-an beliau menyenangi Dato Musa Hitam. Kemudian beliau memihak kepada Tengku Razaleigh Hamzah. Akhir-akhir ini beliau amat menyenangi Dr. Mahathir Mohamad.

Walaupun beliau menyenangi Dr. Mahathir Mohamad, beliau ada juga mengkritik tokoh itu. Percakapan Dr. Mahathir tentang Islam, khususnya tentang kewajipan wanita menundung kepala, dikritik oleh S. H. Alattas.

Yahaya Ismail melihat **Semangat 46** serba suci. Hal ini telah menimbulkan kehairanan banyak pihak. Yahaya Ismail menghentam Dr. Mahathir Mohamad habis-habisan, sehingga pembaca merasakan ada sesuatu yang terselindung di sebalik kecaman-kecaman itu. Yahaya Ismail selalu merayu agar rakyat bersatu padu untuk menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad.



Yahya Ismail: Bicaranya kini kian tajam terhadap UMNO. Dia sanggup memperendahkan pencapaian Anwar Ibrahim

Untuk menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad, imej Saudara Anwar Ibrahim mesti digerhanakan. Untuk itu, Yahaya Ismail sanggup mengatakan apa saja kepada Saudara Anwar Ibrahim, asalkan imej bekas ketua ABIM itu dapat diburukkan. Perhatikan kata-kata Yahaya Ismail yang amat memeranjatkan:-

"Anwar Ibrahim pula melambung tinggi membesar dada kerana dilantik menjadi Pengurus UNESCO di Paris" (**Mingguan Kota**, 7hb. Januari 1990).

Kata-kata "melambung tinggi" dan "membesar dada" bercanggah sama sekali dengan peribadi Saudara Anwar Ibrahim. Ini diketahui umum, terutama ahli-ahli **UMNO**. Tengku Razaleigh Hamzah pun tahu bahawa Saudara Anwar Ibrahim tidak sedemikian. Akan tetapi, demi menjatuhkan kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad, Yahaya Ismail tampaknya sanggup menggunakan sebarang kata.

Mengenai jawatankuasa anti penyelewengan yang dipengerusikan oleh Saudara Anwar Ibrahim, Yahaya Ismail berpendapat bahawa itu semua adalah lakonan politik yang tidak bermutu. Seluruh tindakan Saudara Anwar Ibrahim dianggapnya mempunyai tujuan politik yang tidak mencerminkan hasrat untuk berbakti kepada bangsa, agama dan tanahair.

Yahaya Ismail membuat kesimpulan bahawa kemungkaran politik akan terhapus jika rakyat menyokong **Semangat 46, PAS, Berjasa, Hamim, DAP** dan **PSRM**. Soal kesinambungan kepimpinan yang sedia ada sudah tidak timbul kepada Yahaya Ismail.

Pandangan-pandangan keras Yahaya Ismail ini dipaparkan ketika Tengku Razaleigh Hamzah menyatakan kesudian menemui Dr. Mahathir Mohamad. Ertinya, Yahaya Ismail memaparkan sikap kerasnya melebihi Tengku Razaleigh Hamzah sendiri. Dalam politik, mungkin Yahaya Ismail lebih tahu, dan mungkin juga tidak, pertentangan di antara Tengku Razaleigh Hamzah dengan Dr. Mahathir Mohamad bukanlah pertentangan habis-habisan. Kesanggupan Tengku Razaleigh Hamzah datang ke pejabat Dr. Mahathir Mohamad membayangkan bahawa mereka berdua sedang berpolitik sesungguhnya. Tidak benar jika ada anggapan bahawa mereka itu saling benci membenci. Kesanggupan Dr. Mahathir Mohamad memilih Tengku Razaleigh Hamzah menjadi menteri kabinet dari tahun 1981 hingga tahun 1987 menggambarkan bahawa Dr. Mahathir menyukai Tengku Razaleigh Hamzah berdasarkan kaliber dan keupayaan beliau. Dr. Mahathir Mohamad sentiasa memilih orang yang berkaliber dan berkebolehan. Itulah sebabnya beliau memilih Dato Musa Hitam menjadi wakil ke Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kesudian Tengku Razaleigh Hamzah menjadi menteri kabinet Dr. Mahathir Mohamad juga adalah tanda pengiktirafan Tengku Razaleigh terhadap kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Demikian jugalah kesanggupan Tengku Razaleigh datang ke pejabat Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini. Tidak ada permusuhan dalam erti kata yang sebenar di antara mereka berdua.

Soal perpecahan kini hanyalah soal Tengku Razaleigh Hamzah ingin mencapai kedudukan sebagai Perdana Menteri. Dato Musa Hitam juga mengingini tempat yang sama. Ustaz Fadzil Noor pun tentu mahu yang itu. Tempat itu satu sahaja.

Dr. Mahathir Mohamad belum mahu melepaskannya. Jika Dr. Mahathir meletakkan jawatan dalam keadaan seperti ini, tempat itu akan menjadi rebutan yang lebih dahsyat. Tidak semua orang gemar Tengku Razaleigh Hamzah mendudukinya. Sejumlah besar ahli **UMNO** dan rakyat umum setuju jika Encik Ghafar Baba mendudukinya. Ada yang suka jika Dato Musa Hitam mendudukinya. Seterusnya ada yang suka jika Saudara Anwar Ibrahim mendudukinya.

Jika mereka terlampau berebut-rebut, barangkali akan berlaku sesuatu di luar dugaan. Tempat itu akan dicapai oleh orang lain. Mungkin Fadzil Noor akan berjaya mencapai hasratnya. Dan mungkin juga Lim Kit Siang, siapa tahu?

Ini hanyalah pandangan seorang penulis. Setiap orang mempunyai cita-cita dan kebimbangannya yang tersendiri. Barangkali tidak mengapa jika Fadzil Noor memperolehi kerusi Perdana Menteri, tetapi kekuatan **DAP** tidak boleh dianggap enteng. Menurut Tengku Razaleigh Hamzah, hanya orang Melayu yang boleh mencapai tempat itu. Jika **UMNO** kalah, **Semangat 46**lah yang menang katanya. Tetapi hakikat politik tidak sedemikian. Kebimbangan dan kerisauan orang Melayu apabila berlaku-pecah belah seperti ini ialah kalau-kalau kita kehilangan kuasa di dalam negara sendiri.

Tulisan Yahaya Ismail terlalu memperlihatkan rasa benci kepada kerajaan pimpinan sekarang. Cerpen "Maharaja Beruk" dan ese-i-esei beliau dalam akhbar **Mingguan Kota** dipenuhi sindiran dan kecaman yang amat keras kepada pucuk pimpinan kerajaan dan **UMNO**. Sindiran dan kecaman demikian tidak dikenakan kepada Tengku Razaleigh Hamzah, walaupun umum mengetahui bahawa Tengku Razaleigh Hamzah juga mempunyai banyak kelemahan.

Seperti yang telah disebutkan, Yahaya Ismail terpaksa memburukkan imej Saudara Anwar Ibrahim demi melaksanakan keseluruhan hasratnya menjatuhkan Dr. Mahathir. Saudara Anwar Ibrahim ialah tokoh yang menjadi target kecamannya pada akhir tahun 1989 dan awal tahun 1990. Dalam hal ini, Afag Tanjong menulis, "Jelaslah Yahaya Ismail mempunyai perasaan buruk sangka yang super hebat". Menurut Afag Tanjong lagi, buruk sangka adalah sifat yang perlu dijauhi oleh orang Islam. (**Mingguan Kota**, 7hb. Januari 1990).

Oleh sebab terlalu memarahi Yahaya Ismail, Afag Tanjong bertanya; "Siapakah yang menjadi Menteri Kewangan semasa

berlakunya skandal **BMF**? Kalau orang itu menteri yang cekap tidak mungkin dia tidak nampak pengaliran wang keluar dari anak syarikat milik kerajaan.”

Kemarahan Afag Tanjong kepada Yahaya Ismail adalah kemarahan biasa. Tengku Razaleigh Hamzah dijadikan bahan untuk membuktikan bahawa Yahaya Ismail berat sebelah dalam kritikan, komentar dan kecamannya.

Afag Tanjong memuji S. H. Alattas, yang katanya walaupun tidak memiliki degree, namun menulis dengan saksama, menegur kedua belah pihak. Memang benar S. H. Alattas sesekali bersikap demikian. Sungguhpun beliau dikenali sebagai penyokong kuat Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1989 dan 1990, namun beliau dengan tegas menegur presiden **UMNO** itu, kerana terlanjur membicarakan hukum Islam tentang wanita bertudung kepala.

Hal ini selalunya tidak dilakukan oleh mana-mana penyokong seseorang pemimpin. Sesungguhnya S. H. Alattas sering menjelaskan sikapnya terhadap seseorang pemimpin, beliau boleh memberikan pandangan yang berbeza ketika menghadapi sesuatu isu. Itu adalah kelebihan S. H. Alattas menurut kacamata Afag Tanjong.

Jika ditinjau seterusnya, S. H. Alattas juga mempunyai kelemahan. Ini tidak dinyatakan oleh Afag Tanjong. S. H. Alattas pernah menyokong Dato Musa Hitam secara habis-habisan dalam tahun 1981. Kemudian beliau berubah sikap. Beliau menentang Dato Musa Hitam secara habis-habisan selepas itu, sehingga Dato Musa Hitam terpaksa mengambil tindakan menyaman beliau. Tampaknya, dalam hal seperti ini, S. H. Alattas tidaklah terlalu berbeza daripada Yahaya Ismail, biarpun tulisan beliau masih boleh dianggap lebih baik daripada tulisan Yahaya Ismail.

Bab ini hanya menyentuh tiga orang penulis politik popular tanahair. Ada lagi beberapa penulis politik yang sesuai dibicarakan. Sumbangan mereka tidak sebanyak sumbangan ketiga-tiga tokoh penulis ini, tetapi mereka tetap penting kerana mengemukakan fikiran dan pandangan yang boleh dipertimbangkan oleh pembaca.

Tokoh Ukuran dan Pemimpin Masa Depan

Rakyat di sesebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi selalu tertarik kepada pemimpin pembangkang. Pada suatu waktu pembangkang terlalu dipuja sehingga membimbangkan pihak kerajaan. Akan tetapi, jika pembangkang itu beralih menyebelahi kerajaan, apatah lagi turut berada dalam barisan kepimpinan kerajaan, minat terhadapnya merosot.

Rakyat Malaysia juga tidak terkecuali daripada memiliki sikap di atas. Sejumlah rakyat menyenangi Dato Asri Muda sebagai pemimpin **PAS** pada suatu masa. Apabila beliau dan **PAS** menyertai kerajaan **Barisan Nasional**, beliau telah kelihatan sama dengan pemimpin-pemimpin lain dalam kerajaan. Akhirnya beliau dijatuhkan. **PAS** disingkirkan daripada **Barisan Nasional** dengan mudah, dan kemudian Dato Asri meletakkan jawatannya disebabkan kemunculan kumpulan ulama muda dalam parti itu. Ternyata seseorang ahli pembangkang itu perlu berfikir panjang sebelum memihak kepada kerajaan.

Dato Asri Muda terpaksa menubuhkan **HAMIM** untuk kekal sebagai pemimpin. Akan tetapi sejumlah anggota **HAMIM** juga tidak sehaluan dengannya. Beliau meninggalkan **HAMIM** dan menyertai **UMNO** dalam tahun 1989.

Ustaz Nakhaie Ahmad juga demikian. Dalam **PAS** beliau



Anwar Ibrahim: Di antaranya berwibawa sebagai pemimpin – tokoh ukuran

Saudara Anwar Ibrahim sentiasa menggunakan fikirannya untuk menghadapi masalah kemerosotan populariti. Tidaklah tepat jika dikatakan bahawa beliau sentiasa memelihara populariti, kerana pada masa beliau mengetuai **ABIM** dahulu, beliau popular kerana pencapaian, bukan kerana usaha-usaha tertentu untuk menjadi popular. Hal ini boleh dibandingkan dengan Ustaz Abdul Hadi Awang sekarang, yang popular kerana pencapaian dan kesungguhan, bukan kerana usaha-usaha tertentu untuk menjadi popular.

Perlu dinyatakan di sini bahawa populariti boleh dicapai oleh orang yang tidak tinggi pencapaiannya. Di dalam barisan kepimpinan **Semangat 46**, kita dapat Ibrahim Ali menjadi popular kerana memilih untuk menyerang **UMNO** dan Dr. Mahathir secara habis-habisan. Kamaruzzaman Yaakob yang agak popular di dalam kumpulan **Semangat 46** kerana alasan yang sama. Demikian juga Ahmad Mokhtar.

Dengan itu sahihlah bawa populariti tidak bergantung kepada pencapaian semata-mata. Namun, yang terbaik ialah populariti kerana pencapaian. Pembahagian jenis-jenis populariti ini dapat dibandingkan dengan pembahagian jenis-jenis tokoh iaitu ‘tokoh ukuran’ dan ‘tokoh siaran’. ‘Tokoh ukuran’ adalah tokoh yang tinggi pencapaiannya. Orang lain menjadikannya ukuran untuk berusaha mencapai kedudukannya. Tokoh ‘siaran’ pula dianggap tokoh kerana banyak disiarkan atau dihebah-hebahkan tentang dirinya.

menduduki tempat penting kerana suara-suara bangkangannya yang bernes. Apabila beliau menyertai **UMNO**, namanya hanya muncul ketika berkempen di Teluk Pasu, Terengganu. **UMNO** kalah dalam pilihanraya kecil itu, dan beliau kini kian diketepikan. Adakah beliau akan muncul kembali di tengah-tengah pergolakan politik dekad 90-an?

Merenung gejala seperti di atas, kita dapat

Seseorang yang dilantik menjadi wakil tokoh ukuran dengan mudah akan menjadi tokoh siaran. Sudirman Haji Arshad sebagai tokoh ukuran dalam dunia nyanyian telah berjaya memperkenalkan Atai. Atai adalah tokoh siaran. Ibrahim Ali menjadi tokoh siaran kerana hubungannya yang ikrab dengan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai tokoh ukuran.

Tokoh ukuran yang ketara dalam politik **UMNO**, selain daripada Dr. Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah, ialah Dato Musa Hitam dan Anwar Ibrahim. Kedudukan Tengku Razaleigh Hamzah banyak dibantu oleh faktor keturunannya. Sebagai kerabat diraja Kelantan, dan sebagai orang kaya, ramai tertarik kepadanya. Dengan itu, tidaklah benar beliau mempunyai terlalu banyak keistimewaan. Namun, beliau masih dapat dianggap tokoh ukuran jika dibandingkan dengan kerabat diraja yang lain. Kebanyakan kerabat diraja tidak melibatkan diri dalam politik secara aktif.

Tokoh ukuran yang lebih berwibawa daripada Tengku Razaleigh Hamzah ialah Dato Musa Hitam. Dato Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah saling bimbang membimbangi ketika berada di dalam barisan kepimpinan kerajaan. Kewibawaan mereka sebagai tokoh-tokoh ukuran tercemar kerana perasaan bimbang demikian. Mereka sama-sama bimbang kalau-kalau gagal menduduki tempat utama dalam **UMNO** dan kerajaan. Jika kebimbangan itu tidak timbul, Dato Musa Hitam tidak perlu letak jawatan, dan kemudian bertanding semula. Tengku Razaleigh Hamzah pula tidak perlu menentang Dr. Mahathir pada masa itu (1987), kerana itu terlalu awal buat beliau.

Dengan memasuki pertandingan yang memecah tradisi **UMNO** itu, kedua-dua mereka tersingkir daripada barisan kepimpinan **UMNO** dan kerajaan. Bahkan Tengku Razaleigh Hamzah terus terkeluar daripada **UMNO**, lalu berkelana sehingga tertubuhnya Parti **Semangat 46**. Dato Musa Hitam pula mencari-cari jalan, sekejap menyokong **UMNO**, kemudian berkecuali, alih-alih menyokong Dato Shahrir Samad yang bersekongkol dengan **Semangat 46**, dan dengan itu mendekati **Semangat 46**, tetapi akhirnya balik semula ke **UMNO**. Jalan Dato Musa Hitam ini berbelit-belit, sehingga menyebabkan kedudukan beliau sebagai tokoh ukuran juga tercemar.

Tokoh-tokoh seperti Dato Sanusi Junid dalam **UMNO** dan Dato Rais Yatim dalam **Semangat 46**, dapat dikira tokoh ukuran juga. Dato Sanusi Junid mencapai kedudukan sedemikian kerana idea-ideanya yang membawa banyak

hasil, manakala Dato Rais Yatim pula mencapainya kerana keberanian dan konsistensi bersuara. Berbeza pula Dato Mohamad Rahmat dan Dato Osman Saat. Kedua-duanya tidak memperlihatkan pencapaian jika tidak dibayangi oleh orang lain.

Saudara Anwar Ibrahim adalah tokoh ukuran, biarpun tidak dapat dinafikan bahawa beliau naik hasil bantuan Dr. Mahathir Mohamad. Saudara Anwar Ibrahim akan terus mencapai kedudukan yang tinggi dalam forum antarabangsa mengenai Islam jika beliau tidak menyertai UMNO. Ini pernah disuarakan oleh Dato Musa Hitam sendiri ketika ura-ura Saudara Anwar Ibrahim hendak menyertai UMNO hangat.

Di dalam UMNO, Saudara Anwar Ibrahim mencapai populariti kerana usaha-usaha gigihnya serta kebolehan membuat keputusan. Dengan kegigihan dan kebolehan yang demikian, Bank Islam Malaysia telah menjadi realiti, walaupun sebelumnya Dr. Mahathir Mohamad sendiri was-was untuk menubuhkannya. Kata Dr. Mahathir Mohamad dalam tahun 1982.

“Soal Bank Islam bukanlah perkara baru. Penubuhannya pernah dibincangkan sejak zaman Tunku Abdul Rahman lagi. Yang menjadi masalah kepada kita semua ialah semua dunia menggunakan sistem yang berbeza daripada sistem Islam ini.” (Mokhtar Petah, *Dr. Mahathir dan Masa Depan Negara* Kuala Lumpur; Tra-Tra, 1982, hlm.59). Menurut Dr. Mahathir Mohamad lagi, kita tidak boleh tergesa-gesa menubuhkan Bank Islam, kerana jika gagal, akibatnya projek itu akan ditangguh lebih lama.

Oleh kerana Dr. Mahathir Mohamad sendiri bimbang untuk menyegerakan Bank Islam, bagaimanakah bank itu mampu wujud di Malaysia? Ternyata Saudara Anwar Ibrahim telah melangkah cepat dan cekap. Setelah itu, berderetan pula kejayaan-kejayaan besar yang lain, - penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam, Syarikat Takaful Islam dan Yayasan Gerak Bakti Pemuda UMNO. Beliau juga terkemuka kerana program bina insan, membanteras rasuah, budaya ilmu dan reformasi pendidikan. Di samping itu, beliau tidak mengetepikan perjuangan asalnya untuk membasmi kemiskinan.

Pada peringkat awal, Saudara Anwar Ibrahim menyertai UMNO, beliau dijangka akan mewakili kerajaan Malaysia dalam sebarang rundingan di Timur Tengah. Imej ini

membezakan beliau dengan Dato Musa Hitam yang lebih ikrab dengan negara-negara Barat. Akan tetapi, dalam tahun 1989, Saudara Anwar Ibrahim memperkembangkan imejnya apabila beliau terpilih menjadi presiden **UNESCO** di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dengan itu, jelas beliau berkembang positif dalam jangka waktu 7 tahun di dalam **UMNO**.

Telah menjadi anggapan umum pada akhir tahun 1989 bahawa Dato Musa Hitam akan kembali aktif di dalam **UMNO**, dan akan menduduki tempat asalnya sebagai Timbalan Presiden, seterusnya sebagai Timbalan Perdana Menteri. Dato Musa Hitam dikatakan akan menggantikan Dr. Mahathir Mohamad apabila tiba masanya nanti.

Anggapan umum ini bersandarkan kepercayaan Perdana Menteri kepada beliau. Setelah kembali kepada **UMNO**, Dr. Mahathir menyerahkan dua tugas penting berturut-turut, iaitu mewakili Malaysia ke negara-negara Caribbean untuk menjemput ketua-ketua negara di sana ke Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel (**CHOGM**) di Kuala Lumpur, dan menjadi Wakil Khas ke Bangsa-Bangsa Bersatu. Dr. Mahathir Mohamad menyatakan bahawa perlantikan sedemikian semata-mata berasaskan kelayakan, tidak ada alasan tambahan. Dato Musa Hitam juga mengatakan bahawa beliau menerima tugas itu kerana beliau ahli **UMNO**.

Ramalan umum bahawa Dato Musa Hitam akan kembali berkuasa sebenarnya didorong oleh keinginan sejumlah ahli **UMNO** melihat kedua-dua pemimpin itu kembali berganding tenaga memerintah negara. Masih ada anggapan bahawa Encik Ghafar Baba hanyalah Timbalan Perdana Menteri sementara, walaupun Encik Ghafar Baba pernah menafikannya dalam suatu wawancara dengan akhbar **Utusan Malaysia**.

Ramalan selanjutnya menyatakan bahawa Saudara Anwar Ibrahim akan menjadi Timbalan Perdana Menteri ketika Dato Musa Hitam menjadi Perdana Menteri. Walaupun dahulu Dato Musa Hitam tidak begitu cocok bekerjasama dengan Saudara Anwar Ibrahim, namun Dato Musa Hitam mungkin membuat keputusan politik yang bijaksana dengan memilih tokoh yang kuat imej Islamnya untuk melangsungkan pengislaman pentadbiran.

Ramalan di atas tidak mustahil berlaku. Seterusnya, sanggahannya juga dapat diambil kira. Pihak yang menyanggahnya menyatakan, Dr. Mahathir Mohamad tidak

mungkin akan terlalu bermurah hati dengan Dato Musa Hitam, kerana Dato Musa Hitam telah menyebabkannya berdepan dengan masalah hidup mati sebagai presiden UMNO dan Perdana Menteri. Perbuatan Dato Musa Hitam meletak jawatan dan bersekongkol dengan Tengku Razaleigh Hamzah menentang Dr. Mahathir adalah peristiwa pahit yang sukar dilupakan. Bukankah Dr. Mahathir secara terbuka menyebelahi Dato Musa Hitam dalam pertandingan sebelum ini? Tentulah Dr. Mahathir bermenung sendirian:

“Begini rupanya cara Dato Musa membala jasa!”

Jika Dato Musa tertolak ke tepi, siapakah pengganti Dr. Mahathir? Jawabnya, tentulah Saudara Anwar Ibrahim. Pandangan umum mengemukakan dua halangan untuk itu. Pertama, Saudara Anwar Ibrahim adalah tokoh dari Utara. Pada masa-masa lalu, pucuk pimpinan berganti-ganti kawasan. Tunku dari Utara, Allahyarham Tun Abdul Razak dari Timur, Tun Hussein Onn dari Selatan dan Dr. Mahathir dari Utara pula. Dengan itu, Saudara Anwar Ibrahim mesti menunggu tokoh lain yang bukan dari Utara. Tokoh itu mungkin dari Timur, atau dari Selatan.

Halangan kedua ialah kemungkinan Tengku Razaleigh Hamzah akan pulang ke UMNO. Memang beliau berkali-kali berkata bahawa beliau tidak akan menyertai UMNO yang didaftarkan dalam tahun 1988 ini. Pengikut-pengikutnya pun menghendaki beliau terus bertegas demikian. Tetapi, tindakan politik tidak dapat ditentukan.

Tengku Razaleigh Hamzah akan menyertai **UMNO**, jika **UMNO** asal dihidupkan. Tidakkah kata-kata demikian menyinggung **PAS**. Tengku Razaleigh Hamzah mungkin mencari jalan untuk kembali ke **UMNO** yang ada ini untuk menghadapi tokoh-tokoh seperti Dato Musa Hitam dan Saudara Anwar Ibrahim.

Halangan daerah tidak akan menjadi halangan yang besar dalam arena politik yang dilibati oleh anggota yang matang. Dengan itu, Saudara Anwar Ibrahim mempunyai peluang yang besar untuk segera meningkat. Halangan kerana pulangan Tengku Razaleigh Hamzah juga tidak begitu kuat, kerana Tengku Razaleigh Hamzah terpaksa menjaga prinsip yang telah disuarakannya.

No Way Semangat Can Win

New Sunday Times, 7hb. Januari 1990, melaporkan bahawa Dr. Mahathir Mohamad menjangka **Semangat 46** dapat membantu **PAS** dalam pilihanraya 1990. Menurutnya, **PAS** tidak akan membantu **Semangat 46**. Kata Dr. Mahathir Mohamad, *The most Parti Semangat 46 could hope to achieve is to attract votes for PAS in areas where UMNO had marginal victories in the last general election.*

Pandangan Dr. Mahathir Mohamad ini tidaklah bercanggah dengan pandangan umum. Parti **Semangat 46** telah-pun membantu **PAS** dalam pilihanraya Teluk Pasu, Terengganu, dan **PAS** menang. Namun di tempat-tempat lain, ahli-ahli biasa **PAS** secara keseluruhannya tidak menyenangi kerjasama **PAS-Semangat 46**, ini kerana mereka tahu **Semangat 46** hanya mahu singgah sekejap sahaja di perkarangan rumah **PAS**.

PAS mempunyai pengalaman bekerja dengan orang **UMNO**. Pada awal dekat 70-an, Dr. Mahathir Mohamad sendiri menggunakan platform **PAS** untuk bersuara, setelah beliau dipecat oleh Tunku Abdul Rahman. Kini Tengku Razaleigh Hamzah mendekati **PAS** setelah keluar daripada **UMNO**.

Di Kuala Selangor, **PAS** mahu membawa **Semangat 46**

ke mahkamah kerana mereka menggunakan lambang PAS. Yang Dipertua PAS Kuala Selangor, Muhayat Haji Yusof menegaskan bahawa 22 orang ahli jawatankuasanya bersedia menghadapi risiko tindakan tata tertib PAS negeri. Muhayat berpendapat, tidaklah wajar ahli-ahli PAS Kuala Selangor dikelirukan seolah-olah ada kerjasama di antara PAS dengan **Semangat 46** di situ.

PAS Kuala Selangor marah apabila **Semangat 46** mengadakan ceramah di kampung Asam Jawa pada 27hb. Disember 1989 dengan menggunakan simbol PAS. (**Mingguan Kota**, 7hb. Januari 1990). Tentulah PAS Pusat tidak menyenangi tindakan PAS Kuala Selangor pimpinan Muhayat Haji Yusof, sebagaimana Ketua PAS Kuala Selangor ini tidak senang kepada PAS pusat. Beliau mengkritik Haji Fadzil Noor yang sanggup melanggar saluran parti dengan merestui dan menghadiri ceramah **Semangat 46** itu. Haji Halim Arshat menyifatkan Muhayat sebagai pengacau (**Watan**, 4hb. Januari 1990).

Anggapan ‘pengacau’ terhadap Muhayat oleh Haji Halim Arshat bukanlah kerana Muhayat benar-benar pengacau. Dalam konteks di atas, Muhayat bertindak secara yang betul, iaitu menentang tindakan puak luar PAS menggunakan PAS untuk mencapai maksud mereka.

Pemimpin kecil seperti Muhayat mudah dianggap pengacau oleh pemimpin yang agak besar seperti Haji Halim Arshat. Ini berlaku dalam setiap organisasi politik. Dalam PAS, sebelum peristiwa ini, telah berlaku peristiwa lain yang lebih penting.

Kerjasama PAS-Semangat 46 telah mewujudkan PAS 51. Menurut pandangan sesetengah pihak, PAS 51 dapat dianggap sama dengan Semangat 46. Mereka sama-sama menentang pucuk pimpinan yang dianggap menyeleweng daripada jalan asal. PAS 51 yang dipecat daripada PAS berusaha membawa pemimpin-pemimpin PAS seperti Haji Abdul Hadi Awang, Haji Nik Aziz Nik Mat, Dr. Daeng Sanusi, Haji Mutualib Embong dan Haji Halim Arshat ke mahkamah.

Seseorang yang memerhatikan peristiwa-peristiwa ini dengan teliti pasti akan membuat tanggapan bahawa setiap manusia akan berubah, apatah lagi manusia politik. Kenapakah Haji Abdul Hadi yang begitu dihormati oleh ahli-ahli PAS itu tiba-tiba menerima penentangan daripada mereka?

Sebenarnya, persahabatan **PAS** dengan **Semangat 46** menggambarkan bahawa **PAS** tidak tegas dengan pendirian yang diasaskan oleh Haji Abdul Hadi Awang. Haji Abdul Hadi Awang sebelum itu amat tegas dengan soal pembentukan negara Islam dan penolakan assabiah. Dengan bekerjasama dengan **Semangat 46** yang amat nasionalistik itu, **PAS** dapat dikatakan mengorbankan prinsip asalnya. **PAS** seolah-olah mula mengamalkan prinsip "tujuan menghalalkan cara". Kumpulan **PAS** 51 mulai bertanya kepada Haji Abdul Hadi Awang: "Bilakah hadis tentang assabiah yang selalu dibaca oleh ulama **PAS** itu dimansuhkan?"

Bagi ahli-ahli **PAS** yang kukuh dengan prinsip yang diajar oleh Haji Abdul Hadi, kemenangan dalam pilihanraya bukanlah tujuan utama. **PAS** tidak perlu bersahabat dengan mana-mana parti yang mempunyai ciri-ciri memusuhi Islam. **PAS** harus menolak golongan yang berpura-pura, atau golongan yang terlalu jelas tujuan mereka hendak mencapai cita-cita peribadi. **PAS** telah menolak **DAP** kerana **DAP** menentang pembentukan negara Islam. **Semangat 46** pula bersahabat baik dengan **DAP**. Oleh itu, dalam **Semangat 46** terdapat cebisan **Semangat DAP**, iaitu semangat setiakawan **DAP**. Jika **PAS** bersahabat dengan **Semangat 46**, bererti secara tidak langsung **PAS** berkawan dengan **DAP**. Itulah sebabnya Dr. Mahathir Mohamad tidak mempercayai bahawa **PAS** memusuhi **DAP**. Dr. Mahathir Mohamad percaya **PAS** akan bekerjasama dengan **DAP** untuk mencapai tujuan mereka.

Kepercayaan Dr. Mahathir Mohamad adalah kepercayaan politik. Ketika Bendahari **PAS**, Haji Mustafa Ali melangsungkan penentangan terhadap persahabatan di antara **Semangat 46** dengan **DAP**, Dr. Mahathir Mohamad menganggap laungan itu hanyalah sandiwara politik. Dr. Mahathir percaya bahawa **PAS** menyenangi **DAP**, kerana mereka dapat bekerjasama dalam pilihanraya.

Sama ada perkiraan Dr. Mahathir Mohamad itu tepat atau sebaliknya, tidaklah menjadi perkara besar. **PAS** boleh bersahabat dan boleh bermusuh dengan sesiapa saja. Bukankah **PAS** pernah berada di dalam **Barisan Nasional**? Jika **PAS** kini menentang **Barisan**, itu adalah kerana keadaan masa kini. Persahabatan **PAS** dengan **Semangat 46** kini pun seperti berada di dalam **Barisan Nasional** juga, sebab **Semangat 46** itu **UMNO**, iaitu bahagian **UMNO** yang tersisih,

yang digelar ‘serpihan’.

Jika kerjasama di antara **PAS** dengan **Semangat 46** semata-mata untuk menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad sahaja, itu bukanlah perjuangan Islam. Hal ini kira-kira sama dengan peristiwa Subky Latiff menyokong Dato Haji Harun Idris di Ampang Jaya. Komen Drs. Abdul Ghafor dari Universiti Kebangsaan Malaysia tentang kempen Subky Latiff amat menarik. Di bawah ini diturunkan komen tersebut:-

“Haji Subky Latiff dengan lantang dan bangga dapat berkempen membantu rakan karibnya Dato Haji Harun Idris. Hujah Haji Subky Latiff, mengapa dia dan kuncu-kuncunya menyokong calon serpihan **UMNO** adalah mudah iaitu menghadapi musuh bersama. Oleh kerana kumpulan serpihan dikatakan menentang kezaliman maka **PAS** harus menyokong walaupun mereka ini pernah berlaku zalim terhadap **PAS**. Tambahnya lagi, perkara keikhlasan jangan dipertikaikan. Yang penting ialah matlamat yang sama iaitu muh menentang kerajaan di bawah pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad. Apakah asas kerjasama **PAS** dengan **Kumpulan 46**? Menurut Haji Subky Latiff, dia kini sudah boleh makan martabak bersama Tengku Razaleigh. Ertinya asas ukhuwah martabak sudah memadai. (**Mingguan Kota**, 19hb. Februari 1989).

Komen di atas dikatakan menarik kerana Haji Subky Latiff membayangkan bahawa seseorang boleh dijadikan teman seperjuangan jika dapat duduk bersama-sama makan martabak. Drs. Abdul Ghafor menamakan cara ini “ukhuwah martabak.”

Tentulah Haji Subky Latiff tidak berfikir secara demikian. Akan tetapi, sekurang-kurangnya seseorang dapat memahami bahawa prinsip **PAS** boleh berubah, bahkan mudah berubah apabila bertemu dengan seseorang yang tersingkir dan dianggap telah bertaubat. **PAS** tidak mengambilkira alasan **Semangat 46** mendekati mereka. Menurut Drs. Abdul Ghafor lagi, menyamakan tokoh **UMNO** yang tersingkir dengan Saidina Umar r.a. amat tidak patut. Memanglah Rasulullah menerima Saidina Umar r.a. walaupun Saidina Umar r. a. musuh Islam sebelum memeluk Islam. Akan tetapi, menurut Drs. Abdul Ghafor, tokoh-tokoh yang dibandingkan dengan Saidina Umar r. a. itu sebenarnya belum tentu layak mencuci kasut Saidina Umar r. a.!

Haji Subky Latiff telah menjadi anggota **PAS** yang penting.

Beliau tahu tentang perkembangan politik semasa, dengan itu beliau dibenarkan menjadi jurucakap PAS. Dalam tulisan-tulisannya, beliau memang menyebelahi PAS secara bersungguh-sungguh, tetapi kelihatannya beliau memilih jalan sekular dalam penghujahannya. Menurut Drs. Abdul Ghafor lagi, PAS tidak akan lulus ujian selagi ada makhluk perosak di dalamnya.

Haji Subky Latiff menjadi penyokong nombor wahid atas kehadiran **Semangat 46** ke samping PAS. Dalam PAS, Haji Subky Latiff dari segi pencapaian ilmu agama masih jauh untuk sampai ke tingkat Haji Abdul Hadi Awang, padahal suaranya amat lantang sebagai jurubicara PAS. Kehadiran **Semangat 46** menguntungkan Haji Subky Latiff kerana beliau mempunyai sejumlah teman yang kira-kira sama pencapaian ilmu agama. Haji Subky Latiff akhirnya dapat berbicara tentang agama bersama-sama Tengku Razaleigh Hamzah, Dato Rais Yatim dan Ibrahim Ali. Dalam bidang penulisan pula, beliau dapat menulis beriringan dengan Yahaya Ismail, yang walaupun tidak menganggotai **Semangat 46**, tetapi menjadi jurubicara nombor wahid parti itu.

Seperti yang dikatakan oleh Dr. Mahathir Mohammad, tokoh-tokoh **Semangat 46** akan membantu PAS dalam pilihanraya 1990, iaitu bergerak bersama-sama Haji Subky Latiff.

Ad-Deen, Negara Islam dan Kebimbangan

Akhbar **The Rocket**, Edisi 22 Isu 8, antara lain menyuarakan protes, *We want to ask whether this intensification of Islamisation of the country's administration, economy, law and education system is unilaterally decided by the Prime Minister's Department, or the result of a Cabinet decision with the full support of MCA, GERAKAN, MIC, PBS, SUPP Ministers?*

There is a strong need for the government to re-affirm both in words and deeds, that Malaysia will remain a secular state as provided in the Malaysian Constitution. Any attempt to take the country towards an Islamic Malaysia through the Islamisation of Malaysian administration, economy, law and education system is against both the letter and spirit of the Constitutional guarantee of a secular system of government.

Protest **DAP** di dalam **The Rocket** ini merupakan gambaran kebimbangan mereka kalau-kalau Malaysia akan menjadi negara Islam di bawah pemerintahan Dr. Mahathir dan **UMNO**. Sebelum itu, **DAP** memainkan isu Enakmen Pentadbiran Islam Selangor (Selangor Islamic Administration Enactment) yang menurut mereka telah menghalang kebebasan beragama.

Suara **DAP** melalui **The Rocket** pada akhir tahun 1989



Lim Kit Siang: Bolehkah beliau memahami apa itu *ad-Deen*?

objektif, UMNO dan kerajaan tidak seperti yang digambarkan oleh DAP, dan tidak juga seperti yang dibayangkan oleh PAS.

Sebelum menghadiri majlis Persidangan UMNO 1989, Tunku Abdul Rahman ada menyatakan bahawa UMNO dan Semangat 46 tidak jauh berbeza. Pengakuan Tunku Abdul Rahman menjelaskan bahawa UMNO yang dianggap keterlaluan dalam hal hendak melaksanakan Islamisasi itu, tidaklah keterlaluan. UMNO lebih kurang seperti Semangat 46 yang menjadi sahabat DAP.

Ditinjau daripada aspek yang sebaliknya pun demikian juga. UMNO yang dianggap oleh PAS sebagai parti yang tidak mahu melaksanakan undang-undang Islam itu, sebenarnya bukanlah anti-Islam. UMNO hanyalah seperti Semangat 46 yang menjadi saudara sepupu PAS dalam perjuangan menegakkan *ad-Deen* di Malaysia.

Oleh kerana UMNO lebih kurang seperti Semangat 46 daripada segi sikap dan pegangan, maka pertentangan antara Semangat 46 dengan UMNO bukanlah pertentangan prinsip. Pertentangan ini hanyalah penentangan untuk menukar pemimpin parti, dan seterusnya pemimpin negara. Dan, oleh kerana DAP tidak pernah bersetuju dengan UMNO, maka DAP juga tidak akan bersetuju dengan Semangat 46.

adalah suara kebimbangan kepada pemerintahan cara Islam. Telah disebutkan dalam bab yang lalu bahawa DAP adalah keterbalikan daripada PAS. PAS sedang menganggap UMNO kian jauh daripada Islam, DAP menganggap UMNO sedang berusaha untuk memaksimumkan Islamisasi.

Dalam keadaan begini terserlahlah realiti politik masing-masing. Mereka menyerang UMNO dengan menggunakan isu yang dicipta, bukan isu yang sebenar. Jika ditinjau dengan kaca mata yang

Bantuan DAP kepada Semangat 46 di Johor Bahru pada tahun 1988 adalah bantuan untuk melemahkan UMNO. DAP tahu, dengan lemahnya UMNO, tidak bererti Semangat 46 secara automatik menjadi kuat. Bagi DAP, alangkah baiknya jika kedua-dua pihak, iaitu UMNO dan Semangat 46 tidak kuat. Apabila kedua-duanya lemah, maka kekuatan akan berpindah kepada DAP sendiri!!

Hal yang serupa juga berlaku di Sabah. Apabila Berjaya dan USNO lemah, maka kekuatan berpindah ke tangan PBS.

PAS yang asyik dengan slogan-slogannya tidak begitu menghiraukan perhitungan seperti ini. Sekejap pemimpinnya ingin bersaudara sepupu dengan Semangat 46, sekejap timbul amaran agar Semangat 46 mengawal perjalanan. PAS berpegang pada janji Semangat 46, iaitu menerima Islam sebagai *ad-Deen* dalam pemerintahan di Malaysia. PAS tidak peduli, dengan istilah *ad-Deen* itu, DAP akan bertambah jauh daripadanya.

Pemimpin-pemimpin Semangat 46, semasa di dalam UMNO tidak pernah menyebut perkataan *ad-Deen* itu. Di dalam UMNO, sejak dahulu hingga sekarang, hanya Saudara Anwar Ibrahim yang menyebut perkataan *ad-Deen*. Akan tetapi, Saudara Anwar Ibrahim tidak berusaha mempertingkatkan penggunaan istilah tersebut.

Apakah ertinya *ad-Deen* itu? Secara mudah, *ad-Deen* Islam adalah agama Islam yang sebenar-benarnya. Menurut Profesor Syed Naquib Alattas, *There are no doubt, other forms of deen but the one in which is enacted total submission (istislam) to God alone is the best....* Professor Syed Naquib mengakui adanya *ad-Deen* yang lain, tetapi menurut beliau, "...what makes Islam different from the other religions is that the submission according to Islam is sincere and total submission to God's will, and this is enacted willingly as absolute obedience to the Law revealed by him."

Di Malaysia konsep *ad-Deen* dengan makna yang tepat seperti maksud dalam kehendak Islam mula disyarahkan oleh Profesor Syed Naquib Alattas pada awal tahun 70-an, ketika itu Anwar Ibrahim adalah pelajar beliau. Dengan itu, tidaklah menghairankan jika Saudara Anwar Ibrahim memahami benar konsep tersebut.

Apabila konsep *ad-Deen* dihalusi, terasa mustahil Semangat 46 akan mencapai maksudnya daripada segi amalan. Kegiatan politik sekular adalah halangan untuk

mencapai kehidupan beragama seperti yang dimaksudkan dengan *ad-Deen* itu. Apatah lagi pergelutan untuk memperoleh kuasa seperti yang sedang berlaku.

DAP boleh jadi benar-benar gusar kalau **UMNO** benar-benar menukarkan corak pemerintahan negara ini ke corak negara Islam. **PAS** pula gusar kalau-kalau **UMNO** kian jauh dari Islam. Sama-sama gusar atas alasan yang berbeza.

Islam dalam Politik Malaysia

Islam adalah agama rasmi Malaysia. Sebagai agama rasmi, kedudukannya terpelihara, dan pada masa yang sama agama-agama lain diizinkan untuk terus dianuti dan diamalkan. Perjuangan mendaulatkan Islam sejauh ini telah ditunjukkan oleh **UMNO**, **PAS**, **Berjaya** dan **HAMIM** dengan cara masing-masing. Tanda kebebasan beragama pula dimanifestasikan dengan kewujudan gereja-gereja, kuil-kuil dan lambang-lambang keagamaan yang lain.

UMNO memperjuangkan Islam dengan bangsa Melayu. Ini jugalah yang diperjuangkan oleh **PAS** dalam tahun-tahun 50-an, 60-an dan 70-an. Hanya dalam tahun-tahun 80-an, **PAS** menekankan Islam di samping menolak nasionalisme. Sekarang daripada sudut pandangan **PAS**, Melayu itu tidak penting. Yang penting hanyalah Islam. Jadi, **PAS** memperjuangkan Melayu secara kebetulan sahaja. Demikian rumusan yang dapat ditanggapi apabila kita meninjau syarahan dan tulisan pembicara **PAS** mutakhir.

UMNO tetap dengan penekanan kepada nasionalisme. Walaupun Islam ditekankan, penekanan itu tidak sekuat penekanan pada soal kebangsaan. Ini sesuai dengan nama parti itu, yang meletakan 'Melayu' sebagai dasar. Nama **PAS** meletakkan 'Islam' sebagai dasar.

Apabila Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih

kepimpinan UMNO dan kerajaan, soal Islam diberikan penekanan yang lebih. Beliau mempopularkan dasar penerapan nilai-nilai Islam. Dasar ini, diiringi dasar terbuka, telah menimbulkan minat yang mendalam kepada Saudara Anwar Ibrahim, selaku presiden ABIM pada masa itu. Selaku presiden ABIM, Saudara Anwar Ibrahim sering mengemukakan idea melaksanakan Islam sebagai *ad-Deen* di dalam kehidupan.

Dasar Dr. Mahathir Mohamad dapat dikatakan menyamai dasar PAS di bawah Dato Asri Muda. Memanglah UMNO berbeza daripada PAS, tetapi pemimpin yang bernama Asri Muda itu mempunyai cita-cita yang tidak begitu berbeza daripada Dr. Mahathir Mohamad dalam mempertingkatkan Islam. Perbezaan mereka hanyalah kerana Dato Asri Muda itu pemimpin pembangkang.



Ustaz Fadzil Noor: Tidak begitu berbeza dengan Ustaz Nakhaie Ahmad. Amat berbeza daripada Ustaz Abdul Hadi Awang

Saudara Anwar Ibrahim di dalam ABIM dahulu juga pembangkang, walaupun ABIM bukan parti politik. Ustaz Nakhaie Ahmad juga demikian. Kini, di dalam UMNO, kita mendapati mereka mempunyai cita-cita yang sama. Kalau pada ketika ini Ustaz Fadzil Noor menyertai UMNO, kita akan mendapati persamaan yang sedemikian juga. Ini kerana Ustaz Fadzil Noor tidak begitu berbeza daripada Saudara Anwar Ibrahim dan Ustaz Nakhaie Ahmad. Yang kelihatan berbeza daripada yang lain hanyalah Ustaz Abdul Hadi Awang.

Suara Ustaz Abdul Hadi Awang pada bila-bila pun adalah suara cita-cita pembentukan negara Islam. Jika beliau menduduki tempat pertama dalam **PAS**, tidak mungkin beliau bekerjasama dengan **Semangat 46**, kumpulan nasionalis yang berasal daripada **UMNO**. Sungguhpun Dato Rais Yatim sering menyebut istilah *ad-Deen* sepetimana yang disebut oleh Saudara Anwar Ibrahim dalam tahun 70-an, sebutan itu hanyalah sebutan untuk penyesuaian dengan cita-cita **PAS**. Dato Rais Yatim tidak pernah menyebut istilah *ad-Deen* semasa di dalam **UMNO**. Bahkan, beberapa lama selepas peristiwa “membakar jambatan” pun beliau tidak menyebut istilah tersebut.

Tengku Razaleigh Hamzah selaku presiden **Semangat 46** sering menyebut istilah kemungkaran politik. Istilah kemungkaran juga datang dari bidang agama. Seperti Dato Rais Yatim, Tengku Razaleigh Hamzah juga tidak pernah menyebut istilah ini semasa beliau di dalam **UMNO** dan kerajaan. Cuma, beliau agak awal menyebut istilah ini, iaitu pada masa beliau menjadi calon menentang Dr. Mahathir Mohamad semasa perebutan presiden **UMNO** dalam tahun 1987.

Istilah-istilah dalam bidang keagamaan, baik yang positif seperti *ad-Deen*, maupun yang negatif seperti ‘kemungkaran’ dipercayai mempunyai *impact* dalam diri orang Melayu Islam. Cuma, *impact* itu mungkin menguntungkan dan mungkin juga merugikan. Istilah-istilah agama, bagi orang Melayu Islam hanya sesuai disebut dan disyarahkan oleh ustaz-ustaz. Saudara Anwar Ibrahim, walaupun tidak digelar ustaz, dianggap sesuai membicarakan soal-soal agama kerana beliau dulunya menjadi presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (**ABIM**), mengetuai sejumlah ustaz. Dalam suatu majlis pada pertengahan tahun 1989, Encik Abdul Ghafar Baba menyebut ‘Ustaz’ untuk Saudara Anwar Ibrahim.

Sebenarnya pandangan di atas sekali-kali tidak bermaksud menyatakan bahawa di dalam Islam ada halangan untuk masyarakat umum membicarakan soal agama. Yang dimaksudkan hanyalah soal kebiasaan dalam masyarakat kita. Tidaklah salah seseorang daripada ahli masyarakat yang bukan ulama itu menuduh orang lain mungkar, tetapi oleh kerana ahli berkenaan sama seperti pihak yang dituduhnya, maka tuduhan itu dengan mudah dapat berbalik kepadanya. Adalah lebih munasabah jika **Semangat 46** dan **UMNO**

berusaha memaparkan siapakah yang lebih nasionalis, daripada bertanding untuk memperlihatkan siapakah yang lebih Islamis. Jika ditanya kepada mana-mana rakyat Malaysia, yang manakah lebih Islamis di antara **UMNO**, **Semangat 46** dan **PAS**, maka jawapannya tentulah **PAS**.

Semangat 46 adalah serpihan daripada **UMNO**. Demikian menurut Dr. Mahathir Mohamad. **UMNO** baru adalah **UMNO** sumbing, demikian menurut Tengku Razaleigh Hamzah. Walaupun masing-masing saling menyindir, tidak siapa pun menafikan bahawa pihak lawan itu didasari **UMNO**. Baik serpihan **UMNO** mahupun **UMNO** sumbing, kedua-duanya adalah berasaskan **UMNO**. Dengan itu, kedua-duanya adalah kumpulan nasionalis. Mengapakah mereka tidak berlumba-lumba memperlihatkan tingkat nasionalisme? Mengapa masing-masing berlumba-lumba memperlihatkan wajah Islam?

Sebenarnya, kesemua pemimpin telah melihat perkembangan di sekeliling mereka. Kebangkitan Islam di Malaysia dan di dunia secara langsung dan tidak langsung, telah mempengaruhi tindakan politik mereka. Terpilih dan meningkatnya Haji Wan Mokhtar Ahmad, Dato Dr. Yusof Noor dan Anwar Ibrahim sebagai naib presiden **UMNO** adalah akibat daripada perkembangan demikian.

Di antara mereka, yang berwibawa sebagai pemimpin masa depan tentulah Saudara Anwar Ibrahim. Prinsipnya tidak pernah berubah sejak dahulu, walaupun beliau terpaksa menyesuaikan diri dengan tindakan-tindakannya sendiri kerana perkembangan semasa. Jika beliau tidak membatalkan kegiatan-kegiatan tertentu di Kementerian Kebudayaan semasa menjadi menteri, itu mungkin kerana proses penyesuaian. Demikian juga jika beliau sebagai Menteri Pendidikan meneruskan dasar memperkembangkan pengajaran muzik dan drama di sekolah-sekolah.

Soal penyesuaian adalah soal biasa dalam politik. Saudara Anwar Ibrahim tidak berbeza daripada Ustaz Abdul Hadi Awang sejak dahulu hingga kini. Mereka tegas dan berpendirian. Ustaz Hadi juga melalui proses penyesuaian diri apabila beliau menerima baik **Semangat 46** sebagai teman seperjuangan. Dulu beliau menolak parti yang mengamalkan politik suku agama suku. Yang dimaksudkannya ialah **UMNO**. Seharusnya beliau gembira kerana **UMNO** politik suku itu mati, tetapi tidak juga demikian. Beliau menerima baik **Semangat 46** yang berusaha keras untuk menghidupkan

UMNO politik suku agama suku. Sebenarnya, Ustaz Abdul Hadi Awang terpaksa menyesuaikan diri dengan dasar Ustaz Fadzil Noor, Yang Dipertua PAS yang mempunyai persamaan idea dengan Ustaz Nakhaie Ahmad.

Di dalam **UMNO**, ada pemimpin yang sesuai berbicara tentang agama, dan ada yang tidak sesuai. Seharusnya, pemimpin yang tidak sesuai berbicara tentang agama memberi peluang kepada yang berupaya. Jika itu dilakukan, tidaklah timbul soal gelaran mujahidin untuk Dr. Mahathir Mohamad, atau tuntutan gelaran ulama oleh Dr. Mahathir sendiri.

Dr. Mahathir Mohamad sebenarnya tidak perlu berfatwa bahawa judi dan arak itu boleh menjadi pengukur iman, oleh itu tidak perlu hal-hal tersebut diharamkan. Beliau juga tidak perlu mengatakan bahawa pakaian wanita Islam tidak mencerminkan keimanan mereka itu.

Masyarakat tahu bahawa judi dan arak telah wujud sejak dahulu. Masyarakat tahu bahawa lumba kuda itu minat siapa. Oleh itu, lebih elok Dr. Mahathir bergurau sahaja dengan mengatakan bahawa ada orang yang tersinggung jika lumba kuda diharamkan. Tentang pakaian pula, elok Dr. Mahathir bergurau mengatakan bahawa ada di antara wanita **Semangat 46** yang tidak bertudung kepala, jadi gesaan agar wanita menu待ung kepala akan menyenggung tokoh wanita itu.

Gurauan di atas akan dirasai keanak-anakan. Akan tetapi anggapan demikian tidaklah sehebat reaksi sekarang. Sekarang, Dr. Mahathir telah dianggap menghina Islam. Akhbar **Harakah** berkali-kali membawa isu ini. Bahkan ada pihak yang membuat laporan di balai polis, mendakwa Dr. Mahathir menghina Islam. Isu agama Islam akan terus menjadi isu utama dalam politik Melayu dekad 90-an. PAS memilih berkawan dengan **Semangat 46** kerana **Semangat 46** berjanji akan mengamalkan Islam sebagai *ad-Deen*. PAS menolak DAP kerana DAP anti-negara Islam. Tetapi DAP dipilih oleh **Semangat 46** untuk dijadikan kawan kerana menurut mereka DAP lebih kurang sama dengan MCA. Anehnya PAS tidak marah secara rasmi dalam hal ini, walaupun Mustaffa Ali marah secara peribadi.

Parti yang didukungi oleh orang Melayu tetapi tidak memainkan sentimen agama hanyalah PRM (Parti Rakyat Malaysia). Kita dapati parti ini tidak membesar kerana sifatnya yang sedemikian. Pada awal tahun 80-an, Saudara

Kassim Ahmad memperlihatkan hasrat untuk menerapkan ideologi yang berteraskan Islam ke dalam parti itu, tetapi akhirnya Saudara Kassim Ahmad sendiri terpaksa berundur.

Barangkali bagi PRM elok juga saudara Kassim Ahmad berundur. Jika Saudara Kassim Ahmad mengemukakan teori hadis ketika beliau menjadi pengurus parti itu, akibatnya amat buruk bagi parti. Penilaian semula hadis oleh Saudara Kassim Ahmad telah menerima reaksi yang bukan-bukan daripada banyak pihak. Akhirnya buku beliau diharamkan, setelah terjual kira-kira 20,000 naskah.

Isu Islam yang dibawa oleh Saudara Kassim Ahmad, jika dibawa dengan cermat, akan dapat membantu UMNO. Sebenarnya beliau telah dinasihati oleh Keris Mas, teman sasterawan beliau, agar memperkatakan persoalan hadis dan idea-idea Rashad Khalifa hanya di dalam kumpulan yang kecil. Menurut Keris Mas, jika isu seperti ini dibawa ke tengah masyarakat, akan timbul keributan.

Saudara Kassim Ahmad pula mengatakan bahawa kebenaran beragama tidak elok disembunyikan. Dengan itu, Saudara Kassim Ahmad dengan tegas dan berani telah muncul sebagai pembicara hadis. Beliau terpaksa menghadapi sejumlah ulama. Di antara ulama-ulama itu, ada yang menganggap beliau murtad.

Secara umum, membawa isu agama secara menyanggah arus akan menimbulkan keributan. Ucapan Dr. Mahathir menimbulkan keributan yang hampir-hampir sama dengan keributan akibat tindakan-tindakan Saudara Kassim Ahmad. Ada yang mengatakan bahawa mereka perlu diperangi sepertimana Khalifah Abu Bakar As-Sidiq memerangi nabi palsu. Soalnya, kenapakah pemimpin dan pemikir-pemikir kita sanggup mencetuskan kontroversi seumpama itu?

Masyarakat kita berhadapan dengan dekad 90-an bersama-sama nilai-nilai agama, politik, budaya dan ekonomi yang lebih mencabar. Meninjau aspek pendidikan untuk kanak-kanak dan remaja Melayu, kita dapat mengagak bahawa nilai keagamaan akan menjadi nilai yang dominan dalam diri mereka. Pemimpin-pemimpin politik harus peka terhadap realiti ini. Di samping itu, pemimpin juga perlu menghadapi realiti lain, iaitu negara kita mempunyai rakyat yang berbilang kaum. Di antara para pemimpin kita yang agak besar jumlahnya itu, yang paling peka dan paling memahami hakikat ini ialah Saudara Anwar Ibrahim.

PAS dan Al-Islah

Walaupun Ustaz Fadzil Noor menganggap kumpulan Al-Islah sebagai kumpulan yang latah, namun suara kumpulan itu tidak dapat diperkecilkan. Di dalam PAS, bukan sedikit ahli-ahli yang mahir dalam hal agama. Ahli-ahli yang mahir itu mempunyai pandangan yang berbeza-beza.

Perbezaan pandangan agama Islam adalah sesuatu yang diakui dan diterima oleh Islam sendiri. Akan tetapi, di dalam bidang politik perbezaan pandangan tentang hal yang besar-besar menimbulkan masalah. PAS di bawah pimpinan Ustaz Fadzil Noor mempunyai pandangan bahawa kerjasama parti itu dengan Parti Semangat 46 sesuai dengan Islam. Ustaz Fadzil Noor dan kawan-kawannya berpendapat bekerjasama dengan UMNO tidak wajar, tetapi jika UMNO pecah, PAS boleh bekerjasama dengan satu bahagian daripada pecahan itu.

Alasan bahawa Semangat 46 menerima Islam sebagai *ad-Deen* tentulah alasan yang dibuat-buat. Itu siapa pun tahu. Sebenarnya istilah *ad-Deen* bukanlah istilah yang dimulakan oleh ahli-ahli Semangat 46. Istilah itu disebut-sebut oleh Saudara Anwar Ibrahim semasa beliau belum menyertai UMNO dahulu.

Seterusnya, Semangat 46 tentulah difahami betul-betul oleh pemimpin PAS sebagai parti yang sedang mencari jalan

untuk memerintah negara. Tengku Razaleigh Hamzah mempunyai perhitungan yang agak baik untuk menang. Kerjasama **Semangat 46** dengan **DAP** akan membantu Tengku Razaleigh Hamzah dalam usaha menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad.

Ahli-ahli dan penyokong-penyokong **PAS** biasa tentulah tidak berupaya melihat perkara ini dengan jelas. Mereka tentulah mempunyai kata-kata Ustaz Fadzil Noor dan kawan-kawannya yang berupaya menunjukkan bukti bahawa cara yang dipilihnya itu betul belaka. Ketua penerangan **PAS**, iaitu Haji Subky Latiff juga bersungguh-sungguh membuktikan bahawa cara itu betul. Ahli-ahli dan penyokong-penyokong **PAS** yang mempunyai pengetahuan yang sederhana tidak membantah apa-apa pandangan Haji Subky Latiff walaupun mereka tahu Haji Subky Latiff tidaklah mahir dalam hal-ehwal agama.

Al-Islah adalah kumpulan ahli-ahli **PAS** yang mempunyai pengetahuan yang memuaskan dalam hal-ehwal Islam. Mereka tidak kasar. Dengan berdasarkan pandangan yang berasaskan ajaran Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, kumpulan Al-Islah yang diketuai oleh Haji Wan Ismail Wan Ahmad mencabar pucuk pimpinan **PAS** berbahas tentang kewajaran bekerjasama dengan **Semangat 46**. Ketika Haji Abdul Hadi Awang, Ustaz Nakhaie Ahmad dan beberapa orang lagi menegaskan bahawa **UMNO** parti assabiah, mereka tidak menyebutkan pengecualian. Mereka menegaskan bahawa yang menyebabkan **UMNO** bertentangan dengan Islam ialah perlombagaan parti itu yang berasaskan nasionalisme.

Kumpulan Al-Islah berupaya membuktikan bahawa **Semangat 46** tidak berbeza daripada **UMNO**. Apatah lagi, **Semangat 46** sentiasa menyuarakan hasrat mereka hendak menghidupkan **UMNO** asal. Apabila disebut **UMNO** asal, ertiya **UMNO** yang ditentang oleh Ustaz Haji Abdul Hadi Awang secara bersungguh-sungguh terutama dalam tahun-tahun 1985, 1986 dan beberapa bulan dalam tahun 1987. Apakah alasan Ustaz Fadzil Noor untuk meneruskan persahabatan dengan parti yang akan menghidupkan parti musuhnya itu?

Kita tidak pasti adakah suasana politik pada pertengahan tahun 1990 ini mengelirukan. Rasa-rasanya, sekarang rakyat tidak lagi keliru. Sudah dapat disimpulkan dengan jelas dan tegas bahawa **Angkatan Perpaduan Ummah (APU)** tidak

merupakan ikatan yang berdasarkan perjuangan yang suci. Hasrat mereka hanyalah satu: untuk menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad.

Al-Islah mempunyai pandangan yang terang dalam hal ini. Akan tetapi, seperti yang sering terjadi, kumpulan yang kecil dan mempunyai pandangan yang berbeza daripada kumpulan yang kedua, pasti ditindas. Ketua Dewan Ulama **PAS**, Haji Nik Aziz Nik Mat, menuduh Al-Islah dicipta oleh **UMNO**. Sebenarnya tidak mudah **UMNO** hendak mencipta Al-Islah, kerana **UMNO** tidak pernah memikirkan hujah-hujah yang melampau dalam membina strategi politiknya.

Al-Islah adalah kumpulan yang ingin meneruskan cara yang ditunjukkan oleh Haji Abdul Hadi Awang. Tidak benar **UMNO** mempunyai kecenderungan mencipta kumpulan begini. Tetapi, secara kebetulan, **UMNO** memperoleh keuntungan politik, kerana wujudnya kumpulan ini. Ini samalah dengan fenomena Ustaz Abu Bakar Hamzah. Ustaz Abu Bakar Hamzah menentang pucuk pimpinan **PAS**, tetapi tidak bererti tokoh yang keras hati itu ciptaan **UMNO**. Ustaz Abu Bakar Hamzah pernah mencapai tahap seperti Haji Abdul Hadi Awang dalam dekad 60-an dahulu kerana kemahirannya berpidato dan sikap kerasnya terhadap kerajaan. Kini, secara kebetulan, pandangan-pandangan Ustaz Abu Bakar tentang **PAS** menguntungkan **UMNO**, kerana Ustaz Abu Bakar tidak menyenangi pemimpin-pemimpin **PAS** sekarang.

Al-Islah adalah kumpulan yang ingin melihat **PAS** berpegang kuat pada prinsip. Tanpa prinsip yang kukuh, **PAS** terawang-awang kerana tidak tiba ke langit cita-cita, dan tidak juga mahu berpijak pada bumi yang dianggap penuh kekotoran. Jika di bumi, tokoh-tokoh wanita dari parti kawan tidak menutup rambut, **PAS** tentu tidak senang, tetapi langit terlalu tinggi. Dalam keadaan berkawan baik dengan **Semangat 46**, **PAS** tidak boleh bercakap tentang tingkah laku **Semangat 46**. Sama ada wanita **Semangat 46** menutup rambut atau tidak adalah soal **Semangat 46**. Sama ada **Semangat 46** hendak memerintah negara bersama-sama **DAP**, itu juga soal **Semangat 46**. Yang penting bagi **PAS** ialah kejatuhan Dr. Mahathir Mohamad. Ini tentu tidak dapat diterima oleh Al-Islah.

Untuk menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad, Haji Subky Latiff sampai hati meminta ahli-ahli **PAS** menangguhkan hajat mengerjakan haji, walaupun kemudiannya ada

dinyatakan bahawa Haji Subky Latiff bermaksud menunjukkan cadangan itu kepada orang yang telah pun menunaikan fardu tersebut, orang tetap mempertikaikannya. Haji Subky Latiff telah mengeluarkan fatwa bahawa berkempen dan mengundi lebih baik daripada menunaikan haji kali kedua. Adakah fatwa itu betul? Dalam PAS, seseorang tidak memerlukan taraf ulama untuk mengeluarkan fatwa.

Kumpulan Al-Islah tentu tidak bersetuju dengan kegiatan politik seperti ini. Menurut Haji Subky Latiff (**Harakah**, 27hb. April 1990), kerajaan Malaysia adalah kerajaan yang karut dan zalim kerana tidak mengabdikan diri kepada Islam. Itulah sebabnya beliau menyeru agar orang Islam menangguhkan hajat ke Mekah, dengan harapan orang Islam itu akan menukar kerajaan yang karut dan zalim dengan sebuah kerajaan yang bagus dan adil. Dalam konteks yang dikemukakan oleh Haji Subky Latiff, tentulah kebanyakan orang menganggap Haji Subky memperjuangkan negara Islam melalui saranan atau seruan demikian. Akan tetapi, kalaupun orang yang hendak ke Mekah itu menangguhkan pemergian mereka, dan pilihanraya betul-betul diadakan dalam musim haji, bukanlah PAS yang mempunyai peluang yang baik untuk memerintah negara ini. Tengku Razaleigh Hamzah adalah calon popular Perdana Menteri dalam kerajaan baru jika Dr. Mahathir Mohamad jatuh. Lim Kit Siang mempunyai kedudukan yang cukup kuat dalam kerajaan baru itu!! Dengan itu, kerajaan yang bagus dan adil yang diimpikan oleh Haji Subky Latiff bukanlah kerajaan Islam.

Kumpulan Al-Islah ingin berjuang dalam kesucian. Biarlah tidak menjadi pemerintah, asalkan cara berjuang itu betul. Sesebuah badan dakwah menekankan kebersihan hati para pendakwah. Jika PAS benar-benar parti Islam, perkara yang pertama yang perlu dibuktikan ialah kebersihan hati. Falsafah sekular "tujuan menghalalkan cara" hendaklah disingkirkan. PAS sekarang tidak demikian. Ustaz Fadzil Noor telah menghalalkan aneka cara untuk menentukan kemenangan. Di Baling, dalam "majlis mangsa kezaliman Memali" Ustaz Fadzil Noor memberitahu keluarga mangsa peristiwa Memali bahawa bekas pemimpin-pemimpin kerajaan ingin meminta maaf, kesal dan insaf atas peristiwa malang itu (**Harakah**, 27hb. April 1990)

Adakah benar bekas-bekas pemimpin kerajaan ingin

meminta maaf? Kenapakah Ustaz Fadzil Noor menjadi wakil pemimpin-pemimpin itu? Kenapa mereka tidak terus meminta maaf kepada pihak yang boleh memberi maaf? Dan kenapakah perkataan “ingin” itu disebutkan. Perkataan “ingin” meminta maaf menunjukkan bahawa mereka belum meminta maaf.

Dato Radzi Sheikh Ahmad yang menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika peristiwa Memali berlaku, dikatakan akan turut hadir dalam majlis itu. Akan tetapi atas alasan kesihatan, Dato Radzi Sheikh Ahmad tidak hadir. Kita tidak dapat memastikan adakah Dato Radzi Sheikh Ahmad yang ingin meminta maaf itu. Di antara bekas pemimpin-pemimpin kerajaan, hanya Dato Musa Hitam dan Dato Radzi Sheikh Ahmad yang kerap disebut-sebut sebagai tokoh-tokoh yang berkait secara langsung dengan peristiwa Memali.

Jika difikirkan, seeloknya orang yang ingin meminta maaf terus sahaja meminta maaf. Cara politik Ustaz Fadzil Noor menyampaikan keinginan orang hendak meminta maaf agak lucu. **PAS** sering menyuarakan rasa marah kerana peristiwa Memali dianggap amat zalim. Adakah wajar peristiwa itu dipadam dengan hanya meminta maaf? Adakah keluarga mangsa Memali dapat memaafkan bekas pemimpin-pemimpin kerajaan itu dengan mudah? Ustaz Fadzil Noor meminta agar keluarga-keluarga itu berjiwa besar untuk memaafkan bekas-bekas pemimpin kerajaan.

Kumpulan Al-Islah tentu menganggap tindak-tanduk dan ucapan Ustaz Fadzil Noor itu tidak wajar. Yang dimaksudkan dengan bekas-bekas pemimpin kerajaan tentulah termasuk Dato Musa Hitam. Adakah Dato Musa Hitam ingin meminta maaf dalam hal ini? Banyak sekali soalan yang mungkin disoal oleh kumpulan Al-Islah kepada **PAS**. Akibatnya, menurut Ustaz Fadzil Noor, Al-Islah dilarang menyertai muktamar **PAS** pada 21hb. Mei 1990.

PAS dalam APU

Kerjasama atau pakatan **Semangat 46-DAP** dan **Semangat 46-PAS** menimbulkan keadaan aneh. Keadaan aneh begini rasa-rasanya seperti neraka dalam drama Jean Paul Sartre. **Semangat 46** menghendaki kemesraan **PAS** kerana dengan kemesraan itu memungkinkan tokoh parti itu menjadi Menteri Besar Kelantan. Pada masa yang sama, **Semangat 46** bercinta dengan **DAP** kerana dengan kemesraan demikian memungkinkan tokoh parti itu menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang.

Jika **Semangat 46** dan **PAS** menang di Kelantan dan Pulau Pinang, maka ada dua orang ketua negeri daripada parti Tengku Razaleigh Hamzah. Seorang daripadanya tentu Tengku Razaleigh Hamzah sendiri.

Akan tetapi ada masalahnya. Perhitungan cara ini menimbulkan kemarahan kumpulan Islah dalam **PAS**. Kumpulan ini amat menghormati ajaran Haji Abdul Hadi Awang. Penekanan Haji Abdul Hadi Awang ialah perjuangan menentang assabiah. **Semangat 46** yang terserpih daripada **UMNO** tidak meninggalkan dasar nasionalisme yang dianggap assabiah itu.

Kumpulan Islah **PAS** menentang kerjasama **PAS-Semangat 46** kerana ketebalan assabiah **Semangat 46**. Pada suatu peringkat **Semangat 46** dapat memadamkan unsur

assabiah dengan mempropagandakan konsep Islam sebagai *ad-Deen*. Walaupun soal Islam sebagai *ad-Deen* boleh diperkatakan oleh sesiapa sahaja, kerana keseluruhan orang tahu bahawa konsep tersebut pernah dikemukakan oleh Saudara Anwar Ibrahim semasa beliau di dalam **ABIM**, iaitu dalam dekad 1970-an. Saudara Anwar Ibrahim ketika itu memperoleh manfaat daripada kuliah-kuliah dan buku-buku Prof. Syed Muhammad Naquib Al-attas.

Oleh sebab **PAS** tetap memperjuangkan pembentukan negara Islam, **Semangat 46** terpaksa memilih slogan yang dianggap dekat dengan cita-cita **PAS**. **Semangat 46** tidak dapat menerima perjuangan **PAS** kerana cita-cita menegakkan negara Islam ditentang habis-habisan oleh **DAP**. Dengan kata yang lebih mudah, **Semangat 46** terpaksa mengambil hati kedua-dua kekasihnya (salah satu daripadanya kekasih homo) untuk mencapai tujuannya.

DAP tampaknya tidak menentang konsep Islam sebagai *ad-Deen*. Hal ini disebabkan **DAP** tahu bahawa konsep Islam sebagai *ad-Deen* yang dicanangkan oleh **Semangat 46** itu tidak berbeza sedikit pun dengan konsep penerapan nilai-nilai Islam yang sedang berlangsung. **DAP** tahu, di dalam **Semangat 46** tidak terdapat tokoh agama seperti Haji Abdul Hadi Awang yang amat tegas dan jelas jalan Islamnya.

Cita-cita membentuk negara Islam yang disuarakan oleh **PAS** kelihatan kian menipis apabila parti itu bekerjasama dengan **Semangat 46**. **Semangat 46** bukan sahaja nasionalis alias assabiah, tetapi lebih jauh daripada itu **Semangat 46** mengikat tali perhubungan erat dengan **DAP**, parti yang memusuhi cita-cita **PAS**. **DAP** mempunyai cita-cita yang tersendiri dalam percaturan politik tanahair.

Bersenjatakan amanat dan penegasan-penegasan Haji Abdul Hadi Awang, kumpulan Islah dalam **PAS** akan terus membidas kerjasama **PAS-Semangat 46**. **PAS** pusat pemimpin Haji Fadzil Noor akan bertindak tegas menentang kumpulan Islah, walaupun kumpulan Islah amat kuat keislamannya. Ini berbaliklah pada amalan politik biasa, baik yang moden ataupun yang tradisional, iaitu pihak yang berkuasa akan mencantas mana-mana pemimpin kecil yang menentangnya. Bagi pucuk pimpinan **PAS**, kerjasama **PAS-Semangat 46** akan menjayakan cita-cita mereka memenangi pilihanraya. Akan tetapi, mereka lupa bahawa mereka pernah bersyarah mengatakan yang penting ialah keluhuran

perjuangan Islam. Mereka tidak sepatutnya menggadaikan prinsip untuk mencapai kemenangan.

Jalan yang tegas dan jelas dalam hal-hal perjuangan Islam ini berada pada *ad-Deen* Haji Abdul Hadi Awang sahaja. Yang lain tidak begitu berbeza daripada Ustaz Nakhaie Ahmad. Mereka menerima nasionalisme dengan maksud dan makna tertentu. Jika berlaku penolakan nasionalisme, itu hanyalah aliran retorik yang telah terlanjur. Pemimpin-pemimpin PAS sebenarnya tahu corak perjuangan pemimpin-pemimpin Melayu-Islam masa lepas. Dengan semangat nasionalisme yang berkobar-kobar orang Melayu berupaya menentang gagasan **Malayan Union**, dan seterusnya berjuang menuntut kemerdekaan.

Walau bagaimanapun, PAS sekarang sedang berada di dalam perangkap kerjasama yang mengetepikan ideologi. Jika mereka ingin mengekalkan isu retorik yang telah dilaung-luangkan dalam dekad 80-an, mereka perlu memutuskan perhubungan dengan **Semangat 46**. Kerjasama dengan **Semangat 46** menjatuhkan martabat guru utama mereka, iaitu Haji Abdul Hadi Awang.

Haji Abdul Hadi Awang muncul dengan amat ketara pada awal dekad 80-an. Idea-idea beliaulah yang memperlihatkan keupayaan menentang gaya penerapan nilai-nilai Islam oleh Dr. Mahathir Mohamad. Antara kata-kata Haji Abdul Hadi Awang yang masih kuat dalam ingatan pengikut-pengikutnya ialah “Mereka membina Universiti Islam tanpa mengislamkan universiti-universiti yang ada. Mereka membina Bank Islam tanpa mengislamkan bank-bank yang ada. Islam mereka adalah Islam yang mendatangkan duit.”

Haji Abdul Hadi Awang juga pernah menjelaskan konsep perpaduan dalam Islam. Menurutnya, Allah mendahului amaran “berpegang pada tali Allah”, kemudian barulah soal perpaduan. Soal perpaduan tidak boleh mendahului soal “berpegang pada tali Allah”.

Kerjasama **PAS-Semangat 46** menunjukkan bahawa PAS memilih perpaduan tanpa memberatkan soal “berpegang pada tali Allah”. Lagipun, kerjasama **PAS-Semangat 46** tidak menyelesaikan masalah pecah-belah. Kerjasama tersebut tidak memberi sumbangan apa-apa ke arah penyatuan umat Islam. Orang yang menyertai **Semangat 46** ialah orang UMNO yang telah berpecah. Gabungan mereka ke dalam APU ialah sumbangan kepada perpecahan dalam UMNO. Jika dahulu

mereka menyerang Dr. Mahathir Mohamad dari dalam tubuh **UMNO**, sekarang mereka terus menyerang Dr. Mahathir Mohamad dari luar **UMNO** pula. Menyerang tetap menyerang. Kalau dahulu mereka bersenjatakan tuduhan bahawa Dr. Mahathir Mohamad diktator, sekarang mereka mengatakan **UMNO** tidak mengamalkan Islam sebagai *ad-Deen*.

Dalam kongres kemiskinan Pemuda **Semangat 46** pada awal Februari 1990, Tengku Razaleigh Hamzah dan Ibrahim Ali menyebut bahawa pentadbiran ekonomi negara amat baik dalam dekad 70-an dan buruk sekali dalam dekad 80-an. Kenyataan demikian bertujuan menyatakan pucuk pimpinan kerajaan dalam dekad 80-an tidak bijaksana, atau tidak serius memikirkan ekonomi negara dan rakyat. Di kalangan orang yang berfikir, ucapan Tengku Razaleigh Hamzah itu menikam diri beliau sendiri.

Ekonomi Malaysia dalam dekad 80-an, yang dikatakan malap itu sebenarnya di bawah kelolaan beliau. Dalam dekad 80-an, Tengku Razaleigh Hamzah adalah Menteri Kewangan dan kemudian Menteri Perdagangan. Jawatan-jawatan itu berkait erat dengan keseluruhan ekonomi negara. Jika hanya pucuk pimpinan yang bertanggungjawab terhadap kemajuan ekonomi negara, apakah perlunya diwujudkan jawatan-jawatan Menteri Kewangan dan Menteri Perdagangan?

Mungkin Tengku Razaleigh Hamzah akan menyatakan bahawa beliau sebenarnya tidak bersetuju dengan projek-projek yang dilaksanakan oleh Dr. Mahathir Mohamad. Tetapi kenapakah beliau tidak meletakkan jawatan setelah kalah bertanding dengan Dr. Mahathir Mohamad dalam tahun 1987?

PAS tentu mempunyai pandangan lain tentang hal ini. Perkembangan pesat ekonomi bukanlah priority **PAS**. Walaupun itu penting, **PAS** lebih menekankan soal haram halal. **PAS** tahu, dalam zaman Tengku Razaleigh Hamzah menjadi Menteri Kewangan dan Menteri Perdagangan, tidak timbul rancangan atau cadangan mengharamkan segala macam bentuk judi. Kenapakah ilham hendak mengamalkan Islam sebagai *ad-Deen* muncul setelah Tengku Razaleigh Hamzah mengetuai **Semangat 46** dan bekerjasama dengan **PAS**? Ahli **PAS** yang berada di ceruk kampung pun tahu bahawa gagasan Islam sebagai *ad-Deen* hanyalah gagasan untuk menyesuaikan diri dengan **PAS**.

PAS seharusnya meneruskan cita-cita dan caranya. Dalam **APU**, **PAS** terpaksa berlembut dan mengetepikan sebahagian

daripada cita-cita dan caranya. Adakah wajar parti yang berusia hampir 40 tahun itu mengetepikan cita-cita dan cara berpolitik semata-mata mahu melayan kumpulan yang diagak dapat membantunya memenangi pilihanraya? Bukankah seelok-eloknya **PAS** berjuang dengan caranya sendiri yang Islamik untuk mencapai cita-cita yang murni?

Dalam keadaan adanya kerjasama **PAS-Semangat 46**, kebanyakan orang percaya bahawa terdapat kerjasama **PAS-DAP**. **PAS** menafikan ini, dan **DAP** pun demikian. Akan tetapi, amat menghairankan **PAS** boleh berkawan dengan satu sahaja daripada dua serangkai **Semangat 46-DAP**. Seorang ahli Islah membuat sindiran, iaitu jika daging yang halal bercampur dengan daging yang haram, dimasak bersama-sama, maka daging yang halal itu telah terkena kuah haram. Perbandingan ini cukup baik untuk difikirkan oleh pucuk pimpinan **PAS**.

Ditinjau daripada sudut ideologi dan cita-cita **PAS**, rasanya elok benarlah parti itu berjuang sendirian. Tidak ada parti di Malaysia ini yang berpegang kepada cita-cita semurni cita-cita **PAS**. Dengan itu **PAS** hendaklah memperkuatkan identitinya. Jangan dekati golongan nasionalis dan sekular.

David ke Mana? Dan Musa Pula ke Mana?

Dalam tahun 1988 terdapat dua kenyataan oleh dua orang pembangkang yang dianggap dapat menyulitkan kehidupan ekonomi Malaysia. Pembangkang yang pertama ialah V. David. Pembangkang yang kedua ialah Dato Musa Hitam.

V. David membuat kenyataan menggesa Kerajaan Amerika Syarikat menarik balik hak GSP daripada Malaysia. Rakyat Malaysia terperanjat dengan kenyataan itu, dan kekecohan berlaku dalam masa kira-kira dua bulan.

Cara V. David rupa-rupanya memberi ilham kepada Dato Musa Hitam. Walaupun V. David dikecam pada masa itu, tapi sekurang-kurangnya namanya disebut-sebut. Pada masa yang sama, nama Dato Musa hampir hilang dari dada akhbar. Dengan itu, dalam satu ucapan di Hong Kong, Dato Musa Hitam memberitahu wartawan asing bahawa Malaysia sedang berada di dalam suasana kacau. Menurut Dato Musa, Dr. Mahathir Mohamad akan mengumumkan pilihanraya mengejut, dan jika Dr. Mahathir Mohamad berasa dia akan kalah, maka undang-undang darurat akan diisytiharkan.

Dato Musa Hitam tidak menafikan bahawa dia telah berkata demikian. **Mingguan Ekspres** 23hb. Oktober, 1988 melaporkan bahawa Dato Musa gembira kerana telah diberi publisiti yang memuaskan berkenaan dengan ucapannya itu.

Memanglah beliau mendapat publisiti, tetapi adakah publisiti demikian merupakan impian ahli politik seperti beliau? Sehingga Januari 1990, pilihanraya yang mengejut itu juga diadakan.

Ini adalah kemelut politik 1988. Tokoh seperti Dato Musa Hitam sanggup mengikut jejak V. David untuk mendapatkan publisiti sedemikian. Adakah ini merupakan gambaran keputusasaan Dato Musa Hitam dalam arena politik pada masa itu?

Menurut **Mingguan Ekspres**, Dato Musa Hitam berkata, "Saya tersangat suka cita dan senang hati dengan publisiti meluas terhadap kenyataan tersebut, kerana telah menjadi harapan saya agar rakyat benar-benar tahu atas kemungkinan yang akan terjadi dalam negara ini". Tetapi undang-undang darurat tidak juga diisytiharkan oleh Dr. Mahathir Mohamad.

Terdapat pembicara politik yang memberi pandangan bahawa Dato Musa Hitam terpaksa menggunakan media luar negara untuk memaparkan isi hatinya. Beliau terlalu sukar untuk mendapat tempat dalam media tempatan, kerana media tempatan adalah milik kerajaan, atau dikawal oleh kerajaan.

Adakah bekas Timbalan Perdana Menteri berfikir secara demikian? Kebebasan akhbar adalah impian semua pihak, tetapi ketika Dato Musa Hitam menjadi Timbalan Perdana Menteri, adakah beliau memberi peluang kepada Ustaz Abdul Hadi Awang mengulas tentang peristiwa Memali? Dalam zaman Dato Musa Hitam menjadi Timbalan Perdana Menteri, dan Menteri Dalam Negeri, kita dapat televisyen telah digunakan secara cepat dan cekap untuk menggambarkan peristiwa Memali menurut kaca mata kerajaan.

Kita perlu mengemukakan hal ini untuk difikirkan oleh rakyat. Pada hakikatnya, pemerintah adalah pemerintah, dan pembangkang adalah pembangkang. Layanan akhbar terhadap Dato Musa Hitam, barangkali lebih baik daripada layanan yang telah diberikan kepada V. David.

Demikian jugalah keterbalikannya, iaitu jika kita tidak melihat bahawa persoalan ini hanyalah persoalan publisiti melalui akhbar. Pembangkang adalah pembangkang. Bukti, Dato Shahrir Samad menang di Johor Bahru kerana bantuan DAP. Memang hal ini boleh dinafikannya, akan tetapi tentu Dato Shahrir atau Dato Musa Hitam tidak dapat lari daripada hakikat bahawa DAP menyokong Dato Shahrir Samad dalam pilihanraya kecil itu. Malah, dalam pilihanraya

kecil Parit Raja pun **DAP** membantu calon bebas, walaupun bantuan itu tidak sebesar di Johor Bahru.

Kerajaan adalah kerajaan. Dalam usaha menentang parti Bebas (yang pada masa itu memakai nama julukan **Semangat 46**) kerajaan tidak membezakan calon bebas daripada calon **DAP**. Ertinya, jika kumpulan **Semangat 46** memberi peluang kepada **DAP** dalam mana-mana pilihanraya kecil, pihak kerajaan akan menentangnya dengan cara dan kesungguhan yang sama.

Oleh kerana Dato Musa Hitam tidak begitu ingat bahawa beliau di pihak pembangkang, maka beliau mengimpikan publisiti yang besar dalam akhbar dan dalam media-media lain. Dalam hal ini pemimpin-pemimpin **PAS** lebih rasional. Mereka menubuhkan akhbar mereka sendiri untuk tujuan tersebut. **Harakah** bukan sahaja sering memaparkan pemikiran pemimpin, malah dapat memaparkan keseluruhan pandangan **PAS** sebagai sebuah organisasi politik.

Akhbar-akhbar biasa tidak mungkin akan memaparkan idea-idea pemimpin **PAS** sepertimana yang dikehendaki oleh mereka. Berita yang dibesarkan oleh media-media kerajaan, dan akhbar-akhbar yang dikawal oleh kerajaan, ialah perletakan jawatan Ustaz Nakhaie Ahmad, dan seterusnya berita tokoh itu menyertai **UMNO**. Tentulah kita semua tahu kenapa berita itu diperbesarkan.

Berita tentang Dato Musa menyebutkan “trend yang bahaya” dalam politik Malaysia, adalah berita baik bagi kerajaan. Sebagai ahli politik pembangkang, Dato Musa Hitam tentu menyedari hal itu. Oleh itu, ulasan balas Dato Musa Hitam tentang pandangan-pandangan yang timbul kemudian daripada peristiwa itu hendaklah bersandarkan kematangan politiknya. Kenapakah Dato Musa Hitam gagal memperlihatkan kematangan politiknya itu?

Keadaan telah menjadi kacau, dan setengah-setengah pihak merasakan kekacauan ini perlu dikekalkan untuk menjamin masa depan politik mereka.

Oleh kerana perjuangan yang tulen telah tidak menarik dalam zaman serba berkepentingan ini, maka hampir kesemua ahli politik memikirkan helah untuk mendapat tempat tertinggi. Inilah gejala dalam masyarakat kita sekarang. Cara V. David telah diikuti oleh Dato Musa Hitam dalam tahun 1988.

Selaku pembangkang biasa, kisah V. David lenyap dalam

tahun 1989. Kisah Dato Musa Hitam tidak sedemikian. Dato Musa Hitam sebenarnya masih tokoh **UMNO**. Sungguhpun beliau menjadi pembangkang sekejap, beliau kembali menjadi tokoh **UMNO** dalam tahun 1989.

Pada peringkat awal kepulangan beliau kepangkuhan **UMNO**, beliau masih dicurigai. Di manakah beliau akan ditempatkan? Beliau pernah menolak jawatan menteri kabinet yang ditawarkan oleh Dr. Mahathir Mohamad. Apakah jawatan yang dihajatinya?

Dr. Mahathir Mohamad amat arif dalam hal seperti ini. Beliau tidak menawarkan jawatan menteri buat kali kedua untuk Dato Musa Hitam. Beliau melantik Dato Musa Hitam menjadi wakil khas menjemput pemimpin-pemimpin luar datang ke Malaysia menyertai **CHOGM**. Dato Musa Hitam melaksanakan tugas tersebut dengan baik. Tengku Razaleigh Hamzah kehairanan.

Pada awal tahun 1990, iaitu dalam bulan Januari, Dato Musa Hitam dilantik menjadi wakil khas ke Bangsa-Bangsa Bersatu. Wartawan bertanya kepada Dato Musa Hitam, apakah taraf jawatan itu? Dato Musa Hitam menjawab beliau sanggup dianggap budak pejabat Dr. Mahathir Mohamad demi berbakti kepada negara. Wartawan bertanya tentang taraf jawatan itu kepada Dr. Mahathir Mohamad, jawab Dr. Mahathir: "Bertaraf menteri."

Akhbar, radio dan televisyen kembali memberi tempat kepada Dato Musa Hitam. Pidatonya semasa dalam persidangan agung pada awal dekad 80-an dahulu pun dipaparkan sepintas lalu.

Pada masa yang kira-kira sama, Dato Musa Hitam menasihati Tengku Razaleigh Hamzah agar menyertai **UMNO** jika ingin menjadi Perdana Menteri. Dato Musa Hitam mengulas kata-kata Tengku Razaleigh Hamzah bahawa beliau (Tengku Razaleigh Hamzah), hanya akan menerima tawaran jika Dr. Mahathir menawarkan jawatan Perdana Menteri.

Hasrat Tengku Razaleigh Hamzah hendak menjadi Perdana Menteri telah diketahui oleh Dato Musa Hitam sejak akhir dekad 70-an lagi. Oleh sebab itulah Dato Musa Hitam meminta Dr. Mahathir Mohamad menyingkirkan Tengku Razaleigh Hamzah. Apabila Dr. Mahathir Mohamad menolak permintaan Dato Musa Hitam lalu Dato Musa Hitam pun meletakkan jawatannya dan berkelana.

Tengku Razaleigh Hamzah kehairanan buat kali ke

seterusnya apabila Dato Musa Hitam kelihatan benar-benar setia kepada UMNO, padahal Tengku Razaleigh Hamzah sendiri menganggap UMNO yang dihidupkan dalam tahun 1988 bukanlah UMNO yang betul. Kehairanan Tengku Razaleigh Hamzah menandakan kekurangan pemahaman beliau terhadap gaya dan kaedah politik Dato Musa Hitam.

Sebenarnya, sebelum itu Dato Musa Hitam pun kehairanan juga. Beliau hairan kerana Tengku Razaleigh Hamzah boleh berbaik-baik dengan PAS dan DAP sekaligus. PAS hendak menubuhkan negara Islam, DAP menentang idea demikian. **Semangat 46** duduk di mana? Adakah konsep *ad-Deen Islam Semangat 46* itu sesuai dengan DAP?

Dato Musa Hitam menganggap Tengku Razaleigh Hamzah merajuk. Itu saja. Anggapan demikian munasabah daripada tanggapan Dato Musa Hitam, kerana Dato Musa Hitam pun pernah merajuk.

Oleh kerana masyarakat Melayu khususnya ahli-ahli UMNO adalah masyarakat yang simple dan pemaaf, kaedah politik Dato Musa Hitam dapat diterima. Kembalinya Dato Musa Hitam ke samping Dr. Mahathir Mohamad dapat dianggap sebagai cara beliau meminta maaf kepada ahli-ahli UMNO seluruhnya. Daripada sambutan yang dapat ditinjau, ternyata Dato Musa Hitam dimaafkan. Di kalangan ahli-ahli UMNO ada yang amat mengharapkan agar Dato Musa Hitam kembali berpadu tenaga dengan Dr. Mahathir Mohamad menerajui UMNO dan kerajaan. Akan tetapi Dato Musa Hitam dan ahli-ahli UMNO seluruhnya terpaksa juga memikirkan perasaan Encik Ghafar Baba. Perdana Menteri telah menunjukkan contoh yang baik, iaitu menyebut Encik Ghafar Baba selaku bakal pengganti beliau. Soal usia Encik Ghafar Baba yang sebaya dengan Dr. Mahathir Mohamad tidaklah perlu diambilkira, kerana yang penting ialah sikap Dr. Mahathir Mohamad yang tahu mengambil hati timbalannya.

Dato Musa Hitam tidak perlu kesal menghadapi keadaan yang agak rumit ini. Tindakannya adalah bayaran untuk menyingkirkan Tengku Razaleigh Hamzah. Bayaran itu mahal sekali. Bukan Tengku Razaleigh Hamzah sahaja yang berkelana, Dato Musa Hitam sendiri pun berkelana. Kini beliau berkelana ke Bangsa-Bangsa Bersatu. Yang betul-betul beruntung dalam beberapa tahun (selepas Dato Musa Hitam meletakkan jawatan) tentulah Encik Ghafar Baba.

Apa khabar V. David? Kenapakah beliau tidak membantu

Karpal Singh menghadapi Vijandran?

Dato Musa Hitam bertolak ke Bangsa-Bangsa Bersatu pada 25hb. Januari 1990. Beliau berazam untuk menarik lebih banyak pelaburan ke negara ini sebagai tugas utamanya. Beliau yang dilantik sebagai Duta Khas Malaysia bertaraf menteri di Bangsa-Bangsa Bersatu juga akan memberi perhatian terhadap hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara.

Beliau berkata, namun begitu tugasnya di Bangsa-Bangsa Bersatu adalah bergantung kepada arahan daripada Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir dari semasa ke semasa.

Beliau ketika ditemui di lapangan terbang sejurus sebelum berlepas, berkata, "Saya tidak menghadapi masalah dengan tugas baru ini kerana sebelum ini saya pernah melibatkan diri dalam tugas-tugas pada peringkat antarabangsa".

Kaedah Politik Dato Musa Hitam

Pada 19hb. Ogos 1989, Othman Jais, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Segamat membacakan surat Dato Musa Hitam dalam mesyuarat agung bahagian tersebut. Dato Musa Hitam meminta maaf kerana tidak dapat menghadiri mesyuarat berkenaan kerana terpaksa memenuhi permintaan kerajaan agar melawat beberapa buah negara di Carribean untuk menyampaikan perutusan Perdana Menteri kepada ketua-ketua kerajaan di sana.

Berita di atas, yang disiarkan oleh **Mingguan Malaysia** dan **New Sunday Times**, dapat menggambarkan suatu aspek masa depan politik Melayu khasnya, dan politik Malaysia amnya, dalam tahun 1990. Dato Musa Hitam bukanlah musuh ketat Dr. Mahathir Mohamad seperti yang difikirkan orang buat sekian lama. Beliau telah mengalami beberapa kesulitan akibat salah langkah dalam perhitungan politik, tetapi masih dihormati kerana keupayaan yang sukar diperoleh daripada tokoh-tokoh UMNO yang lalu. Demikian juga sebaliknya Dr. Mahathir Mohamad tidak juga memusuhi Dato Musa Hitam. Cuma sesekali beliau risau dengan tindakan Dato Musa Hitam yang terlalu mengikut hati.

Apabila UMNO dicipta semula, Dato Musa Hitam tidak diberi tempat yang baik. Walaupun beliau masih boleh mengetuai Bahagian Segamat pada masa itu, beliau mendapati

pandangan-pandangan beliau tentang persoalan nasional tidak diberi perhatian oleh pucuk pimpinan. Dengan itu, beliau memutuskan untuk tidak menyertai **UMNO**.

Dalam keadaan begini, sekali lagi beliau bersatu dengan Tengku Razaleigh Hamzah yang bersungguh-sungguh menentang Dr. Mahathir Mohamad. Dato Shahrir Samad yang berasa diketepikan setelah Dato Musa Hitam tiada dalam kabinet kian keliru, lalu meletakkan jawatan sebagai ahli Parlimen Johor Bahru, dan bertanding semula untuk menjadi wakil rakyat bebas. Dato Musa Hitam yang berjanji akan berkecuali dalam pertandingan itu, tiba-tiba muncul dalam rakaman video menuduh Dr. Mahathir Mohamad sedang menuju ke arah kediktatoran. Pada tahap ini, kelihatan seolah-olah Dato Musa Hitam akan berkerat rotan dengan Dr. Mahathir Mohamad. Hal ini sebenarnya tidak akan terjadi, kerana kesan persahabatan lama di antara mereka berdua tidak boleh luput begitu sahaja. Dalam pilihanraya kecil Parit Raja tidak lama kemudian, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dato Musa Hitam berkempen bersama-sama, tetapi ternyata isu yang dibawa mereka adalah berbeza. Tengku Razaleigh Hamzah cenderung ke arah menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad, tetapi Dato Musa Hitam sekadar ingin mengubah sikap Dr. Mahathir Mohamad agar berlembut dengan penentang-penentangnya dalam **UMNO**.

Keadaan politik telah berubah agak jauh setelah berlakunya peristiwa-peristiwa itu. Ustaz Haji Nakhaie Ahmad, orang kuat **PAS** yang sehebat Ustaz Fadzil Noor pun kemudiannya menyertai **UMNO**. Tokoh itu gagal membantu **UMNO** di Teluk Pasu, Terengganu. Di Tambatan, Johor, Dato Musa Hitam mengucapkan "Selamat berjuang" kepada Dato Muhammad Rahmat dan tokoh-tokoh **UMNO** yang lain. Beliau tidak keluar berkempen untuk **UMNO**. **UMNO** menang dalam pilihanraya kecil berkenaan.

Kini kita berbalik kepada Dato Musa Hitam pada pertengahan Ogos 1989. Ternyata beliau diberi kepercayaan mengambil bahagian penting dalam persidangan **CHOGM** di Kuala Lumpur. Ketika mesyuarat agung **UMNO** Bahagian Segamat diadakan, beliau sedang melawat beberapa buah negara Caribbean. Beliau menjalankan tugas penting menerangkan perjalanan mesyuarat **CHOGM** di ibu kota, dan akan mendengar pandangan pemimpin-pemimpin negara berkenaan.

Selain Dato Musa Hitam, Tan Sri Ghazali Shafie juga turut dilantik menjadi wakil khas. Beliau diutuskan ke negara-negara di Afrika. Dengan perlantikan itu, ternyata Dr. Mahathir Mohamad mengutamakan kepakaran dan pengalaman. Dato Musa Hitam dan Tan Sri Ghazali Shafie adalah tokoh-tokoh yang berpengalaman luas dalam perhubungan antarabangsa. Khusus dalam hal Dato Musa Hitam, dapat dikatakan pemilihan beliau oleh Perdana Menteri bertujuan untuk memulihkan perhubungan di antara kedua-dua tokoh itu.

Tiada siapa yang dapat menafikan bahawa Dato Musa Hitam pernah meningkat ke tahap yang sukar dicapai kerana pertolongan Dr. Mahathir Mohamad. Dalam tahun 1981, kemungkinan Tengku Razaleigh Hamzah memenangi kerusi Timbalan Presiden UMNO amat cerah. Tengku Razaleigh Hamzah sendiri pun tidak menduga bahawa Dr. Mahathir akan menyebelahi Dato Musa Hitam secara bersungguh-sungguh. Pada ketika itu perhubungan Dr. Mahathir Mohamad dengan Tengku Razaleigh Hamzah baik sekali.

Tentulah ada alasan yang menyebabkan Dr. Mahathir menghendaki Dato Musa Hitam menjadi Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri. Alasan-alasan itu tidak perlu diperkatakan dalam konteks ini. Yang penting, Dato Musa Hitam memperoleh keuntungan yang besar hasil sokongan Dr. Mahathir.

Dato Musa Hitam tahu bahawa kedudukan beliau tidak begitu kuat. Walaupun Dr. Mahathir menyokong beliau dalam merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO sebanyak dua kali (1981 dan 1984), pendirian Dr. Mahathir tidak semestinya kekal demikian. Dr. Mahathir tidak menyingkirkan Tengku Razaleigh Hamzah daripada kabinet. Ini menunjukkan bahawa Dr. Mahathir tetap mengiktiraf Tengku Razaleigh Hamzah sebagai orang penting dan berkebolehan.

Dato Musa Hitam tidak suka kepada pengiktirafan demikian. Bagi Dato Musa Hitam, oleh sebab Tengku Razaleigh Hamzah kalah, Tengku Razaleigh Hamzah tidak layak memegang jawatan kabinet. Sebenarnya jawatan Menteri Kewangan yang disandang oleh Tengku Razaleigh Hamzah itu adalah jawatan yang *prestigious*. Dr. Mahathir memindahkan Tengku Razaleigh Hamzah ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian setelah beliau mencabar Dato Musa Hitam buat kali kedua dalam tahun 1984.

Dalam zaman pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad, Tengku Razaleigh Hamzah tidak mempunyai jawatan-jawatan politik yang tinggi-tinggi, baik pada peringkat pusat maupun pada peringkat negeri. Beliau kehilangan jawatan Pengurus Perhubungan UMNO Kelantan dan Pengurus Jawatankuasa Barisan Nasional Negeri Kelantan.

Walaupun sebahagian daripada kehendak Dato Musa Hitam dicapai dan Tengku Razaleigh Hamzah berada di dalam keadaan sedemikian, Dato Musa Hitam masih bimbang menghadapi Tengku Razaleigh Hamzah. Kehilangan jawatan-jawatan tersebut mungkin akan menimbulkan simpati ahli-ahli UMNO, dan jika ini terjadi jumlah undi untuk Tengku Razaleigh Hamzah akan bertambah. Oleh itu, Dato Musa Hitam mencari jalan agar Tengku Razaleigh Hamzah akan menentang Dr. Mahathir Mohamad, dan beliau sendiri akan dapat terus memegang jawatan Timbalan Presiden UMNO. Dato Musa Hitam tidak gentar menghadapi sesiapa saja, kerana beliau melihat, selain Tengku Razaleigh Hamzah kesemua tokoh-tokoh UMNO tidak akan dapat mengatasi beliau pada ketika itu.

Malang bagi Dato Musa Hitam, bukan sahaja Tengku Razaleigh Hamzah kalah di tangan Dr. Mahathir Mohamad, beliau sendiri pun kalah di tangan Encik Ghafar Baba. Walaupun beliau menganggap kekalahan beliau itu kerana pengaruh buku Syed Hussein Alattas atau Pak Belalang Moden, hakikat pengaruh Dr. Mahathir Mohamad tidak dapat dinafikan. Sepertimana Dr. Mahathir dapat memenangkan beliau menentang Tengku Razaleigh, begitulah Dr. Mahathir Mohamad dapat memenangkan Encik Ghafar Baba menentang beliau dalam tahun 1987.

Dato Musa Hitam benar-benar sedar bahawa Dr. Mahathir Mohamad sahaja yang dapat mengembalikan populariti dan kedudukannya. Oleh itu, tidak hairanlah apabila beliau menerima tugas-tugas yang diberikan oleh Dr. Mahathir Mohamad dalam tahun 1989 dan 1990 walaupun beliau terpaksa meninggalkan tanahair. Meninggalkan tanahair memungkinkan beliau diketepikan oleh pengikut-pengikut beliau buat sementara waktu, tetapi dalam jangka panjang beliau mungkin akan beruntung. Dalam masa ketiadaannya dalam negara, Tengku Razaleigh Hamzah mungkin membuat kesilapan-kesilapan. Beliau yang berada di luar negara tidak akan tersulut lagi, jadi nama beliau selamat.

Perhitungan Dato Musa Hitam sekarang ialah perhitungan menanti masa. *The cures everything*, kata peribahasa Inggeris. Tindakan untuk menonjolkan diri dalam politik 90-an ditangguhkan. Ini adalah satu taktik, yang boleh kita sebut *delaying tactic*. Jika cara ini dibantu oleh keadaan politik 90-an, beliau berkemungkinan berjaya.

Dato Musa Hitam perlu membaiki hubungannya dengan Saudara Anwar Ibrahim. Ini kerana imej Saudara Anwar Ibrahim tidak dapat dilunturkan dengan mudah. Walaupun Dato Musa Hitam mungkin memikirkan Dato Abdullah Ahmad Badawi jika beliau berjaya balik menerajui UMNO, keadaan awal dekad 90-an lebih menyebelahi Saudara Anwar Ibrahim.

Kaedah politik Dato Musa Hitam terlalu banyak likunya. Tengku Razaleigh Hamzah lebih mudah difahami berbanding dengan beliau. Kenapa berlaku begini?

Dengan dibantu oleh Dr. Mahathir Mohamad, imej Encik Ghafar Baba dapat dipertahankan untuk sekian lama, walaupun tidak dapat dipermajukan. Dato Musa Hitam berjaya “menghalau” Tengku Razaleigh Hamzah sehingga tokoh itu menjauhkan diri daripada Dr. Mahathir. Dalam satu hal, telatah Tengku Razaleigh Hamzah benar-benar menjayakan hasrat Dato Musa Hitam. Akan tetapi pengorbanan Dato Musa terlalu besar. Beliau berkorban apa saja!

Jika kerjasama **Semangat 46-PAS** dan **Semangat 46-DAP** berlangsung dalam jangkamasa yang panjang, dan **UMNO** terus menerajui kerajaan, Dato Musa Hitam pasti dikehendaki semula oleh **UMNO**. Di dalam **UMNO** pada awal dekad 90-an hanya beberapa orang sahaja tokoh yang berkaliber. Sebahagian daripada tokoh-tokoh yang penting telah menyertai **Semangat 46**. Jadi, tiada siapa dapat menafikan kemungkinan besar Dato Musa Hitam akan kembali menerajui **UMNO**.

Dalam keadaan awal dekad 90-an, Tengku Razaleigh Hamzah tidak akan dapat berdialog tentang tindakan yang dilakukannya. Apakah ertiinya tindakan berbaik-baik dengan **DAP** dan **PAS** sekaligus? **Berita Harian** 15hb. Februari 1990 melaporkan bahawa Ustaz Abdul Hadi Awang tidak akan bekerjasama dengan **DAP**, walaupun **Semangat 46** menjalinkan hubungan dengan parti Malaysian-Malaysia itu. Rakyat dapat memahami perasaan Ustaz Abdul Hadi Awang yang memilih jalan lurus itu, tetapi gaya politik sekular Ustaz

Fadzil Noor dan Subky Latiff tidak mementingkan kelulusan. Dengan itu Ustaz Abdul Hadi Awang terpaksa membina sikap yang lebih tegas menghadapi putar belit politik yang wujud di mana-mana.

DAP memanglah tidak risau dengan kerjasama **Semangat 46-PAS**. DAP tahu PAS hanyalah parti kampung. DAP mempunyai strategi yang teratur, dan seperti yang terbukti dalam dekad 80-an, DAP tidak tergesa-gesa. Orang Melayu yang menggemari kerjasama **Semangat 46-PAS** tidak dapat menyelami bahayanya kerjasama **Semangat 46-DAP**. Jika apa-apa berlaku nanti akibat daripada kerjasama yang mengarah pada *no exit* ini, Dato Musa Hitam lah yang akan kembali mengemukakan formula penyelesaian.

Demikianlah di antara lain kemungkinan peristiwa yang akan membawa balik Dato Musa Hitam ke tahap pucuk pimpinan UMNO. Tidak juga dapat dinafikan bahawa dalam politik keadaan-keadaan lain yang sebaliknya boleh terjadi.

Di Sekitar Dato Musa Hitam

Berita Harian, Sabtu 16hb. Disember 1989 melaporkan bahawa "bekas Timbalan Presiden UMNO, Dato Musa Hitam, menegaskan beliau akan terus mengabdikan diri kepada parti selagi nasib orang Melayu dan ahli UMNO belum mendapat pembelaan sewajarnya".

Dato Musa Hitam tidak sanggup lagi melihat orang Melayu terus berpecah-belah semata-mata untuk kepentingan diri sendiri kerana kesannya akan turut diterima oleh semua lapisan rakyat di negara ini. Katanya, "Kerana tidak mahu rakyat di negara ini, khasnya orang Melayu berpecah-belah, maka saya dengan rendah diri rela mengabdikan diri kepada UMNO sebagai parti terulung di negara ini, asalkan kebijakan orang Melayu terus terpelihara."

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis perjumpaan dengan ahli UMNO bahagian Labis di Dewan Majlis Daerah Segamat Selatan di sini, petang Jumaat, 15hb. Disember 1989.

Dato Musa Hitam juga berkata, beliau menerima pelawaan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang melantiknya sebagai utusan khas ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) baru-baru ini atas sebab yang sama.

Bagaimanapun, katanya, "Masih ada segelintir masyarakat yang tidak memahami tindakannya menerima pelawaan itu

hingga ada yang sanggup melemparkan pelbagai tuduhan."

Dato Musa Hitam adalah watak kontroversial dalam politik Malaysia, bermula dari tarikh beliau meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri iaitu pada tahun 1986 yang lalu. Sebahagian besar daripada masalah-masalah dalam **UMNO** adalah hasil daripada tindakan-tindakan beliau yang disengajakan.



Dato Musa Hitam: Watak kontroversial dalam politik Malaysia. Beliau hanya maju dengan cemerlang jika direstui oleh Dr. Mahathir

Perletakan jawatan itu sendiri sebenarnya disengajakan. Beliau memilih masa yang sesuai untuk menghadapi musuh-musuh politiknya secara yang lebih menguntungkan. Walaupun dalam banyak hal Dato Musa dikenali sebagai tokoh yang pintar, tetapi ternyata kepintarannya hanya terserlah jika beliau berada bersama Dr. Mahathir Mohamad. Beliau pintar jika tindakan beliau itu bersesuaian dengan dasar, kehendak dan cita-cita Dr. Mahathir Mohamad.

Hal yang di atas dapat dibuktikan. Telah beberapa kali beliau bersuara sebagai tokoh **UMNO** sebelum itu, dan suaranya kelihatan matang dan berwibawa terutama ketika mencadangkan **MCA** keluar dari **Barisan Nasional**. Ini adalah cadangan yang menyakitkan hati **MCA**, tetapi tidak dapat dicabar, kerana cadangan demikian memperlihatkan sikap yang tegas untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Ketika **PBS** menang di Sabah, beliau bersikap demokratik, iaitu menerima kemenangan itu dengan ucapan "tahniah",

dan meminta **Berjaya** mengakui kekalahannya.

Perletakan jawatan Dato Musa Hitam membuatkan Presiden UMNO risau dan pening. Itu mungkin kehendak Dato Musa Hitam pada masa itu. Akan tetapi, Presiden UMNO bukanlah Dr. Mahathir Mohamad jika soal itu tidak diputuskan dengan tegas juga, setegas apa yang dilakukan oleh Dato Musa Hitam. Dr. Mahathir sebenarnya tidak suka menghantar rombongan memujuk Dato Musa Hitam yang telah terbang ke London. Bagi Dr. Mahathir Mohammad, zaman Dato Musa harus dianggap telah berlalu dengan perletakan jawatannya itu.

Setelah dipujuk untuk kembali bergiat dalam UMNO dan kerajaan, Dato Musa Hitam menerima kembali jawatan Timbalan Presiden UMNO. Ketika itu, Dato Musa Hitam sudah berfikir dan berencana sebagai tokoh yang tidak terikat dengan Dr. Mahathir Mohamad. Beliau ingin membuktikan bahawa kehebatan beliau adalah milik beliau, tiada kaitan dengan Dr. Mahathir. Beliau bersekongkol dengan Tengku Razaleigh Hamzah.

Bagaimanakah corak perhitungan Dato Musa Hitam ketika itu? Ternyata beliau berfikir secara strategik. Beliau menjangka Encik Ghafar Baba boleh dikalahkan kerana Encik Ghafar Baba tidak memiliki beberapa kualiti seperti yang dimilikinya. Encik Ghafar Baba tidak memegang ijazah tinggi dan tidak mempunyai imej antarabangsa. Dato Musa Hitam mempunyai perkiraan bahawa beliau akan kekal menjadi Timbalan Presiden, biarpun tidak menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Bagaimana pula halnya dengan Tengku Razaleigh Hamzah? Pada perkiraan Dato Musa, Tengku Razaleigh Hamzah akan kalah di tangan Dr. Mahathir Mohamad. Dengan kekalahan itu, jawatan menteri kabinet Tengku Razaleigh Hamzah akan terlucut. Dato Musa Hitam sebenarnya ingin melihat Tengku Razaleigh Hamzah diketepikan kerana kerabat di raja Kelantan itu telah dua kali mencabar beliau. Akhirnya, seperti yang kita lihat, Tengku Razaleigh Hamzah kehilangan jawatan menteri kabinet. Sama ada disingkir secara langsung, atau mengundur diri secara sukarela, tidak penting. Yang penting, Tengku Razaleigh tidak lagi memegang sebarang jawatan menteri.

Sayang seribu kali sayang, ketika cita-cita beliau terlaksana, beliau juga sudah menjadi anggota UMNO biasa.

Beliau telah berada di kedudukan yang sama dengan Tengku Razaleigh, iaitu ketua UMNO bahagian masing-masing. Secara teori, Dato Musa Hitam lebih tenang kerana ditemani isterinya yang muda jelita, manakala Tengku Razaleigh Hamzah hanya ditemani Ibrahim Ali yang setia.

Ketika mereka membuat persiapan awal untuk melancarkan serangan buat kali yang kedua, UMNO diisytiharkan tidak sah (4hb. Februari 1988). Secara objektif, pengisytiharan tersebut bukanlah kehendak Tengku Razaleigh Hamzah, atau kehendak Dr. Mahathir, apatah lagi kehendak Dato Musa Hitam. Tengku Razaleigh Hamzah amat berminat bersilat dalam gelanggang UMNO asal, baik menentang Dato Musa Hitam mahupun menentang Dr. Mahathir Mohamad. Ketika menentang Dr. Mahathir Mohamad, beliau kalah hanya dengan 43 undi. Oleh itu, mustahillah beliau gembira apabila UMNO yang memancarkan kecerahan masa depannya itu diharamkan.

Yang diharapkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah ketika itu ialah pengisytiharan bahawa persidangan agung UMNO tersebut tidak sah. Jika persidangan itu tidak sah, beliau bolehlah menentang Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi dalam persidangan yang lain, dan 43 undi yang dimenangi oleh Dr. Mahathir Mohamad itu mungkin terhapus. Hal ini boleh terjadi kerana pengulangan persidangan tentu akan menjatuhkan imej Dr. Mahathir dan pemimpin-pemimpin UMNO yang sedang memegang jawatan pada ketika itu.

Dato Musa Hitam tidak gemar berpolitik secara itu. Beliau menerima kekalahan dengan kata-kata pesanan kepada yang menang, "Jagalah UMNO baik-baik." Beliau sentiasa bersuara dalam nada yang memperlihatkan rasa sayangnya kepada UMNO.

Pengharaman UMNO menyebabkan Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir berlumba-lumba untuk menubuhkan UMNO yang lain. Secara psikologi dan politik mereka mengatakan usaha mereka itu tidak lain daripada usaha menghidupkan UMNO yang telah tiada. Sebenarnya, kedua-dua mereka berbuat sesuatu yang secara undang-undang tidak menghidupkan UMNO yang asal. Tengku Razaleigh, bertemankan Tunku Abdul Rahman, berusaha menubuhkan UMNO Malaysia. Dr. Mahathir berusaha menubuhkan UMNO 88. Kedua-duanya ditolak oleh pendaftaran pertubuhan. Kemudian Dr. Mahathir Mohamad menubuhkan UMNO Baru,

dan yang ini diterima oleh pendaftar.

Memang timbul kesan di hati setiap orang bahawa akhirnya Dr. Mahathir Mohamad juga yang berjaya menuju ke dalam **UMNO** yang lain setelah **UMNO** asal diharamkan. Ini kerana Dr. Mahathir berada di kedudukan yang tinggi. Dato Musa Hitam memperlihatkan kepintarannya di sini. Beliau tahu, tidak ada gunanya beliau berlumba-lumba menuju ke dalam **UMNO**, kerana Dr. Mahathir Mohamadlah yang perlu berusaha mengembalikan **UMNO** kepada orang Melayu.

Usaha-usaha Dato Musa Hitam ketika **UMNO** wujud semula tidak sama dengan usaha-usaha Tengku Razaleigh Hamzah. Beliau mengisyiharkan diri tidak menyertai **UMNO** ini, dan tidak menyebelahi sesiapa. Akan tetapi, beliau terlanjur menyebelahi Dato Shahrir Abdul Samad ketika diadakan pilihanraya kecil Johor Bahru. Keterlanjuran ini, walaupun berjaya memenangkan Dato Shahrir tetapi tidak begitu bererti kerana kemenangan itu juga menjadi kemegahan **DAP**. Demikianlah kerapnya kita lihat kesilapan Dato Musa Hitam apabila beliau berenggang dengan Dr. Mahathir Mohamad.

Di Parit Raja, Dato Musa Hitam berjaya menonjolkan tokoh pilihannya (Haji Hamdan Yahya) untuk menentang **Barisan Nasional**. Tokoh itu kalah dan Dato Musa tidak beroleh apa-apa. Di Ampang Jaya pula, Dato Musa hanya datang pada hari penamaan calon tanpa menyatakan sokongannya kepada Dato Harun Idris. Dato Shahrir Samad pula secara mati-matian menyokong Dato Harun Idris. Di sini terlihatlah perpecahan fikiran dan sikap di antara Dato Musa dengan Dato Shahrir.

Selaras Dato Harun Idris dikalahkan, dengan berasaskan Kongres Melayu Johor, Dato Musa Hitam “kembali membaharu keahliannya” dalam **UMNO**. Sebenarnya, secara undang-undang, beliau baharu menjadi ahli **UMNO**, bukan “kembali membaharu keahlian”. Sesiapa pun yang menjadi ahli **UMNO** sekarang terpaksa mengisi borang permohonan, bukan membaharu keahlian.

Sejak itu, Dato Musa Hitam kembali setia dengan caragaya Dr. Mahathir. Hakikat asalnya diakui. Beliau hanya cemerlang di bawah Dr. Mahathir Mohamad. Dengan itu tidak hairanlah jika kita dapati Dato Musa Hitam mematuhi permintaan Dr. Mahathir Mohamad menjadi wakil khas menjemput ketua-ketua negara Carribean ke persidangan **CHOGM**. Beliau juga

menerima pelawaan Perdana Menteri sebagai utusan khas ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (**PBB**).

Kenyataan Dato Musa Hitam, bahawa beliau akan terus mengabdikan diri kepada parti adalah kelangsungan kepada caragaya asalnya. Beliau mendapati dirinya tidak sesuai memilih jalan penentangan. Biarlah Tengku Razaleigh Hamzah memilih jalan penentangan terhadap **UMNO**, dengan merapati **DAP** dan **PAS**. Dato Musa Hitam tidak akan mengikuti cara itu. Beliau senyum sendirian melihat Tengku Razaleigh Hamzah tersepit kerana kaedah *adhocnya*.

Bukankah **DAP** berhasrat melaksanakan konsep Malaysian Malaysia? Bagaimana golongan nasionalisme Melayu akan dapat menyesuaikan diri dengan konsep itu? Bukankah **PAS** anti-nasionalisme yang dianggap assabiah? Bagaimanakah golongan nasionalis akan dapat mengikut caragaya **PAS** yang sedemikian?

Di samping itu, **PAS** melalui Mustafa Ali, meminta **Semangat 46** berfikir semula tentang kerjasama mereka dengan **DAP**. **PAS** tidak boleh bekerjasama dengan **Semangat 46** jika **Semangat 46** bekerjasama dengan **DAP**, kerana **DAP** tidak merestui cita-cita **PAS** hendak menuju negara Islam.

Ketika Dato Musa senyum sendirian mengenangkan keterlanjuran Tengku Razaliegh Hamzah, Tengku Razaleigh Hamzah juga turut tersenyum. Dilihatnya Dato Musa Hitam menjadi ahli **UMNO** yang jauh di belakang Saudara Anwar Ibrahim. Bahkan Dato Musa Hitam berada di belakang Dato Mohamad Rahmat, tokoh yang pernah tersingkir dahulu. Dato Musa Hitam hanya menjadi wakil Dr. Mahathir untuk melaksanakan tugas-tugas rasmi dibawah arahan Dr. Mahathir Mohamad.

Daripada satu segi, daripada memilih untuk menjadi wakil khas sedemikian, lebih baik Dato Musa Hitam menerima jawatan Menteri Tak Berpotfolio yang ditawarkan kepadanya dalam tahun 1988. Penolakan Dato Musa pada masa itu mungkin atas dua sebab. Pertama, beliau dikecam oleh perwakilan **UMNO** pada tahun tersebut. Yang kedua, jawatan Menteri Tak Berpotfolio menyebabkan timbul perbandingan di antara dahulu dan sekarang. Dahulu Timbalan Perdana Menteri, sekarang Menteri Tak Berpotfolio. Jawatan wakil khas atau utusan khas tidak menimbulkan perbandingan sedemikian.

Penerapan Nilai-nilai Islam, Negara Islam dan Islam sebagai Ad-Deen

Politik dekad 80-an dan awal 90-an kaya dengan retorik tentang Islam. Sebelum itu, iaitu dalam dekad 70-an, retorik tentang Islam hanyalah milik **PAS**. Dato Asri Muda ketika itu membicarakan Islam dari kaca mata nasionalis.

Pada awal dekad 80-an, Dr. Mahathir Mohamad berjaya meneguhkan **UMNO**. Dengan keteguhan **UMNO**, beliau menjadi cukup berani. Beliau mengemukakan idea penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, dan berusaha melaksanakannya. Saudara Anwar Ibrahim yang dijemput menyertai **UMNO** turut membantu Dr. Mahathir Mohamad melaksanakan cita-cita tersebut.

Ada dua perkara yang berlaku serentak pada ketika itu. Pertama, **PAS** merasai tergugat, kerana kerja penerapan nilai-nilai Islam telah diambil oleh **UMNO**. Dato Asri Muda menilai perkembangan tersebut dengan saksama. Akhirnya beliau sendiri diketepikan oleh **PAS**.

PAS mengambil langkah baru. Dengan didukung oleh pemimpin-pemimpin muda, terutamanya Haji Abdul Hadi Awang, **PAS** mengemukakan idea pembentukan negara Islam. Bagi **PAS** ketika itu, soal program pemeritahan adalah tidak penting. Yang penting, mereka mesti menguatkan retorik tentang negara Islam. Mereka berusaha meyakinkan para pengikut mereka bahawa **PAS** berupaya membentuk negara Islam.

Pengaruh Abdul Hadi Awang cukup kuat dalam hal ini. Tokoh-tokoh lain, seperti Ustaz Fadzil Noor, Haji Yusof Rawa, Ustaz Nakhaie dan Haji Mustafa Ali tidak begitu kuat. Apatah lagi Subky Latiff dan Suhaimi Said. Dua orang yang disebutkan kemudian itu adalah yang sebenarnya terdidik secara sekular, tetapi mencuba menggayaikan diri seperti pendukung cita-cita yang sama dengan tokoh-tokoh yang disenaraikan lebih awal.

Walaupun pencapaian ilmu agama mereka tidak sama, tokoh-tokoh PAS itu berjaya meyakinkan para pengikut mereka bahawa mereka sama-sama berupaya dalam hal pentadbiran Islam. Mereka mengkritik setiap tindakan kerajaan di bawah pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad. Dalam suatu forum di Universiti Kebangsaan Malaysia, Ustaz Fadzil Noor mengatakan penerapan nilai-nilai Islam itu laksana gadis memakai gincu.



Marina Yusof:
Adakah PAS
menyukai
pakaiannya?
Sesuaikah dengan
gagasan *ad-Deen*

Dr. Mahathir Mohamad tidak menghiraukan kritikan-kritikan demikian. Demikian juga Saudara Anwar Ibrahim. Cuma Dato Musa Hitam yang menjadi Timbalan Perdana Menteri ketika itu memperlihatkan sikap yang tidak seiasata dengan Dr. Mahathir Mohamad. Demikian juga Dato Rais Yatim. Hal ini terjadi kerana dua alasan. Pertama, penerapan nilai-nilai Islam itu cukup difahami oleh Saudara Anwar Ibrahim, manakala tokoh-tokoh lain perlu mempelajarinya, sedikit atau banyak. Dato Musa Hitam, Dato Rais dan beberapa orang tokoh lagi berasa rumit untuk mengejar konsep penerapan nilai-nilai Islam. Ini bertambah-tambah lagi

apabila Dr. Mahathir mencabar **PAS** berdialog tentang Islam di kaca televisyen. Siapakah yang layak mewakili **UMNO** jika dialog itu diadakan? Dialog itu kemudiannya dibatalkan atas arahan Yang Dipertuan Agong.

Akibat daripada semua ini, antara lain, Saudara Anwar Ibrahim kelihatan amat dekat dengan Perdana Menteri. Tentulah orang seperti Dato Musa Hitam dan Dato Rais Yatim berasa tidak senang. Jika ditinjau daripada sudut kebolehan berhujah tentang Islam, Saudara Anwar Ibrahim jauh mengatasi mereka. Keadaan ini seakan-akan menuju ke arah tenggelamnya tokoh-tokoh yang lebih veteran. Dr. Mahathir Mohamad seolah-olah membina karisma Saudara Anwar Ibrahim untuk mengambil tempatnya pada suatu masa nanti.

Sebenarnya Dr. Mahathir tidak berfikir hingga ke tahap itu. Dalam tahun-tahun 1982 hingga 1986, Dr. Mahathir Mohamad masih memikirkan Dato Musa Hitam sebagai penggantinya. Peningkatan Saudara Anwar Ibrahim adalah soal lain sama sekali.

Agak aneh, Timbalan Perdana Menteri ketika itu terpaksa memikirkan strategi untuk naik. Pada masa-masa lepas, Timbalan Perdana Menteri tidak pernah risau akan hal itu. Tun Abdul Razak tidak perlu memikirkan masa kenaikannya. Apabila Tunku meletakkan jawatan, Tun terus naik. Tun Hussein Onn juga tidak memerlukan strategi. Demikian juga Dr. Mahathir Mohamad. Kenapakah Dato Musa Hitam berpening-pening kepala memikirkan kenaikan pangkatnya?

Jawabnya mudah, iaitu kerana adanya Saudara Anwar Ibrahim dan Tengku Razaleigh Hamzah. Imej kedua-dua orang tokoh ini terlalu meningkat dalam dekad 80-an. Saudara Anwar Ibrahim terlalu cepat mencapai kedudukan sebagai Ketua Pemuda **UMNO** waktu itu. Tengku Razaleigh Hamzah pula, walaupun dapat dikalahkan oleh Dato Musa, perbezaan undi tidak banyak. Tengku Razaleigh Hamzah boleh meningkat dalam masa beberapa tahun sahaja.

Penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran terpaksa diakui baik dan sesuai oleh setiap pemimpin **UMNO**. Ada yang menerimanya secara senang hati kerana mereka telah terdidik untuk mengamalkan Islam. Ada yang menerimanya dengan berpura-pura. Mereka tahu, jika mereka menolaknya, imej kepimpinan mereka turut jatuh atau merosot.

PAS menyerang **UMNO** dengan lebih bersungguh-sungguh. **PAS** menghendaki Islam sepenuhnya, bukan sekadar

penerapan. Bahkan, oleh **PAS**, penerapan itu dianggap palsu. **PAS** masih membawa isu kafir mengkafir dalam zaman penerapan nilai-nilai Islam. Alasan **PAS** berbuat demikian ada dua. Pertama, jika mereka tidak mengatakan **UMNO** berpura-pura dan penerapan nilai-nilai Islam itu palsu, **PAS** tidak mempunyai arah lagi dalam perjuangannya. Dahulu **PAS** mengingini Universiti Islam dan Bank Islam, dalam zaman penerapan nilai-nilai Islam kedua-dua institusi itu wujud. Bahkan wujud lagi beberapa institusi lain yang menggambarkan keislaman pemerintahan. Jadi **PAS** mesti mencari jalan lain. **PAS** mengemukakan idea menegakkan negara Islam.

Alasan kedua, kerana munculnya Ustaz Abdul Hadi Awang. Ustaz Abdul Hadi Awang memilih jalan lurus ketika itu. Beliau adalah tokoh retorik yang amat berbakat. Syarahan-syarahannya memikat hadirin. Apabila beliau bercakap tentang negara Islam, kebanyakan orang memikirkan bahawa idea-idea beliau itu praktikal. Orang terlupa bahawa idea-idea dalam pidato tidak semestinya dapat diperaktikkan. Contohnya mudah, Ustaz Abdul Hadi Awang menyerang **UMNO** kerana ideologi nasionalisme. Kemudian, apabila sebahagian daripada ahli **UMNO** menubuhkan **Semangat 46**, Ustaz Abdul Hadi Awang tidak menyerang mereka itu, padahal, mereka kekal dengan ideologi nasionalisme. **Semangat 46** tidak mempunyai ideologi baru. Mereka hanya memarahi Dr. Mahathir Mohamad dan ingin menjatuhkan tokoh itu.

PAS menerima **Semangat 46** kononnya kerana **Semangat 46** mahu mengamalkan Islam sebagai *ad-Deen*. Akan tetapi **Semangat 46** bermuafakat dengan **DAP**. Adakah **DAP** menerima konsep *ad-Deen*? Pada peringkat ini **PAS** seharusnya sedar bahawa **Semangat 46** tidak terus mengamalkan *ad-Deen*. **Semangat 46** bermula dengan **Ad-DAP**. Alangkah berbezanya *ad-Deen* dengan **Ad-DAP**.

Oleh kerana tidak mempercayai **Semangat 46**, sebahagian ahli-ahli **PAS** menentang kerjasama **PAS-Semangat 46**. Malangnya mereka menerima hukuman daripada pucuk pimpinan mereka. Cara ala diktator telah diamalkan oleh **PAS**. Sebenarnya cara ala diktator ini diamalkan oleh sesiapa saja jika ada peluang, tidak kira pertubuhan kecil atau besar. (Ingatkan saja Yahaya Ismail memecat ahli-ahli **PENA** apabila beliau menjadi ketua Satu **PENA**).

Bagi DAP, Barisan Nasional yang didukung oleh UMNO sedang menuju ke negara Islam. Akhbar **The Rocket**, Edisi 22 Isu 7 (1989) memuatkan eseai yang bertajuk **Islamic Law In Selangor: The “Barisan Way” to an Islamic Stage**, di muka depan. Akhbar itu mengejek MCA dan MIC kerana menyokong undang-undang Islam di Selangor, walaupun sebenarnya itu hanyalah soal umur dewasa (baligh) menurut Islam. DAP menganggap enakmen berkenaan menyebabkan *the unity and security of non-muslim families is in grave danger*.

Jika soal sekecil itu boleh menyebabkan DAP meradang, bagaimanakah pula halnya andai kata PAS memenangi pilihanraya dan mahu menubuhkan negara Islam yang betul-betul? Adakah **Semangat 46** betul-betul ingin mengamalkan Islam sebagai *ad-Deen*? Adalah jelas bahawa terdapat konflik besar di antara **Semangat 46**, PAS dan DAP. Mereka boleh berpadu tenaga untuk jangkamasa yang pendek sahaja, laksana orang bercina buta.

Dato Musa Hitam mengesali tindakan Tengku Razaleigh Hamzah mendekati PAS. Menurut beliau, Tengku Razaleigh Hamzah tidak wajar merajuk sedemikian rupa. Jika Tengku Razaleigh Hamzah mencintai UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah hendaklah terus bersama-sama UMNO, dan tidak perlu menubuhkan parti lain. Bagi Dato Musa Hitam, parti **Semangat 46** adalah parti baru.

Di sebalik kata-kata Dato Musa Hitam, terdapat maksud bahawa hasrat **Semangat 46** hendak mengamalkan Islam sebagai *ad-Deen* adalah palsu. Kenapakah **Semangat 46** tidak menyatakan bahawa mereka mahu membantu PAS membentuk negara Islam? Jawabnya ada dua. Pertama, jika mereka menyatakan hasrat hendak menubuhkan negara Islam, mereka terpaksa meninggalkan DAP. Jadi mereka menyebut istilah *ad-Deen* yang agak lambat difahami oleh DAP. Sebenarnya, konsep *ad-Deen* menurut **Semangat 46** itu samalah dengan penerapan nilai-nilai Islam yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir Mohamad. Istilah *ad-Deen* dahulunya selalu dikemukakan oleh Saudara Anwar Ibrahim, tetapi setelah difikirkan tidak sesuai dengan ahli-ahli UMNO, maka istilah itu tidak popular. Kini istilah itu dipopularkan di dalam **Semangat 46**. Rasanya tetap janggal, kerana selalunya istilah tersebut disyarahkan dengan loghat kearaban. Tengku Razaleigh Hamzah dan Dato Rais Yatim tidak terlatih menggunakan dialek keakraban dalam syarahan.

Istilah *ad-Deen* digunakan secara yang amat ilmiah oleh Prof. Syed Muhamnad Naquib Alattas. Asasnya ialah firman Allah yang bermaksud “*Ad-Deen* yang diterima oleh Allah hanyalah Islam”. Ali Imran (3):(19). Dalam buku ***Islam: The Concept of Religion and The Foundation of Ethics and Morality***, Prof. Syed Muhammad Naquib Alattas menghuraikan konsep *ad-Deen* yang dikatakan tidak sama dengan religion dari kaca mata Barat. Menurut beliau akar kata **DYN** mempunyai banyak primary significations yang bersifat saling berhubungan (*interconnected*).

Pemimpin-pemimpin **Semangat 46** menggunakan istilah Addin secara terlalu bersahaja. Berbeza benarlah *ad-Deen* yang dimaksudkan mereka jika dibandingkan dengan *ad-Deen* yang dimaksudkan oleh Prof. Syed Muhammad Naquib Alattas. Barangkali jika pemimpin **Semangat 46** mengambil cuti politik dan berusaha memahami konsep *ad-Deen* mengikut buku Prof. Syed Muhammad Naquib Alattas, atau mengikut ajaran yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Uthman El-Muhamadi (buku beliau berjudul **Memahami Islam**), tentulah istilah *ad-Deen* tidak digunakan secara sewenang-wenangnya.

Dalam beberapa ucapan, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dato Rais Yatim menekankan bahawa **Semangat 46** tetap dengan prinsip nasionalisme. Dalam banyak ucapan, Ustaz Abdul Hadi Awang menjelaskan bahawa nasionalisme itu bercanggah dengan Islam. Jadi walaupun **PAS** dan **Semangat 46** bekerjasama, namun dalam hal memerintah negara, **PAS** pasti menghendaki **Semangat 46** menanggalkan pakaian nasionalisme itu. Seterusnya, menurut **PAS**, wanita boleh menjadi pemimpin. Adakah **Semangat 46** dapat menafikan ketokohan wanita-wanita dalam kumpulan mereka? Di mana hendak diletakkan Marina Yusof dan Rahmah Othman?

Di antara konsep-konsep penerapan nilai-nilai Islam, negara Islam dan Islam sebagai *ad-Deen*, konsep yang pertamalah yang paling praktikal. Penerapan nilai-nilai Islam tidak menimbulkan banyak konflik. Isu enakmen Islam Selangor adalah kemuncak kepada konflik yang pernah timbul. Itu dapat diselesaikan.

Konsep negara Islam adalah konsep yang ideal, dan konflik yang lebih besar mudah ditimbulkan. Semasa sama-sama menjadi pembangkang pun **PAS** dan **DAP** saling menyindir dalam hal ini, apatah lagi jika **PAS** menang dan ingin memulakan pembinaan negara Islam. Islamisasi secara

UMNO pun diserang hebat oleh **DAP**, apatah lagi pembinaan negara Islam secara **PAS**.

Kata-kata di atas tidak bermaksud meminta **PAS** tunduk kepada **DAP**. Yang dimaksudkan ialah konsep penerapan nilai-nilai Islam yang telah dan sedang berlangsung tidak membuka banyak ruang untuk **DAP** memanipulasikan isu untuk menarik minat rakyat bukan Islam. Di dalam proses penerapan nilai-nilai Islam, orang bukan Islam dapat melihat nilai-nilai Islam itu baik untuk semua. Manakala konsep negara Islam itu, walaupun cukup baik dan ideal, namun **DAP** tetap menganggapnya musuh besar orang bukan Islam. **DAP** dapat menggunakan isu negara Islam secara bersungguh-sungguh sehingga boleh menimbulkan konflik agama yang amat besar.

Konsep *ad-Deen* tidak dikemukakan secara jelas. Yang dikemukakan hanyalah istilah *ad-Deen* itu. Pemimpin-pemimpin **Semangat 46** tidak menyarankan umat Islam memahami *ad-Deen* menurut Islam. Mereka tidak menganjurkan kursus memahami *ad-Deen*. Kursus demikian amat penting kerana konsep *ad-Deen* bukanlah konsep yang dapat difahami secara sambil lewa. Tengku Razaleigh Hamzah dan Dato Rais Yatim hendaklah menjadi peserta kursus. Prof. Syed Muhammad Naquib Alattas, Ustaz Abdul Hadi Awang, Ustaz Uthman El-Muhammady dan Saudara Anwar Ibrahim adalah tokoh-tokoh yang dipercayai berupaya memberi kursus. Dato Mohammad Rahmat, Dato Musa Hitam, Dato Radzi Sheikh Ahmad, Saudara Ibrahim Ali, Datin Paduka Rahmah Othman, Datin Paduka Rafidah Aziz dan Encik Ghafar Baba elok juga turut menyertai kursus.

Dengan menyenaraikan tokoh-tokoh yang layak memberi kursus dan yang perlu menjadi peserta kursus *ad-Deen*, tidaklah bermakna kita memperendahkan sesiapa, atau menjulang sesiapa. Ini hanyalah soal kursus Addin. Tengku Razaleigh Hamzah, Dato Rais Yatim, Dato Mohammad Rahmat, Dato Musa Hitam, Dato Radzi Sheikh Ahmad, Datin Paduka Rahmah Othman dan Datin Paduka Rafidah Aziz mempunyai kelebihan dalam hal-hal lain, tetapi dalam hal memahami *ad-Deen* dikira mereka perlu belajar. Ustaz Abdul Hadi Awang dan Saudara Anwar Ibrahim tentu mempunyai kelemahan dalam hal-hal tertentu, tetapi umum mempercayai mereka layak memberi kursus bersama-sama tokoh-tokoh lain di dalam senarai orang yang tidak menjadi pemimpin politik.

Halangan Kerjasama Parti-parti Pembangkang

Akhbar **Harakah**, 15 Disember 1989 melaporkan bahawa “**Presiden Semangat 46**, Tengku Razaleigh Hamzah, memberi jaminan akan mengambil tindakan terhadap mereka yang korap dalam kerajaan dan menyalahgunakan kedudukan jika pihaknya diberi peluang memerintah oleh rakyat”.

Dalam laporan itu, yang penting ialah kata-kata “jika pihaknya diberi peluang memerintah”. Ternyata bahawa tujuan dasar pemimpin **Semangat 46** itu ialah hendak memerintah negara ini. Dalam keluaran yang sama, **Harakah** melaporkan semula kata-kata Ustaz Fadzil Noor yang diucapkan dalam bulan Mac 1989. Di bawah ini ialah laporan yang tersebut:

“**PAS** dengan sikap terbuka akan membenarkan kumpulan **Semangat 46** menghidupkan semula **UMNO** yang diasaskan pada tahun 1946, sekiranya **PAS** menang dalam pilihanraya umum akan datang dan seterusnya memerintah negara ini.” Dengan itu, terang dan nyata pula bahawa **PAS** tetap bercita-cita hendak memerintah negara ini.

Impian **Semangat 46** dan impian **PAS** ialah hendak memerintah negara ini. Oleh kerana impiannya sama, maka rakyat pasti tertanya-tanya, jika Angkatan Perpaduan Ummah (**APU**) berjaya mengalahkan **Barisan Nasional**, siapakah yang akan memerintah negara ini? Jawapan yang mudah tentu

dapat diberikan, iaitu parti-parti dalam angkatan itu akan berunding dan sama-sama memerintah negara. Siapakah Perdana Menteri? Tengku Razaleigh Hamzahkah atau Ustaz Fadzil Noor?

Jika kita tinjau kata-kata Ustaz Fadzil Noor, kita fahami bahawa kerajaan **PAS** akan mengizinkan **Semangat 46** menghidupkan **UMNO** yang diasaskan pada tahun 1946. Kata-kata itu dikemukakan semasa **Semangat 46** belum berdaftar sebagai parti politik. Apabila **Semangat 46** didaftarkan sebagai sebuah parti, Tengku Razaleigh Hamzah pula mengemukakan ideanya mengenai kerajaan akan datang. Tengku Razaleigh dalam beberapa ucapan menyebutkan bahawa beliau menerima baik idea hendak mengamalkan Islam sebagai *ad-Deen* dalam pemerintahannya nanti. Menurut laporan **Harakah** pada tarikh yang sama, di halaman lain, Tengku Razaleigh Hamzah menghormati dasar dan tujuan **PAS** hendak menegakkan Negara Islam, tetapi **Semangat 46** mempunyai pendirian yang tersendiri. "Tetapi", menurut Tengku Razaleigh Hamzah, "Yang kita persetujui bersama ialah menerima Islam sebagai *ad-Deen*."

Penerimaan Islam sebagai *ad-Deen* oleh Tengku Razaleigh Hamzah berbeza daripada kehendak dan cita-cita Ustaz Abdul Hadi Awang dan Haji Mustafa Ali. Haji Mustafa Ali dalam kenyataannya memberi amaran bahawa kerjasama **PAS** dan **Semangat 46** akan berakhir jika **Semangat 46** terus bekerjasama dengan **DAP**. Hal ini dibangkitkan kerana pada 9hb. Disember, 1989, Tengku Razaleigh dan pengikutnya hadir di majlis **DAP** di Hotel Federal. Dalam majlis tersebut Tengku Razaleigh Hamzah, dalam ucapannya memaparkan cita-cita yang sama dengan **DAP**.

Tengku Razaleigh Hamzah sebenarnya amat sedar bahawa kerjasama **Semangat 46** dengan parti-parti Melayu tidak akan membawanya ke mana-mana. Beliau memikirkan penyertaan parti yang didukung oleh orang bukan Melayu. **DAP** adalah yang terbaik baginya, walaupun beliau sedar **DAP** mempunyai sengat yang akhirnya akan menyulitkan orang Melayu.

Dalam hal persahabatan dengan **DAP**, **PAS** lebih berpengalaman. Ustaz Abdul Hadi Awang pernah menyuarakan pendapat bahawa **DAP** akan menyokong hasrat **PAS** jika mereka memahami konsep negara Islam. (Lihat buku saya **Politik Mahathir; Langkah dan Perhitungan**, Kuala Lumpur: 'D' Enterprise, 1989, hal. 62). Ustaz Abdul Hadi

Awang tidak memperlihatkan pertentangan **PAS** dengan **DAP** pada pertengahan dekad 1980-an.

Dalam tahun 1989, **DAP** menjelaskan pandangannya bahawa mereka menolak negara Islam. Bahkan mereka mula menggunakan idea penubuhan negara Islam untuk menentang **UMNO** secara habis-habisan. Peristiwa pindaan undang-undang Islam Selangor dianggap oleh **DAP** sebagai **UMNO way to Islamic State**.

Agak aneh, **DAP** menentang **UMNO** dan **PAS** kerana **UMNO** dan **PAS** akan mendirikan negara Islam. **PAS** pula menentang **UMNO** dan **DAP**, kerana **UMNO** dan **DAP** sama-sama tidak menyetujui penubuhan negara Islam. Jadi, jika kita bertanya kepada **PAS**, kenapa mereka menentang **UMNO**, jawab **PAS** kerana **UMNO** menolak penubuhan negara Islam. Jika kita bertanya kepada **DAP** pula, kenapa mereka memusuhi **UMNO**, jawab **DAP** kerana **UMNO** sedang membina negara Islam.

Dalam keadaan ini, di manakah **Semangat 46** berada? Ahli-ahli **PAS** yang terpesona dengan ucapan-ucapan Ustaz Abdul Hadi Awang pada pertengahan dekad 80-an, berasa hairan kenapa Ustaz Abdul Hadi Awang dapat menerima kerjasama **Semangat 46** dengan **PAS**. Tokoh-tokoh **Semangat 46** adalah tokoh-tokoh **UMNO**. Adakah tokoh-tokoh **Semangat 46** itu dengan sendirinya menjadi pejuang *ad-Deen* setelah mereka terpaksa berkelana akibat langkah-langkah politik yang tersilap?

Munculnya penentang-penentang dari kalangan **PAS** bersekongkol dengan **Semangat 46** tidaklah menghairankan. Amaran Mustafa Ali, bahawa **PAS** akan meninggalkan **Semangat 46** jika **Semangat 46** terus bersatu hati dengan **DAP** adalah akibat daripada munculnya pertentangan di kalangan ahli-ahli **PAS** itu. Amaran Mustafa Ali tentunya secocok dengan kehendak Ustaz Abdul Hadi Awang, kerana ustaz itu pernah membayangkan corak kerajaan Islam yang tulen.

Soalnya, sejauh manakah **PAS** menganggap **DAP** musuh politiknya? Menurut Wan Mokhtar Ahmad, **PAS** sengaja tidak mahu mengakui bahawa mereka bekerjasama dengan **DAP**. Menteri Besar Terengganu itu menghuraikan kerjasama **PAS** dengan **DAP** dalam majlis perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin **UMNO** di Sekolah Menengah Agama Marang pada 15hb. Disember 1989.

Menurut Wan Mokhtar lagi, kerjasama **PAS** dengan **DAP** amat ketara dalam pilihanraya 1986. Kata-kata Haji Mustafa Ali bahawa **PAS** menolak **Semangat 46** jika parti itu terus ikrab dengan **DAP** hanyalah kata-kata untuk mengekalkan pengaruh. Tanggapan beliau ini tidak berbeza daripada tanggapan Dr. Mahathir Mohamad. Dalam hal ini, Dr. Mahathir Mohamad mengemukakan pandangannya bahawa **PAS** dan **Semangat 46** telah bekerjasama. Buktinya ialah kerjasama dan kejayaan di dalam pilihanraya di Teluk Pasu.

Para pemimpin parti pembangkang yang disebutkan di atas memerlukan strategi yang meyakinkan pengikut masing-masing. Amat sulit bagi pemimpin-pemimpin **Semangat 46** hendak melayani kehendak dan caragaya pemimpin-pemimpin **PAS**. Pemimpin-pemimpin **PAS** tidak merestui wanita menjadi calon dalam pilihanraya. Mereka tidak terpengaruh dengan kemunculan Benazir Bhutto sebagai Perdana Menteri Pakistan, betapa pun tokoh wanita itu dengan berani mengatakan: *I have never been worried about my personal safety, live and death are in the hand of God.* Benazir Bhutto memperlihatkan keberanian yang luar biasa, berani berjuang dan berani bertanggungjawab memerintah negara. Bagi pemimpin-pemimpin wanita Islam, pencapaian tokoh itu dijadikan pencapaian ukuran. Akan tetapi, di dalam **PAS**, tokoh demikian jika ada, akan terhalang untuk muncul.

Dalam **Semangat 46**, terdapat tokoh-tokoh wanita yang giat membantu Tengku Razaleigh Hamzah untuk mencapai cita-cita bersama. Jika pandangan **PAS** diambil kira, tokoh-tokoh wanita itu tidak akan dapat menjadi wakil rakyat, apatah lagi menjadi menteri kabinet. Sedangkan di antara mereka ada yang telah menjadi timbalan menteri kabinet sebelum terisytiharnya team A dan team B dalam **UMNO**.

Anggota-anggota wanita **Semangat 46** mempunyai potensi yang sama dengan anggota-anggota lelaki dalam parti itu. Siapakah yang dapat menafikan keberanian Marina Yusof? Adakah tokoh itu akan menunjukkan keberanian secara sia-sia sahaja, tanpa kecenderungan memperolehi jawatan sebagai pemimpin rakyat?

Semangat 46 mengambil kira hati wanita, kerana jumlah pengikut wanitanya bukan kecil. Oleh itu, para pemimpin **Semangat 46** tidak mengkritik Dr. Mahathir Mohamad apabila presiden **UMNO** itu menyuarakan sikap toleransinya

terhadap wanita yang tidak menutup kepala. Terdapat pemimpin-pemimpin **PAS** yang menganggap bahawa Dr. Mahathir membela wanita menteri kabinetnya yang tidak menutup kepala, tetapi jika ditinjau lagi, didapati pembelaan itu menyentuh juga tokoh wanita **Semangat 46** yang tidak menutup kepala. Dengan demikian, **Semangat 46** tidak dapat mengkritik Dr. Mahathir Mohamad dalam hal tersebut, walaupun mereka seharusnya menyokong tindakan **PAS** mengkritik ucapan Dr. Mahathir Mohamad secara habis-habisan, malah membuat laporan polis.

PAS mempunyai arah yang nyata dan *distinctive* berbanding dengan **Semangat 46**. Arah dan tujuan **DAP** pun nyata. Akan tetapi, arah **Semangat 46** hanyalah untuk menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad, dan menaikkan tokoh yang bernama Tengku Razaleigh Hamzah sebagai ganti. Oleh itu, kerjasama **Semangat 46** dengan **PAS** tidak mungkin dapat berpanjangan. Dan seperti yang terbukti kini, **PAS** perlu memperlihatkan sikap yang keras dan tegas menghadapi isu kerjasama sedemikian. Jika terbukti **PAS** mengikut caragaya **Semangat 46**, maka imej pemimpin-pemimpin **PAS** akan terjejas. Mereka harus berulangkali memberi amaran kepada **Semangat 46** bukan sekali dua sahaja. Amaran-amaran demikian bertujuan untuk menunjukkan bahawa **PAS** lebih *superior* daripada **Semangat 46**. Ahli-ahli **PAS** hanya akan suka berada di dalam **PAS** jika mereka berasa **PAS** lebih *superior* daripada mana-mana parti politik di negara ini. Bagi ahli-ahli **PAS**, sebuah parti yang memperjuangkan agama dan parti yang memperjuangkan nasionalisme tidak mungkin sama. Bagi mereka, tidak timbul konsep *ad-Deen* selagi seseorang itu mengamalkan dasar politik sekular.

Perhimpunan Khas Semangat 46 Makna di Sebalik Cadangan

New Sunday Times, 17 Disember 1989, melaporkan bahawa **Semangat 46** maintains that Malay unity can only be achieved if **UMNO** and the party make joint efforts to revive the old **UMNO** that was declared unlawful by the High Court in February last year.

Its president, Tengku Razaleigh Hamzah said, delegates who attended the party's special assembly today felt that a joint committee comprising leaders from **UMNO** and **Semangat 46** be formed immediately to work towards reviving the old **UMNO**.

Mingguan Malaysia pula pada hari yang sama menggunakan tajuk **BUBAR UMNO** dan **46**.

Ternyata Tengku Razaleigh Hamzah tidak berhenti-henti berusaha menghidupkan **UMNO** asal. Beliau tidak begitu memikirkan implikasi-implikasi lain dalam usaha menjayakan cita-cita tersebut.

Dengan memaparkan cita-cita di atas secara berlebih-lebihan, **PAS** dan **DAP** akan lebih memahami hasrat sebenar pemimpin parti itu. Katakanlah jawatan kuasa bersama itu benar-benar diwujudkan, dan **UMNO** asal berjaya dihidupkan, bagaimanakah corak perhubungan **UMNO-PAS-DAP**. Ketika usul penubuhan jawatankuasa itu dibuat, **Semangat 46** adalah sahabat **PAS** dan **DAP**. Dapatkah Tengku Razaleigh

membawa **PAS** dan **DAP** ke meja perundingan untuk menubuhkan kerajaan bersama-sama **UMNO** asal yang dihidupkan itu?

Daripada segi idealnya memang boleh. **UMNO**, **MCA**, **PAS**, **DAP** dan lain-lain bersama-sama membentuk kerajaan, tiada pembangkang. Tetapi ideal ini, seperti juga ideal-ideal lain dalam kehidupan politik, tidak akan tercapai. Kita dapat mengagak, apabila **UMNO** asal itu dihidupkan, akan berlaku pergolakan kerana di dalamnya terdapat **team A** dan **team B** sepertimana dalam tahun 1987. Jika di dalam **UMNO** sudah ada team-team yang tidak dapat bekerjasama, bagaimanakah **UMNO** akan menerajui pemerintahan negara, yang di dalamnya ada **DAP** dan **PAS**?

Walau bagaimanapun, rancangan menghidupkan **UMNO** asal sepertimana yang disarankan selama ini bukanlah rancangan yang terlalu perlu diambil perhatian. **UMNO** sentiasa hidup, walaupun undang-undang mengatakan **UMNO** tidak sah dalam suatu jangka masa. Ahli-ahli **UMNO** yang asal itu kemudiannya menyertai **UMNO** baru, dan sebahagiannya menyertai **Semangat 46**. Oleh kerana parti **Semangat 46** ditubuhkan agak lewat berbanding dengan **UMNO** baru, maka **Semangat 46** seharusnya dianggap bukan **UMNO**.

Walau bagaimanapun, mereka berulangkali menyatakan bahawa semangat mereka tetap semangat **UMNO**. Dalam hal penyertaan ahli-ahli **UMNO** asal, dapat jugalah kita akui penyertaan mereka itu.

Yang membezakan kedua-dua parti itu hanyalah pemimpin. **UMNO** baru dipimpin oleh Dr. Mahathir Mohamad, kelangsungan daripada **UMNO** yang diharamkan. **Semangat 46** dipimpin oleh Tengku Razaleigh Hamzah, kelangsungan daripada cabaran untuk merebut jawatan presiden.

Tidak timbul soal perbezaan prinsip atau dasar dalam kedua-kedua parti tersebut. Tengku Abdul Rahman Al-Haj sendiri walaupun berada di pihak **Semangat 46** mengakui hakikat persamaan di antara kedua-duanya. Jika **UMNO** baru merangka perlombagaan yang dapat memperkuatkhan presiden, itu dilihat sebagai usaha memperkuatkan parti. Hal in boleh diterima kerana **UMNO** asal mempunyai perlombagaan yang tidak sesuai dengan suasana tahun-tahun 80-an. Bukti ketidaksesuaian itu ialah kehancuran **UMNO** sendiri.

Semangat 46 bukan **UMNO**, tetapi **Semangat 46** mengingini **UMNO**. Usaha terus-menerus untuk menghidupkan **UMNO** asal adalah petanda bahawa **Semangat 46** mengingini **UMNO**. Di sini terdapat keanehan, kerana pada masa yang sama **Semangat 46** diterima oleh **PAS** sebagai teman seiring jalan. Bukankah kata-kata yang dianggap “amanat” oleh Haji Abdul Hadi Awang dengan jelas dan tegas menyerang **UMNO**? Di sini diturunkan kata-kata atau “amanat” tersebut :

“Saudara-saudara sekalian, percayalah! Kita menentang **UMNO** bukan kerana nama dia **UMNO**. Kita menentang **BN**, bukan kerana **BN**.

Kita menentang dia, kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliah.

Oleh kerana itulah kita menentang mereka, oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka.”

“Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini, kalau kita mati kerana berlawan ini, mati kita adalah mati syahid, mati kita adalah mati Islam.”

“Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Hindu, kita tidak payah masuk Buddha, tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku agama suku.”

PAS menolak **UMNO** kerana **UMNO** mengekalkan perlembagaan penjajah. Bagaimana dengan **Semangat 46**? Dengan menerima **Semangat 46** sebagai teman seiring jalan, maka bermakna **Semangat 46** dianggap oleh **PAS** sebagai parti yang tidak mengekalkan perlembagaan penjajah. Penerimaan itu juga menunjukkan bahawa **PAS** menganggap **Semangat 46** terlepas daripada amalan mengatakan politik suku.

Soalnya, dapatkah **UMNO** baru dan **Semangat 46** dibezakan dengan cara demikian? **UMNO** baru terkenal dengan hasrat menerapkan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran, **Semangat 46** pula memperkenalkan diri dengan janji mengamalkan Islam sebagai *ad-Deen*. Ditinjau daripada segi bunyi kata, perkataan *ad-Deen* itu mungkin dekat dengan jiwa **PAS**, tetapi bagaimana pula dengan tindak-tanduk pemimpin-pemimpin **Semangat 46** itu? Arah utama mereka

ialah menghidupkan **UMNO** asal. Strategi mereka ialah bekerjasama dengan **DAP** di samping pada masa yang sama berikrab-ikraban dengan **PAS**.

Oleh kerana pemimpin **PAS** menerima **Semangat 46**, yang sebenarnya **UMNO** (daripada segi keinginan semangat), maka timbul rasa tidak senang hati di kalangan sejumlah ahli **PAS**. Mereka menamakan diri mereka **PAS 51**. Walaupun jumlah kumpulan **PAS 51** itu tidak besar, namun cukup untuk membuktikan bahawa terdapat sejumlah ahli **PAS** yang lebih senang dengan sikap **PAS** yang dipaparkan pada pertengahan dekad 80-an dulu. Mereka tidak senang dengan sikap **PAS** yang diubahsuai dalam tahun 1989. Salah seorang tokoh **PAS** yang terbabit menentang pucuk pimpinan **PAS** kerana bersefahaman dengan **Semangat 46** ialah Haji Mohd. Noor Idris, anggota jawatankuasa Dewan Ulama **PAS** (*Watan*, 25 November, 1989). Ekoran daripada penentangan terhadap pucuk pimpinan, kumpulan **PAS 51**, yang dulunya keras dengan isu kafir mengkafir, dipecat daripada **PAS**.

Dengan perkembangan yang sebegini, kita tertanya-tanya apakah sebenarnya tujuan pemimpin-pemimpin parti yang sedang dibicarakan di atas? Mereka boleh bekerjasama walaupun mempunyai dasar dan ideologi yang berbeza. Ternyata ucapan-ucapan mereka berbeza daripada hasrat sebenar yang tersembunyi di dalam fikiran mereka.

Kenapakah pemimpin-pemimpin **PAS** sekali-sekala memaparkan keimbangan mereka kepada corak perjuangan **Semangat 46**, sedangkan dalam masa yang sama mereka berjanji untuk bersama-sama berjuang menghadapi **UMNO** baru dan **Barisan Nasional**? Kenapakah Tengku Razaleigh Hamzah berusaha bersungguh-sungguh hendak balik ke **UMNO** asal, sedangkan di dalam **Semangat 46** beliau sudah *ad-Deen*, iaitu selangkah sahaja di belakang idea **PAS** untuk menegakkan negara Islam? Dan kenapakah **PAS** menerima **Semangat 46** berjuang untuk menegakkan **UMNO** asal, parti yang dianggap mengatakan politik suku agama suku?

Benarlah seperti yang dikatakan oleh pengulas-pengulas politik, bahawa hasrat utama tokoh politik sedemikian adalah untuk mendapatkan kuasa. Mereka berusaha dengan menggunakan aneka cara, dan pengikut-pengikut mempercayai aneka slogan yang mengiringi langkah-langkah mereka. Kekuatan mereka bergantung kepada kepercayaan pengikut-pengikut terhadap janji-janji mereka.

Menurut seorang pembicara politik, tuntutan **Semangat 46** agar Dr. Mahathir Mohamad memulihkan UMNO lama tidak adil dan tidak realistik. Kata tokoh itu lagi, perjuangan ahli UMNO bukanlah satu sandiwara yang dikendalikan oleh segelintir pemimpin yang menurun-naikkan perasaan mereka. Jika ada pihak yang ingin bersatu dengan UMNO janganlah bermula dengan niat untuk menghapuskan UMNO, kerana orang yang bersikap begitu sebenarnya bertujuan mendapatkan kuasa. (**Berita Harian**, 18 Disember 1989).

Perpecahan, Perpaduan dan Melayu

Dalam buku **Politik Mahathir Langkah dan Perhitungan**, saya ada menjelaskan bahawa pemimpin boleh hidup dalam keadaan bangsa berpecah. Elok hal itu dijadikan permulaan dalam perbicaraan tentang perpaduan dan perpecahan Melayu. Siapakah Dato Rais Yatim dalam tahun 1990? Jawabnya, beliau adalah Timbalan Presiden **Semangat 46**. Siapakah Dato Mohamad Rahmat? Beliau adalah Setiausaha Agung **UMNO**.

Dato Rais Yatim memperoleh kedudukan demikian apabila **UMNO** berpecah. Dato Mohamad Rahmat pun demikian. Saya tidak menyebutkan Tengku Razaleigh Hamzah, kerana impiannya ialah hendak menjadi presiden **UMNO**. Adalah dijangka beliau tidak gembira menjadi Presiden **Semangat 46**. Jika beliau gembira, tentulah beliau tidak rela menemui Dr. Mahathir Mohamad bagi merencanakan perpaduan Melayu. Walau bagaimanapun, beliau kelihatan gagah juga menjadi ketua **Semangat 46**.

Dato Haji Suhaimi Kamaruddin dan Ibrahim Ali pun memperoleh tempat yang tinggi dalam **Semangat 46**. Di dalam kerajaan pula, Napsiah Omar telah menjadi menteri, padahal beliau belum berkelayakan untuk menduduki tempat tersebut. Jadi, beliau juga amat beruntung akibat daripada perpecahan **UMNO**. Kesemua ini membuktikan bahawa

pemimpin boleh hidup dalam keadaan bangsa berpecah. Yang lemah ialah bangsa secara keseluruhannya, bukan para pemimpin itu.

Di dalam politik Melayu, perpecahan berjalan berselang-seli dengan perpaduan. Dalam zaman Tunku Abdul Rahman, pemimpin **PAS** yang bernama Dato Asri Muda adalah musuh politik **UMNO**. Itu adalah perpecahan Melayu. Dalam zaman Tun Abdul Razak, Dato Asri Muda membawa **PAS** menyertai **Barisan Nasional**. Itu adalah perpaduan. Dalam zaman Tun Hussien Onn, **PAS** keluar dari **Barisan Nasional**. Perpecahan pula. Dalam zaman Dr. Mahathir Mohamad, Dato Asri Muda dan Ustaz Nakhaei Ahmad menyertai **UMNO**. Itu adalah perpaduan.

Perpaduan dalam zaman Dr. Mahathir Mohamad juga terlihat melalui masuknya pengkritik-pengkritik **UMNO** seperti Saudara Anwar Ibrahim, Saudara Kassim Ahmad, dan terutamanya Prof. Syed Hussein Alattas.

Walaupun demikian, zaman Dr. Mahathir memperlihatkan perpecahan apabila Tengku Razaleigh Hamzah terkeluar dari **UMNO** dan berkelana menerajui **Semangat 46**. Tengku Razaleigh Hamzah membawa Dato Rais Yatim, Rahmah Othman, Marina Yusoff, Dato Radzi Sheikh Ahmad dan beberapa orang lagi. Ini adalah perpecahan terbesar dalam sejarah **UMNO**.

Dilihat daripada kaca mata yang sebaliknya, pepecahan ini hanyalah jalan lain ke arah perpaduan. Dalam perkelanaan **Semangat 46**, Tengku Razaleigh Hamzah mencipta perpaduan dengan **PAS**, **DAP**, **Hamim** dan **Berjasa**. Ertinya, perpaduan berjalan serentak dengan perpecahan.

PAS merasakan perlu berpadu dengan **Semangat 46**, biarpun dahulunya orang **Semangat 46** itu musuh **PAS**. Hal ini bukanlah masalah besar. Cita-cita untuk menubuhkan negara Islam itu sebenarnya pemanis mulut sahaja. Pemimpin-pemimpin **PAS** tahu bahawa pemimpin-pemimpin **Semangat 46** tidak pernah menyebut istilah *ad-Deen* semasa mereka di dalam **UMNO**.

Walaupun **Semangat 46** berpadu tenaga dengan **PAS**, jalan sebenar **Semangat 46** lain sekali. Mereka muh menghidupkan **UMNO** lama. Tengku Razaleigh memikirkan, hanya dengan menghidupkan **UMNO** lama kedudukan beliau akan terjamin. Dapatlah dipercayai bahawa Tengku Razaleigh Hamzah amat merindui **UMNO** lama itu. Alasannya? Tengku

Razaleigh Hamzah kalah 43 undi sahaja menentang Dr. Mahathir Mohamad dalam tahun 1987. Beliau amat berhasrat hendak memperbaiki prestasi dalam UMNO.

Jika UMNO lama dihidupkan, dan Tengku Razaleigh berada di dalamnya, kedudukan Encik Ghafar Baba mungkin tergugat. Dato Musa Hitam pun mungkin terus tenggelam, kerana Tengku Razaleigh Hamzah berupaya memantapkan sokongan sejumlah ahli UMNO kepadanya. Pada masa itu soal mencabar Dr. Mahathir tidak penting. Yang penting ialah mencabar tokoh selepas Dr. Mahathir. Dato Musa Hitam akan kekurangan keupayaan jika tidak dibantu oleh Dr. Mahathir.

Soal perpecahan Melayu atau Islam di dalam arena politik sekarang mendapat perhatian seorang ahli Sains Politik, iaitu Dr. Mohd Nor Nawawi. Beliau adalah Fellow Kehormat Jabatan Sains Politik, Universiti Wisconsin, Madison, USA. Dr. Mohd Nor Nawawi memberi pandangan bahawa:-

- a. Persoalan besar umat Islam Malaysia hari ini ialah perpecahan di kalangan mereka dan cabaran golongan bukan Islam.
- b. Dalam dekad 50-an dan 60-an ahli-ahli PAS dan UMNO tidak bertegur sapa.
- c. Dalam tahun-tahun 1973-1977, ahli-ahli PAS bermesra dengan ahli-ahli UMNO kerana mereka berada di dalam Barisan Nasional.
- d. Dalam tahun-tahun 1973-1977, ahli-ahli PAS bermesra dengan ahli-ahli UMNO kerana mereka berada di dalam Barisan Nasional.
- e. Tahun 1982-1987 adalah tahun kekuatan Islam kerana UMNO kuat. Di samping itu, gejala dekad 50-an dan 60-an muncul kembali kerana isu kafir mengkafir. Ini kerana PAS berada di luar Barisan Nasional.

Hal-hal lain yang dikemukakan oleh Dr. Mohd Nor ialah betapa PAS dapat berbaik-baik dengan Semangat 46, padahal mereka menolak untuk bekerjasama dengan UMNO. Dr. Mohd Nor mengharapkan penyelesaian politik yang menguntungkan. Dengan kata-kata yang lembut, Dr. Mohd Nor membuktikan bahawa PAS memang boleh bekerjasama dengan UMNO jika mereka mahu. UMNO dan Semangat 46 adalah parti-parti nasionalis. Dr. Mohd Nor menurunkan ucapan-ucapan Tengku

Razaleigh Hamzah (di perhimpunan parti **Semangat 46** pada 12hb. Oktober 1989) dan Dato Rais Yatim di perasmian mesyuarat agung Pemuda **Semangat 46**, yang mengakui bahawa mereka adalah kumpulan nasionalis. Dengan tegas Dr. Mohd. Nor Nawawi mengatakan bahawa perselisihan UMNO dengan **Semangat 46** hanyalah perselisihan peribadi. (*Berita Harian*, 16hb. Januari 1990).

Maksud perkataan peribadi dalam tulisan Dr. Mohd. Nor itu ialah kepentingan peribadi. Berkali-kali Tengku Razaleigh Hamzah mengatakan bahawa beliau dengan Dr. Mahathir Mohamad masih berkawan baik. Pertemuan mereka pada akhir tahun 1989 itu membuktikan bahawa tiada perselisihan peribadi dalam ertikata saling benci membenci. Yang jelas pada umum, Tengku Razaleigh Hamzah mempunyai cita-cita peribadi. Jika beliau menang sebagai pemimpin UMNO, itu adalah kemenangan peribadi beliau. Itulah yang diperjuangkan oleh beliau dan kawan-kawan beliau.

Bagi Dr. Mohd Nor, tidak mengapa anda kata Tengku Razaleigh Hamzah menang hingga dapat menu buhkan kerajaan. Kerajaan yang dibentuk masih berteraskan Melayu-Islam. Bagaimana halnya jika UMNO dan **Semangat 46** sama-sama memperoleh kerusi yang sedikit? Bukankah ini peluang orang bukan Melayu dan bukan Islam menguasai pemerintahan negara? Ini telah berlaku di Sabah, apabila **USNO** dan **Berjaya** sama-sama tidak kuat. Apabila seseorang menyokong Dr. Mahathir, tidak semestinya dia fanatic kepada Dr. Mahathir Mohamad. Dr. Mohd Nor bersikap rasional apabila beliau mengatakan jika Angkatan Perpaduan Ummah (**APU**) betul-betul dapat memerintah negara, tidaklah menjadi masalah. Yang dibimbangkannya ialah kalau-kalau UMNO dan **APU** sama-sama tidak menjadi parti yang dominan di dalam kerajaan.

Untuk lari dari masalah ini, kepemimpinan Dr. Mahathir Mohamad perlu diteruskan sehingga tokoh penggantinya mengambil tempat mengikut cara tradisi. Perebutan kuasa, walaupun secara demokrasi, tidak menguntungkan rakyat. Yang untung ialah tokoh yang menang dan pembantu-pembantu setianya sahaja.

Adalah benar bahawa di dalam UMNO dan di dalam **Semangat 46**, terdapat tokoh-tokoh yang berkaliber. Kita tidak dapat manafikan kebolehan-kebolehan politik dan pentadbiran tokoh-tokoh seperti Dato Musa Hitam dalam

Semangat 46. Kita akui kehebatan Marina Yusoff dalam **Semangat 46**, walaupun keberanian itu hanyalah keberanian bercakap. Kita tidak dapat menolak kualiti Dato Abdullah Ahmad Badawi dalam **UMNO**. Kita telah meninjau kebolehan Saudara Anwar Ibrahim, dan kita perhatikan juga sikap hati-hati Dato Radzi Sheikh Ahmad.

Mereka adalah tokoh-tokoh yang dapat memperkuatkan **UMNO** dan kerajaan jika dapat bersepakat. Memang di antara mereka kelihatan agak lemah apabila menghadapi konsep *ad-Deen* yang dipopularkan oleh **Semangat 46**, tetapi itu soal kecil atau runcitan. Yang penting mereka boleh mewakili rakyat Melayu mentadbir negara ini.

Kenapa mereka masih berpecah?

Nakhaie dalam UMNO

Kemasukan Ustaz Nakhaie Ahmad ke dalam **UMNO** adalah satu peristiwa yang menarik perhatian umum. Sebelum itu beliau telah meletakkan jawatan-jawatan pentingnya dalam **PAS**, dan mengancam kepimpinan **PAS** yang lembab. Suhaimi Said, bekas penasihat undang-undang **PAS** bersetuju dengan kritikan Ustaz Nakhaie, malah beliau menambah komentar dengan mengatakan bahawa **PAS** adalah parti lebai.

Dalam tahun 1982, Saudara Anwar Ibrahim menyertai **UMNO**. Tindakannya membawa faedah yang banyak kepada rakyat dan kepada dirinya. Rakyat memperolehi seorang pemimpin yang mementingkan kejujuran dan keikhlasan, dan Saudara Anwar sendiri beruntung kerana dapat menikmati kedudukan yang tinggi dalam kerajaan.

Adakah Ustaz Nakhaie akan mencapai kedudukan yang dinikmati oleh Saudara Anwar Ibrahim? Pemimpin **PAS**, iaitu Ustaz Fadzil Noor mendoakan agar Ustaz Nakhaie akan diberi jawatan penting setelah menyertai **UMNO**.

Kata-kata pemimpin **PAS** itu mungkin bernada sinis. Mereka tidak mungkin merestui tindakan Ustaz Nakhaie. Soalnya, kenapakah mereka memilih untuk berkata demikian?

Sebenarnya, Ustaz Fadzil Noor, Subky Latiff, Ustaz Abdul Hadi Awang dan lain-lain, telah melihat pencapaian Saudara Anwar Ibrahim mengumumkan penyertaannya dalam **UMNO**,



Ustaz Nakhaie Ahmad: Bagaimana dengan assabiah?

pemimpin **PAS**, termasuk Ustaz Nakhaie sendiri, bertindak mengecamnya. Kecaman-kecaman itu tidak menjatuhkan Saudara Anwar Ibrahim bahkan menyebabkan beliau kian popular dan cepat sekali mencapai kedudukan yang tinggi dalam **UMNO**. Pencapaian yang tinggi dalam **UMNO** memudahkan Dr. Mahathir memberikannya kedudukan yang tinggi dalam kerajaan.

Jika ditinjau ke belakang, Ustaz Nakhaie meletakkan jawatan-jawatannya dalam **PAS** ketika Dato Musa Hitam memperlihatkan ketidaktentuan halanya. Dato Musa ketika itu tidak pasti sama ada akan kembali menjadi orang kuat **UMNO** atau menjadi orang kuat **Semangat 46**.

Ustaz Nakhaie tahu bahawa Dato Musa Hitam sukar hendak mencapai kedudukan sebagai orang kuat **UMNO**, kerana di dalam **UMNO** Saudara Anwar Ibrahim telah pun bertapak kuat, dan telah membuktikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada pucuk pimpinan. Ustaz Nakhaie juga tahu bahawa Dato Musa Hitam gemar menjadi pembantu Tengku Razaleigh Hamzah. Jika Dato Musa Hitam terus berjuang bersama-sama **Semangat 46**, pengikut-pengikut Tengku Razaleigh tidak akan meletakkannya di tempat nombor dua. Dato Rais Yatim telah menunjukkan ketegasan dan kepastian arahnya sejak pembakaran jambatan dalam

tahun 1987. Dapat dikatakan, bahawa di dalam **Semangat 46** itu, Dato Radzi Sheikh Ahmad merupakan tokoh yang lebih tegas dan lebih kanan daripada Dato Musa Hitam sendiri.

Tentulah sukar hendak dinafikan jika seseorang mengatakan bahawa Ustaz Nakhaie ingin mengisi kekosongan hasil daripada ketidaktentuan hala Dato Musa Hitam itu. Ustaz Nakhaie sedar bahawa di dalam **UMNO**, hanya Saudara Anwar Ibrahim dan Dato Abdullah Ahmad Badawi sahaja yang dapat dianggap tokoh ukuran. Dato Mohamad Rahmat yang tiba-tiba menjadi orang kuat **UMNO** itu adalah tokoh yang dibina (atau diberi peluang) secara berlebih-lebihan oleh Dr. Mahathir. Dato Mohamad Rahmat adalah tokoh siaran.

Oleh sebab Ustaz Nakhaie sendiri telah mencapai kedudukan tokoh ukuran dalam **PAS** (sepertimana Saudara Anwar Ibrahim mencapai kedudukan itu dalam **ABIM** dahulu), maka tidak mustahil beliau dapat menapak dari anak tangga ke anak tangga yang lebih tinggi dalam **UMNO**. Yang diperlukan ialah peluang dan kepercayaan daripada Dr. Mahathir dan Majlis Tertinggi **UMNO**. Ahli-ahli **UMNO** biasa pasti akan menerima baik kehadiran Ustaz Nahkaie dalam **UMNO**, sepertimana mereka menerima baik kehadiran Saudara Anwar Ibrahim.

Perlu dipanjangkan, bahawa ahli-ahli **UMNO** biasa akan berasa gembira jika Ustaz Fadzil Noor, apatah lagi jika Subky Latiff menyertai **UMNO**. Mungkin mereka berasa agak pelik jika Ustaz Abdul Hadi Awang menyertai **UMNO**, tetapi dalam politik peristiwa demikian pun masih munasabah. Ustaz Fadzil Noor, biarpun keras dengan gaya **PAS**, masih mempunyai peratusan fikiran yang agak sesuai dengan **UMNO**. Subky Latiff tentulah lebih-lebih lagi, kerana beliau mahir berbicara dalam arena politik sekular. Jika Subky Latiff menyertai **UMNO**, beliau mungkin dapat menyamai Dato Sanusi Junid dalam masa yang agak singkat. Orang biasa **UMNO** ‘tidak kedekut’ untuk memberi tempat kepada tokoh-tokoh yang sesuai.

Saya kemukakan idea di atas untuk menyatakan bahawa **UMNO** dan **PAS** tidak begitu asing. Pernah dihujahkan bahawa atas alasan agama ahli-ahli parti boleh bersatu padu, tetapi sesekali sesuatu peristiwa menunjukkan bahawa agama tidak dapat dijadikan pengikat yang kukuh perpaduan ummah. Keluarnya Ustaz Nakhaie dari **PAS** membuktikan bahawa dasar keagamaan yang dilaung-laungkan oleh **PAS** masih

dapat memecahkan persatuan ahli-ahli parti tersebut. Hal ini menjadi lebih ketara apabila Suhaimi Said turut mengikut jejak Ustaz Nakhaie.

Pada waktu yang kira-kira sama ideologi dalam UMNO juga tidak dapat menyatupadukan ahli-ahli UMNO. Tujuan UMNO yang asas ialah hendak memperjuangkan orang Melayu. Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh adalah tokoh-tokoh pejuang Melayu, yang berpegang kuat kepada ideologi nasionalisme, tetapi kini rakyat telah melihat perpecahan yang memilukan. Jadi dapatlah dirumuskan, bahawa ada unsur lain yang lebih kuat daripada nasionalisme itu, yang dapat memecahkan persatuan orang Melayu dalam UMNO.

Usaha menyatupadukan ummah sentiasa disuarakan oleh tokoh-tokoh UMNO dan PAS. Ustaz Nakhaie juga telah bertahun-tahun bercakap tentang subjek ini. Jika dahulu beliau melihat perpaduan daripada sudut pandangan PAS, kini dia sedang melihatnya daripada sudut pandangan UMNO pula.

Jika Ustaz Nakhaie benar-benar memikirkan perpaduan ummah di luar politik sekular, beliau tidak perlu menyertai UMNO. Di luar UMNO dan di luar PAS beliau boleh menyuarakan cadangan-cadangannya untuk menjayakan cita-cita perpaduan. Dikatakan demikian kerana Saudara Anwar Ibrahim pula telah bertahun-tahun mengemukakan idea tentang perpaduan ummah, bahkan telah menyusun strategi, termasuk menganjurkan muzakarah, namun sejauh ini segala-galanya menghamparkan. Bahkan PAS kemudianya lebih berminat untuk berpadu tenaga dengan **Semangat 46** yang tidak berdaftar itu daripada berbincang dengan UMNO.

Dapatkankah Ustaz Nakhaie mengalah pandangan dan sikap PAS apabila beliau berada di luar PAS? PAS tentu tidak dapat menerima idea-idea Ustaz Nakhaie kerana beliau mengecam pentadbiran PAS secara berhabis-habisan sejak akhir tahun 1988.

Sesuatu yang terjadi selalunya mempunyai kesan positif dan negatif. Tindakan Ustaz Nakhaie menyertai UMNO juga tidak terkecuali. Kesan positifnya ialah, rakyat kian memahami bahawa PAS hanyalah parti biasa, yang berada di dalam rangka politik sekular. Segala ucapan pemimpin PAS, terutama kecamannya terhadap konsep assabiah yang kononnya didokong oleh UMNO, adalah ucapan politik biasa untuk mempengaruhi rakyat. Ustaz Nakhaie juga pernah

berucap demikian, dan Ustaz Abdul Hadi Awang pernah menyatakan persetujuannya dengan Ustaz Nakhaie. Kini Ustaz Nakhaie berada di dalam **UMNO**, dan beliau pasti akan mengikut rentak **UMNO** dalam setiap tindakan dan ucapannya.

Kemasukan Ustaz Nakhaie ke dalam **UMNO** juga melegakan perasaan ahli-ahli **UMNO** yang bimbang terhadap masa depan **UMNO** yang kemiskinan calon pemimpin. Walaupun Ustaz Nakhaie belum cukup popular dalam **UMNO**, sekurang-kurangnya kehadirannya dalam **UMNO** memberi keyakinan bahawa di dalam **UMNO** kian bertambah jumlah pemimpin yang berpengetahuan dan berpengalaman.

Kesan negatifnya pula, ahli-ahli **PAS** mulai mencari kelemahan-kelemahan Ustaz Nakhaie. Ahli-ahli **UMNO** pun ada yang berbuat demikian. Mereka mengatakan bahawa Ustaz Nakhaie kecewa dalam **PAS**, dan tidak mempunyai masa depan dalam parti itu. Tuduhan-tuduhan demikian disuarakan oleh anggota **PAS** untuk membuktikan bahawa mereka tidak kerugian apabila Ustaz Nakhaie meninggalkan **PAS**. Orang **UMNO** pula mencari kelemahan Ustaz Nakhaie kerana bimbang Ustaz Nakhaie meningkat terlalu cepat melangkah tokoh-tokoh lama **UMNO**.

Walau apa pun pandangan yang timbul anggapan dan telahan orang **PAS** dan orang **UMNO** sendiri terhadap masa depan politik Ustaz Nakhaie, keadaan di pertengahan tahun 1989 ini tidak memperlihatkan peningkatan Ustaz Nakhaie dalam **UMNO**. Kita akan memerhatikan perkembangan beliau dari semasa ke semasa.


Anwar, Tengku Razaleigh, Musa

Mengikut tradisi **UMNO**, Encik Ghafar Baba adalah bakal pengganti Dr. Mahathir Mohamad. Adakah ini akan diterima baik oleh rakyat? Diterima atau tidak, tradisi adalah tradisi. Melanggar tradisi mungkin akan menimbulkan kesulitan.

Sebenarnya perletakan jawatan Dato Musa Hitam dalam tahun 1986 itu sudah pun melanggar tradisi **UMNO**. Kesulitan telah timbul akibat daripada peristiwa itu. Kenapa Dato Musa Hitam meletakkan jawatan?

Jika kita berbalik kepada tahun-tahun sebelumnya, kita dapati cabaran Tengku Razaleigh Hamzah untuk menduduki kerusi Timbalan Presiden **UMNO** sebanyak dua kali, itu pun sudah melanggar tradisi **UMNO**. Pertandingan yang pertama dalam tahun 1981 itu wajar. Itu adalah untuk mengisi kekosongan. Akan tetapi cabaran yang kedua itu sudah tidak sesuai dengan tradisi **UMNO**.

Oleh kerana Dr. Mahathir telah menyebutkan bahawa pengganti beliau adalah Encik Ghafar, maka ia boleh diterima. Kenyataan ini dikemukakan dalam wawancara yang panjang lebar, dan disiarkan dalam akhbar-akhbar pada 29hb. Disember 1989. Terdahulu daripada itu, Encik Ghafar pernah menafikan pandangan sejumlah orang bahawa Encik Ghafar Baba hanyalah Timbalan Perdana Menteri sementara.



Ghafar Baba: Kalau menjadi Perdana Menteri, siapakah timbalannya?

Dalam tahun 1984, saya menulis buku **Zaman Mahathir**. Di dalam buku itu terdapat bab yang diberi judul "Musa, Tengku Razaleigh, Anwar". Saya memperkatakan tokoh-tokoh itu berdasarkan populariti dan potensi mereka ketika itu. Nama Encik Ghafar Baba tidak timbul, kerana Encik Ghafar tidak memperlihatkan kecenderungan untuk mendapatkan tempat yang lebih tinggi. Ketika itu, kelihatan Encik Ghafar Baba amat berpuas hati menjadi Naib Presiden **UMNO**. Beliaulah Naib Presiden **UMNO** yang paling lama.

Sekarang segala-segalanya berubah. Dato Musa Hitam hanyalah Ketua Bahagian, walaupun beliau masih amat kuat di Johor. Tengku Razaleigh Hamzah bukan lagi ahli **UMNO**, bahkan tidak mengiktiraf **UMNO** yang didaftarkan dalam tahun 1988. Tengku Razaleigh Hamzah mengimpikan **UMNO** asal, kerana dalam **UMNO** asal beliau berpotensi untuk terus mendapat undi yang banyak jika beliau bertanding. Ketika menunggu kembalinya **UMNO** asal, beliau menjadi presiden **Semangat 46**.

Anwar Ibrahim pula kini menjadi Naib Presiden **UMNO**,

iaitu kedudukan yang sama dengan Encik Ghafar dalam tahun 1984. Kita dapat meramalkan apa-apa yang berlaku selepas ini. Akan tetapi, ramalan tidak mungkin tepat, kerana perubahan dalam politik tidak dapat diagak. Oleh itu, bagi saya, ramalan itu nombor dua. Nombor satu ialah potensi.

Siapakah pilihan Encik Ghafar Baba yang paling sesuai apabila beliau menjadi Perdana Menteri? Adakah beliau akan memilih Saudara Anwar Ibrahim, Dato Abdullah Ahmad Badawi atau Dato Musa Hitam?

Ditinjau prestasi yang konsisten, kini Saudara Anwar Ibrahim yang paling menonjol. Walaupun beliau yang paling muda di dalam UMNO, di dalam kerajaan dan di dalam masyarakat keseluruhannya, kita dapati Saudara Anwar Ibrahim hadir dengan ciri-ciri intelektual diiringi ketegasan dan keberanian politiknya yang membanggakan. Beliau berupaya melanjutkan caragaya pentadbiran yang sedia ada, dan memperketatkan aspek-aspek yang masih longgar. Encik Ghafar Baba telah agak lama berada di bawah Dr. Mahathir Mohamad, oleh itu beliau telah memahami aliran pemikiran Dr. Mahathir Mohamad. Beliau dapat menerima konsep Islamisasi Dr. Mahathir Mohamad. Dengan memilih Saudara Anwar Ibrahim, Encik Ghafar Baba dipercayai akan melanjutkan caragaya Dr. Mahathir Mohamad.

Encik Ghafar Baba memang boleh memilih orang lain, misalnya Dato Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri. Akan tetapi, masalahnya Dato Musa Hitam telah lama duduk di tempat yang lebih tinggi daripada kedudukan Encik Ghafar Baba sendiri.

Walaupun Dato Musa Hitam lebih muda daripada Encik Ghafar Baba, namun oleh sebab Dato Musa pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri lebih dahulu daripada Encik Ghafar Baba, terasa pula yang Dato Musa Hitam lebih tua dalam kerajaan. Politik kita akan kelihatan terlalu bersandiwarai jika Dato Musa Hitam kembali menjadi Timbalan Perdana Menteri dalam dekad 90-an!

Walau bagaimanapun, hal itu boleh terjadi. Orang Melayu mudah memaafkan pemimpin mereka. Dato Musa Hitam amat arif untuk memilih cara meminta maaf. Beliau telah menjalankan tugas-tugas yang diberikan oleh Dr. Mahathir Mohamad dalam tahun 1989, khususnya tugas melicinkan program CHOGM, dan tugas sebagai wakil ke Bangsa-Bangsa Bersatu.

Jika Encik Ghafar Baba memilih Dato Musa Hitam sebagai timbalannya, kerajaan masih berlangsung dengan baik. Cuma, tanggapan umum tentang Islamisasi merosot. Hal ini tidaklah berkait dengan peribadi, tetapi berkait dengan imej. Imej Islamisasi telah melekat pada diri Saudara Anwar Ibrahim. Bahkan, jika ditanya kepada mana-mana rakyat yang bersikap neutral kenapa Saudara Anwar Ibrahim dikehendaki oleh Dr. Mahathir Mohammad, maka jawapannya tidak lain dan tidak bukan ialah untuk melicinkan program Islamisasi.

Jika ditakdirkan Dato Musa Hitam kembali menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau dijangka akan segera menjadi Perdana Menteri. Ini kerana Encik Ghafar Baba dijangka tidak akan memegang jawatan tersebut lebih daripada tiga tahun. Usia Encik Ghafar Baba dan usia Dr. Mahathir lebih kurang sama, dan apabila Dato Musa Hitam naik menjadi Perdana Menteri, siapakah timbalan beliau? Jawapannya, besar kemungkinan ialah Saudara Anwar Ibrahim juga.

Seperti yang disebutkan, ini bukanlah ramalan. Pembicaraan ini hanyalah sekadar menyentuh dan mengupas kemungkinan-kemungkinan berdasarkan kualiti dan potensi. Jika muncul zaman Encik Ghafar Baba berpadu tenaga dengan Dato Musa Hitam, pastilah persidangan agung UMNO akan bising dengan soal meneruskan penerapan nilai-nilai Islam. Encik Ghafar Baba dan Dato Musa tidak terkemuka dalam hal sedemikian. Encik Ghafar lebih dikenali sebagai tokoh pembangunan desa (luar bandar), Dato Musa pula dikenali sebagai ahli politik nasional yang demokratik. Percantuman dua nilai di atas tidak mendekatkan mereka pada proses Islamisasi yang sedang marak. Dapat dipastikan bahawa persidangan UMNO akan menggesa tokoh-tokoh ini mengangkat Saudara Anwar Ibrahim ke tingkat yang membolehkan beliau aktif dalam proses tersebut.

Kata-kata di atas tidak menunjukkan bahawa Dato Musa Hitam, atau Encik Ghafar Baba, terpaksa mengikut gesaan persidangan agung. Yang dimaksudkan di sini ialah bahawa tokoh-tokoh itu mahu tidak mahu hendaklah mengikut arus perkembangan fikiran dan hasrat orang Melayu dalam dekad 90-an. Orang Melayu menghendaki pencapaian nilai-nilai Islam diperkuat dan diperkemaskan dari semasa ke semasa.

Pilihan lain yang harus disebutkan ialah Dato Abdullah Ahmad Badawi. Bekas Menteri Pertahanan ini telah menyertai

team B semasa berlaku pertandingan hebat dalam tahun 1987. Akan tetapi beliau segera berbalik duduk di bawah Dr. Mahathir Mohamad apabila pertandingan itu selesai. Beliau kelihatan lebih hati-hati berbanding dengan Dato Musa yang agak gelabah ketika **UMNO** baru didaftarkan dalam tahun 1988. Ertinya, Dato Abdullah Ahmad Badawi konsisten sebagai ahli **UMNO** setelah parti itu didaftarkan dalam tahun tersebut, berbanding dengan Dato Musa Hitam sendiri.

Dato Abdullah Ahmad Badawi dapat dianggap sebagai salah seorang tokoh **UMNO** yang berpotensi selepas Encik Ghafar Baba, Dato Musa Hitam dan Saudara Anwar Ibrahim. Adakah Encik Ghafar Baba akan memilih tokoh ini menjadi Timbalan Perdana Menteri? Memilih Dato Abdullah Ahmad Badawi bererti mengecepi Saudara Anwar Ibrahim, dan akan melewatkannya kenaikan Saudara Anwar Ibrahim. Ini kerana, apabila Dato Abdullah menjadi Perdana Menteri, sukar bagi beliau memilih Saudara Anwar Ibrahim menjadi Timbalan Perdana Menteri. Dato Abdullah Ahmad Badawi dan Saudara Anwar Ibrahim adalah tokoh-tokoh dari negeri yang sama. Walaupun tiada halangan perlombagaan atau halangan politik untuk beliau berbuat demikian, namun adalah dirasakan tidak enak Perdana Menteri dari Pulau Pinang memilih timbalannya dari Pulau Pinang juga.

Dato Abdullah Ahmad Badawi perlu sebagai menteri, tetapi barangkali belum tiba masanya untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri. Elok benar beliau balik menjadi Menteri Pendidikan dalam dekad 90-an ini, sama seperti Dato Mohamad Rahmat balik menjadi Menteri Penerangan setelah berehat seketika. Sekarang, ahli-ahli **UMNO** dan rakyat umum tentu tertanya-tanya bagaimakah agaknya gaya politik Dato Musa Hitam dalam dekad 90-an? Mereka juga terfikir-fikir bagaimakah agaknya cara Tengku Razaleigh Hamzah akan balik ke **UMNO**? Tengku Razaleigh Hamzah tidak mungkin balik begitu saja. Beliau telah berkata bahawa beliau tidak mengiktiraf **UMNO** yang ada ini sebagai **UMNO** yang betul. Dari segi lojik biasa, Tengku Razaleigh Hamzah tidak akan menyertai **UMNO** ini biarpun Dr. Mahathir meletakkan jawatannya. Dengan itu Encik Ghafar Baba tidak akan memilih beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Jika beliau menyertai **UMNO** melalui isu-isu tertentu, misalnya berlaku perubahan perlombagaan dan sebagainya, maka beliau juga perlu diambil kira. Encik Ghafar Baba

mungkin memilih beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri memandangkan penyokong-penyokong Tengku Razaleigh Hamzah juga besar jumlahnya. Ini akan menyinggung perasaan Dato Musa Hitam, tetapi Dato Musa Hitam terpaksa senyum kerana beliau perlu menunjukkan sikap *sporting*. Bukankah dahulu Tengku Razaleigh Hamzah telah menunjukkan sikap *sporting* apabila dikalahkan oleh Dato Musa Hitam sebanyak dua kali.

Kemungkinan baliknya Tengku Razaleigh Hamzah ke barisan kerajaan bukanlah kemungkinan yang besar, tetapi dalam politik hal begini boleh terjadi. Siapakah pilihan Tengku Razaleigh Hamzah untuk menduduki tempat Timbalan Perdana Menteri? Adakah beliau akan memilih Dato Rais Yatim? Ada kemungkinan. Tetapi mungkin juga beliau akan memilih tokoh dari **team A** untuk menyeimbangkan kedudukan. Beliau tidak mungkin memilih Dato Musa Hitam, kerana beliau tahu Dato Musa Hitam akan mencabarnya. Rekod Dato Musa Hitam menunjukkan bahawa apa-apa pun boleh terjadi, sama seperti rekod Tengku Razaleigh Hamzah sendiri. Tengku Razaleigh Hamzah tidak akan memilih tokoh yang mempunyai rekod yang sama dengan beliau, kerana kelak akan timbul kekecohan yang sukar diatasi. Jika difikir-fikirkan, Tengku Razaleigh Hamzah juga akan memilih tokoh dari Pulau Pinang sebagai Timbalan Perdana Menteri, jika beliau menjadi Perdana Menteri.

Dalam perbincangan di atas, tokoh-tokoh yang disebutkan dibicarakan secara objektif. Hal ini elok dilihat demikian, kerana tiada gunanya kita melihat **Semangat 46** itu terlalu asing daripada **UMNO**, kerana mereka sebenarnya mempunyai asas titik tolak, atau ideologi yang sama. Pergolakan yang berlaku dalam dekad 80-an hanyalah pergolakan untuk naik. Penulis-penulis yang terlalu menyebelahi **Semangat 46**, atau sebaliknya, sehingga menaburkan fitnah kepada Dr. Mahathir Mohamad dengan kata-kata diktator, hipokrit dan lain-lain, sebenarnya tidak memahami realiti politik **UMNO**. Saya kira, penulis-penulis demikian lebih emosional daripada ahli-ahli politik sendiri. Ahli-ahli politik selalunya berolok-olok beremosional untuk memikat penyokong. Menyedari hal itu, dan demi kepentingan orang Melayu, para penulis elok bersikap rasional dan tidak melaga-lagakan orang ramai.

Teori Lupa dalam Politik Malaysia

Elok juga Tengku Razaleigh Hamzah memberitahu hadirin di Bandar Baru Bangi, dan di beberapa tempat lain tentang keyakinan Dr. Mahathir bahawa rakyat akan melupakan peristiwa-peristiwa besar. Contoh yang dikemukakan oleh Tengku Razaleigh ialah peristiwa pemecatan Tun Salleh Abbas. Peristiwa itu amat heboh pada suatu masa, dan kemudiannya dilupakan.

Pada awal tahun 1990, isu video lucah yang dikatakan membabitkan Vijandran iaitu Timbalan Speaker Dewan Rakyat amat heboh diperkatakan. Sesetengah pihak membicarakannya sebagai suatu kes yang paling berat di dunia ini. Apa tidaknya, pihak yang terbabit adalah dari kalangan yang amat dihormati. Kes yang amat memalukan.

Karpal Singh amat garang menyuarakan dakwaan bahawa Vijandran terbabit secara aktif. Beliau dan **DAP** bersungguh-sungguh menggesa Vijandran meletakkan jawatan. Apabila didapati oleh mereka Vijandran berkeras, mereka berusaha menyingkirkan Vijandran dari Parlimen. **Gerakan** sebuah parti yang kuat dalam **Barisan Nasional**, turut bersetuju agar Vijandran disingkirkan. Suara **Gerakan** menimbulkan kemarahan Dato Seri Samy Vellu. Menurut Dato Seri Samy Vellu, **MIC** sanggup memutuskan hubungan dengan **Gerakan** jika **Gerakan** terus membuat gesaan menyingkirkan

Vijandran.

Walau bagaimanapun, Vijandran terpaksa memilih meletakkan jawatan. Ini adalah suatu kemenangan bagi Karpal Singh dan DAP. Akan tetapi sejauh manakah mereka menang? Mereka tidak begitu mahir dengan teori lupa Dr. Mahathir.

Suara Dr. Mahathir dalam hal ini dikemukakan pada pertengahan bulan Mac 1990. Sebelum itu memang beliau ada mengatakan bahawa seseorang perlu dibuktikan bersalah sebelum dihukum. Pändangan demikian tidak mengurangkan kontroversi. Suara Dr. Mahathir pada pertengahan Mac 1990 tampaknya berjaya membawa masyarakat memikirkan kes Vijandran dari sudut yang lain.

Dr. Mahathir menarik perhatian masyarakat memikirkan bagaimana Karpal Singh dapat mengetahui terlalu banyak hal tentang video lucah yang membabitkan Timbalan Speaker Dewan Rakyat itu. Memanglah lojik hanya Vijandran, pencuri, polis dan Peguam Negara sahaja yang seharusnya tahu tentang hal itu. Jika Karpal Singh turut tahu, siapakah di antara empat pihak tersebut telah memberitahu hal itu kepada Karpal Singh?

Walaupun isu ini masih isu video lucah, aspek yang ditonjolkan adalah aspek lain. Dapatlah dibayangkan betapa marahnya Karpal Singh kepada Perdana Menteri apabila aspek ini dikemukakan. Soal pembikinan video lucah telah menjadi soal nombor dua, dan soal cara Karpal Singh mengetahui isu video lucah itu yang menjadi soal utama.

Demikianlah teori lupa. Jika isu lain dibangkitkan, isu awal dilupakan.

Sebenarnya teori lupa bukanlah *applicable* untuk membicarakan langkah-langkah dan pemikiran Dr. Mahathir sahaja. Ingatkan sahaja Peristiwa 13 Mei 1969 yang dahsyat itu. Siapakah yang dipersalahkan pada masa itu? Apakah pandangan Tunku Abdul Rahman terhadap DAP? Sekarang, hal itu dilupakan. Tunku Abdul Rahman yang amat menyenangi Tengku Razaleigh Hamzah, sanggup memberi sokongan kepada DAP.

Menurut Ustaz Fadzil Noor, beliau sendiri tidak pernah termimpi akan berbaik-baik dengan kumpulan Tengku Razaleigh Hamzah. Beliau mengatakan, inilah takdir. Sebenarnya, elok Ustaz Fadzil Noor mengatakan segala-galanya takdir. Terbukanya hati Ustaz Nakhaie Ahmad untuk

menyertai **UMNO** pun takdir juga. Jika beliau tidak termimpi Tunku Abdul Rahman dan Tengku Razaleigh Hamzah akan berganding bahu dengan **PAS**, Dr. Mahathir pun tidak termimpi Dato Asri Muda dan Ustaz Nakhaie Ahmad akan menyertai **UMNO**.

Yang penting di sini, teori lupa dapat digunakan. Tunku Abdul Rahman boleh melupakan kepahitan beliau menghadapi **PAS** dan **DAP** dalam tahun 1969. Ustaz Fadzil Noor melupakan tentangan Tengku Razaleigh Hamzah ke atas **PAS** hingga kerajaan **PAS** Kelantan jatuh dalam zaman Tun Hussein Onn. Semua yang lalu boleh dilupakan.

Ustaz Abdul Hadi Awang amat garang menyerang nasionalisme. Katanya, ahli-ahli **PAS** jangan tertarik kepada apa-apa, kecuali kepada Islam. Jika orang lain ingin menyertai perjuangan **PAS**, terimalah, tetapi jika mereka tidak menerima Islam sepenuhnya, tidaklah boleh **PAS** menyesuaikan diri dengan mereka.

Dalam keadaan terbentuknya **APU** (Angkatan Perpaduan Ummah), Ustaz Abdul Hadi Awang terpaksa melupakan seruannya sendiri. Ustaz Abdul Hadi Awang seperti orang lain juga, tahu bahawa **Semangat 46** berjuang untuk menghidupkan **UMNO** asal. **UMNO** asal adalah parti yang dicemuhnya sepanjang beliau aktif di dalam **PAS**.

Untuk berkata; **Semangat 46** menerima Islam sebagai *ad-Deen*, Lim Kit Siang pun boleh. Ternyata **DAP** dapat menerima **Semangat 46** yang menyuarakan hasrat melaksanakan Islam sebagai *ad-Deen*. Bagi **DAP**, soal *ad-Deen* tidak ada apa-apa. **DAP** tahu bahawa tokoh yang betul-betul mahir tentang *ad-Deen* ialah Anwar Ibrahim. Tokoh seperti Anwar Ibrahim tidak terdapat di dalam **Semangat 46**. Jadi, konsep *ad-Deen* **Semangat 46** tidak mungkin melebihi konsep penerapan nilai-nilai Islam **UMNO**.

Dalam pembicaraan tentang teori lupa ini, kes Dato Musa Hitam lebih menarik. **PAS** berkali-kali mengaitkan beliau dengan Peristiwa Memali. Akan tetapi, ketika beliau menentang Dr. Mahathir, kaitan beliau dengan peristiwa Memali hampir dipadamkan.

Sekarang, Dato Musa kembali ikrab dengan Dr. Mahathir. Ustaz Fadzil Noor merayu orang Johor agar jangan menyokong Dato Musa Hitam. Politik Dato Musa Hitam sungguh unik sejak beliau meletakkan jawatan.

Perletakan jawatan Dato Musa juga dihubungkan dengan

perpecahan UMNO. Wujud **Semangat 46** sekarang ini pun adalah akibat daripada perletakan jawatan itu. Jika Dato Musa Hitam tidak berusaha menubuhkan **team A** dan **team B** pada tahun 1987, perpecahan seperti sekarang tidak akan terjadi.

Pada bulan Mac 1990, Dato Musa Hitam diberitakan benar-benar berazam untuk kembali ke pucuk pimpinan UMNO. Reaksi daripada ahli-ahli UMNO menunjukkan beliau diterima baik. Alangkah anehnya tokoh yang telah memecahbelahkan UMNO diterima baik menjadi pemimpin UMNO. Bukankah teori lupa ini juga yang berjalan.

Teori lupa berjalan serentak dengan teori maaf. Dato Musa Hitam tahu bahawa orang Melayu mudah memaafkan pihak yang mengakui kesilapan. Kesanggupan Dato Musa Hitam patuh kepada arahan Dr. Mahathir Mohamad adalah tanda yang jelas bahawa Dato Musa Hitam insaf. Orang Melayu menerima orang yang insaf. Dengan terlihatnya keinsafan, segala kesilapan dilupakan.


Hebat betul teori lupa dalam politik kita.

Persefahaman UMNO-PAS Pandangan Subky Tidak Munasabah!

Ketua Penerangan PAS pusat, Haji Subky Latiff mengatakan bahawa PAS belum bersedia berunding dengan UMNO dalam keadaan sekarang. Menurut Haji Subky Latiff lagi, jika dibuat jemputan rasmi pun PAS masih perlu mengetahui isu yang hendak dibincangkan, barulah perundingan itu dapat dipersetujui.

Kenyataan yang paling hebat diberikan oleh Haji Subky Latiff ialah bahawa selagi UMNO tetap dengan dasar nasionalisme, maka tidak akan wujud ruang perundingan. Tampaknya kenyataan tegas ini hanya dikenakan kepada UMNO sahaja. Pada masa-masa yang lepas PAS telah mengadakan pakatan dengan pihak lain tanpa meminta pihak-pihak itu mengubah dasar masing-masing. Lagipun PAS telah berkali-kali menyatakan kesediaannya berunding dengan mana-mana pihak untuk tujuan perpaduan ummah.

Ketika orang Melayu tertunggu-tunggu kerjasama PAS-UMNO yang akan membaiki perhubungan sebangsa, PAS meletakkan syarat untuk berunding. Haji Anwar Ibrahim menganggap PAS sengaja menyulitkan keadaan dan kaedah rundingan, tetapi Haji Fadzil Noor tidak mengakui demikian. Dengan nada yang jauh lebih lembut daripada nada Haji Subky Latiff, Haji Fadzil mengatakan bahawa PAS perlu membuat kajian sebelum mengadakan perundingan dengan



Subky Latiff: Tidak menyukai semangat nasionalisme, tapi amat menyukai Semangat 46. Anch! tempat yang dianggapnya "terhina". Kata-kata ini tidak pernah disuarakan oleh sesiapa terhadap anak raja itu, biarpun beliau telah lama berkelana dalam usaha menentang Dr. Mahathir Mohamad.

Sebagai pengulas politik yang berpengalaman, Haji Subky Latiff memperlihatkan kebolehannya mengeksplorasi bahasa untuk berhadapan dengan strategi politik sekular. Tulisannya dapat melegakan kerisauan ahli-ahli PAS yang menyukai kerjasama PAS-UMNO. Akan tetapi, pada bahagian tertentu, Haji Subky Latiff mendedahkan alasan sebenar kenapa PAS tidak mahu bekerjasama dengan UMNO. Jika bekerjasama dengan Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah tidak membantah Haji Fadzil Noor menjadi pengurus. Haji Subky Latiff bertanya: Tergamakkah Ghafar hendak menerima Haji Fadzil Noor menjadi pengurus Barisan Nasional sedang PAS ada seorang sahaja anggotanya di Parlimen? Dengan itu, jauh di dasar fikiran pemimpin PAS ialah keinginan hendak menjadi pengurus! Hal ini benar demikian jika pandangan Haji Subky Latiff kita terima.

Dalam tulisan yang telah dirujuk, Haji Subky Latiff menyebut kisah UMNO menjemput PAS dalam tahun 1969. Menurutnya, jemputan itu dibuat kerana UMNO terdesak.

mana-mana parti politik.

Haji Subky Latiff memberikan pendapat bahawa PAS amat sesuai berkawan dengan Semangat 46 yang diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Ini dinyatakan dengan panjang lebar dalam ruangan Saya Kira Akhbar Harakah, 14hb. April, 1989. Alasan yang paling dasar bahawa PAS sesuai dengan Semangat 46 ialah Semangat 46 adalah orang Melayu yang terhina dan berdiri sama rendah dengan PAS. Sebenarnya ini adalah kebijaksanaan retorik Haji Subky Latiff sekaligus dapat meletakkan Tengku Razaleigh Hamzah di

Haji Subky Latiff berasa curiga dan menyoal: Adakah UMNO sekarang dalam keadaan terdesak seperti dalam tahun 1969 juga? Dengan soalan demikian, Haji Subky Latiff secara tidak langsung menyamakan Dr. Mahathir dengan Allahyarham Tun Abdul Razak yang menjemput PAS bekerjasama dalam tahun 1969, dan seterusnya menyertai Barisan Nasional. Tengku Razaleigh Hamzah tentu tidak bersetuju menyamakan Dr. Mahathir Mohamad dengan Allahyarham Tun Abdul Razak, kerana dalam pilihanraya kecil beberapa kali sebelum ini pihak Semangat 46 menganggap Allahyarham Tun Abdul Razak berada di pihak mereka (dengan mengangkat gambar Allahyarham Tun), walaupun Dato Najib tidak bersetuju dan tidak merestui anggapan demikian.

Kerjasama PAS-UMNO, jika berlaku, adalah idea Allahyarham Tun Abdul Razak. Ungkitan Haji Subky Latiff bahawa hanya dalam keadaan terdesak sahaja UMNO akan bekerjasama dengan PAS bercanggah dengan pandangan Tengku Razaleigh Hamzah terhadap Allahyarham Tun Abdul Razak. Akan tetapi, buat masa ini, Tengku Razaleigh yang dikira berada di pihak yang hina tidak mungkin dapat memberikan pandangannya yang sebenar. Lagipun, Tengku Razaleigh Hamzah tentu sedar bahawa secara tidak langsung Haji Subky Latiff mengatakan bahawa Tengku Razaleigh seperti Allahyarham Tun Razak juga, iaitu apabila terdesak mencari PAS untuk bekerjasama.

Sungguhpun Haji Subky Latiff menyatakan perkara-perkara ini selaku Ketua Penerangan PAS, namun bagi pembaca yang meneliti pandangan-pandangannya dari semasa ke semasa, mendapati bahawa pandangan-pandangan itu adalah pandangan-pandangan peribadi Haji Subky Latiff sendiri. Kita tidak menafikan bahawa PAS mengeluarkan keputusan memberi syarat kepada UMNO untuk berunding, tetapi dalam menghuraikan keputusan itu, Haji Subky Latiff menekankan pendapatnya sendiri agar beliau dikenali sebagai ‘tokoh’ PAS (kalau dapat dikatakan tokoh) yang cukup ghairah hendak menjayakan hubungan PAS dengan Semangat 46.

Tokoh utama PAS, Haji Abdul Hadi Awang (saya sebut ‘utama’ atas dasar populariti dan keseriusan) tidak pernah menyatakan minatnya untuk berbaik-baik dengan Semangat 46. Jika ada persetujuan yang dinyatakannya untuk maksud itu, ahli-ahli PAS tahu bahawa persetujuan tersebut hanyalah untuk berkompromi dengan tokoh-tokoh PAS yang menyokong Semangat 46. Ahli-ahli PAS tahu bahawa Haji Abdul Hadi

Awang bukanlah orangnya yang akan melayani seseorang tokoh yang sedang mencari dan memburu kedudukan tertinggi dalam kerajaan.

Apabila Dato Dr. Yusuf Noor memberi pandangan bahawa lebih baik **PAS** berkawan dengan **UMNO** daripada berkawan dengan **Semangat 46**, Haji Subky Latiff mengejek Dato Dr. Yusuf Noor dengan mengatakan bahawa Dato Dr. Yusuf Noor tidak dipakai orang daripada segi agama, dan kesatuan sekerja tidak menghormati menteri itu. Ejekan Haji Subky Latiff agak meleret-leret dan tidak relevan, kerana jika dikira demikian siapakah yang dipakai, dan siapakah yang dihormati? Dalam hal ini, Haji Nakhaie Ahmad adalah tokoh yang dipakai dan dihormati dalam **PAS** tidak sampai setahun yang lalu, tetapi kini Haji Nakhaie telah menemui Dr. Mahathir Mohamad dan mengakui bahawa Perdana Menteri mempunyai visi untuk menjayakan perjuangan demi kebajikan Islam. Adakah kata-kata Haji Nakhaie sekarang boleh dipakai?

Pandangan-pandangan begini menuju ke arah kesombongan politik. Bersandarkan huraiyan Haji Subky Latiff, A. Nazri Abdullah bertanya: Mengapa **PAS** bersikap angkuh? Antara lain, A. Nazri menyatakan bahawa isu yang hendak dibincangkan sudah jelas. Isunya ialah perpecahan orang Melayu, ketuanan Melayu dan Islam. **PAS**, mengikut Haji Subky Latiff tidak dapat berbincang dengan **UMNO** selagi **UMNO** dengan dasar nasionalisme dan pragmatismenya. Kata-kata begini, menurut A. Nazri bukanlah perkara baru kerana **UMNO** sebagai parti yang memperjuangkan bangsa dan agama melalui nasionalisme ditubuhkan dengan sifat dan semangat demikian.

Perundingan harus dibuat dengan ikhlas dan tanpa prasangka. Keadaan harmoni diperlukan. Kepentingan peribadi dan politik kepuakan harus diketepikan. Orang Melayu yang rasional menanti-nanti terjadinya perundingan yang ikhlas demikian. Tetapi malangnya hal ini tidak berlaku. Suara-suara yang membayangkan politik kepuakan jelas kedengaran dan menghalang hasrat perundingan yang murni itu. Dalam pada itu, ada pula yang memikirkan kepentingan diri sendiri. Yang lain pula penuh prasangka.

Nasib bangsa kita terumbang-ambing dalam gelombang syak wasangka begini. Jika **PAS** bersekutu dengan **Semangat 46** menentang **UMNO**, yang berlaku ialah permusuhan sesama Melayu yang lebih besar. Kehancuran bangsa kita

kian parah. Jika ahli-ahli politik merenungi nasib bangsa dan keadaan agama secara ikhlas dan dengan hati yang bersih, mereka tentu ingin mengelak daripada berlakunya kehilangan kuasa politik Melayu/Islam seperti yang berlaku di Sabah.

Berpolitik memanglah wajar bagi orang politik. Akan tetapi jika segala-galanya dilakukan untuk tujuan politik kepartian, maka orang politik dan bangsa keseluruhannya akan menemui jalan buntu. Semoga ini dapat diperbaiki.

Tunku di Persidangan Agung 1989, kemudian ke Mana?

Mesyuarat Agung **UMNO** pada 17hb. November 1989 dihadiri oleh Tunku Abdul Rahman. Tunku menunaikan janjinya untuk hadir.

Sebelum ini Pemuda dan Wanita **UMNO** menemui Tunku di kediaman beliau. Pada mulanya, hasrat Pemuda **UMNO** hendak menemui Tunku Abdul Rahman dianggap remeh oleh sesetengah pihak. Pandangan Tunku Abdul Rahman tidak penting, kata mereka. Tunku Abdul Rahman sebelum itu telah mengecam **UMNO** habis-habisan. Bahkan, Tunku Abdul Rahman pernah menganjurkan agar rakyat menghapuskan **UMNO** pimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Dalam keadaan demikian, apakah perlunya Pemuda **UMNO** menemui Tunku Abdul Rahman?

Kemudian ternyata Pemuda **UMNO** mempunyai strategi. Pertemuan dengan Tunku Abdul Rahman membawa hasil. Sekurang-kurangnya, Pemuda **UMNO** berjaya menjelaskan sikap **UMNO** kepada Tunku Abdul Rahman. Hal ini penting kerana selama ini Tunku Abdul Rahman terlalu percaya bahawa **UMNO** yang dipulihkan semula ini berbeza sama sekali daripada **UMNO** asal.

Wanita **UMNO** pula berjaya menjemput Tunku Abdul Rahman ke upacara perayaan menyambut usianya yang keempat puluh. Dan seterusnya, Tunku berjanji untuk hadir

ke Persidangan Agung UMNO.

Semua yang di atas adalah di luar dugaan sebelumnya. Kehadiran Tunku Abdul Rahman ke Persidangan Agung **Semangat 46** adalah perkara biasa. Cemuhan Tunku Abdul Rahman ke atas Dr. Mahathir Mohamad dan **UMNO** Baru, adalah juga perkara biasa. Tunku Abdul Rahman telah berulangkali menghentam Dr. Mahathir Mohamad, sejak pilihanraya kawasan Johor Bahru lagi. Ketika itu Tunku bersungguh-sungguh memastikan agar Dato Shahrir Samad menang. Dan memang Dato Shahrir Samad menang. Tidaklah terfikir oleh Tunku Abdul Rahman, bahawa Dato Shahrir kemudiannya kembali memasuki **UMNO** pimpinan Dr. Mahathir Mohamad.



Tunku Abdul Rahman: Aktif, sampai bila-bila, menentang Dr. Mahathir

Dalam pertandingan di Ampang Jaya, Tunku Abdul Rahman kian jelas dan tegas menghentam Dr. Mahathir Mohamad. Akan tetapi kali ini, Dato Harun Idris yang disokongnya tidak menang. Ini tentu menimbulkan kerisauan di hati sanubari beliau. Beliau pun berkata, "Mampuihlah

kita selepas ini!"

Sasaran kritikan Tunku Abdul Rahman, selain kepada Dr. Mahathir Mohamad, ialah pihak akhbar. Tunku Abdul Rahman seakan-akan lupa bahawa beliau berada di pihak pembangkang. Sejak dahulu lagi, iaitu dalam zaman beliau, zaman Tun Abdul Razak dan zaman Tun Hussein Onn, akhbar-akhbar utama tidak melayani pihak pembangkang. Akhbar-akhbar itu memberi peluang yang sedikit sahaja kepada pihak pembangkang.

Dalam tahun 1988 dan 1989, muncul pembangkang yang berbeza daripada yang lepas-lepas. Pembangkang dalam tahun-tahun itu, dan juga tahun ini pernah menjadi menteri kabinet. Pada masa mereka menjadi menteri kabinet, mereka berasa seronok menikmati laporan akhbar. Apa-apa sahaja yang dianggap penting, yang dilakukan atau diucapkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah, Dato Rais Yatim dan lain-lain, dilaporkan oleh akhbar-akhbar yang penting itu. Apabila mereka keluar daripada kerajaan, tampaknya mereka masih mengimpikan layanan yang sama. Pemimpin-pemimpin pembangkang yang lain, seperti pemimpin-pemimpin **PAS** dan **DAP**, tidak bermimpi akan hal-hal demikian, kerana mereka telah lama menjadi pembangkang. Mereka telah berpengalaman sebagai pembangkang.

PAS mempunyai **Harakah** dan **DAP** mempunyai **Rocket** untuk melaporkan kegiatan mereka, atau menyiaran kritikan-kritikan mereka terhadap kerajaan. **PRM** yang kecil itu pun memiliki **Mimbar**. Oleh sebab mereka memiliki media masing-masing, mereka tidaklah terlalu kecewa apabila mendapati **Utusan Malaysia**, **Berita Harian**, **The New Straits Times** dan **The Star** tidak melayani mereka. Di antara empat yang disebutkan, **The Star** agak lembut dengan mereka, kerana mengambil kira kehendak Tunku.

Berita Harian, 17hb. November 1989 (iaitu terbitan hari Persidangan Agung **UMNO**) melaporkan bahawa Tunku Abdul Rahman hanya bersetuju menemui Dr. Mahathir Mohamad untuk memberi faedah politik kepada **Semangat 46**. Ketika Dr. Mahathir Mohamad sedang berucap tentang perpaduan Melayu, sejumlah hadirin (wakil-wakil bahagian **UMNO**) telah pun membaca laporan tersebut. Dengan itu mereka tidaklah begitu gembira mendengar puji-pujian oleh Dr. Mahathir Mohamad terhadap jasa-jasa Tunku Abdul Rahman. Daripada air muka Dr. Mahathir Mohamad sendiri pun, dapat diduga

bahawa beliau telah mendengar berita tentang helah Tunku Abdul Rahman menemuinya.

Setelah tamat ucapan, para wartawan menemubual Tunku Abdul Rahman tentang hal tersebut. Tunku menafikan berita itu. Menurut beliau, hasrat beliau yang sebenar ialah hendak menyatupadukan orang Melayu. "Kita akan mati", kata beliau (mengenangkan usia yang lanjut). "Kita tidak boleh memikirkan kepentingan diri. Bangsa Melayu mesti diutamakan."

Kenyataan Tunku Abdul Rahman itu lojik sekali. Adalah mustahil beliau mempunyai kepentingan apa-apa dalam hal ini. Cuma, sejauh ini beliau dibawa terlalu jauh untuk menjadi alat peperangan menentang **UMNO**. Kumpulan Tengku Razaleigh Hamzah yang kalah dengan majoriti yang kecil ketika menentang Dr. Mahathir Mohamad (dalam tahun 1987), telah memujuk Tunku Abdul Rahman menyebelahi mereka. Tunku Abdul Rahman tentu mudah mengikut kumpulan itu, terutama disebabkan beliau dan Tengku Razaleigh Hamzah sama-sama kerabat diraja.

Sekarang, setelah dikunjungi oleh Dato Seri Najib Tun Razak, dan wanita **UMNO**, Tunku Abdul Rahman tidak lagi terlalu taksuh dengan **Semangat 46**. Sungguhpun Dato Seri Najib bukan daripada keluarga diraja, Tunku terdorong juga menerima kemesraannya, kerana Dato Seri Najib adalah anak Tun Abdul Razak bekas Timbalan Perdana Menteri dalam zamannya. Kenangan Tunku Abdul Rahman terhadap beliau bersama-sama Tunku Abdul Razak menerajui pentadbiran negara ini dalam tahun-tahun 60-an dan 70-an, tidak mungkin dapat dilupakan. Dato Najib Tun Razak adalah pembangkit nostalgia Tunku Abdul Rahman. Kunjungan Dato Seri Najib amat menggembirakan Tunku Abdul Rahman.

Dalam ucapan di persidangan agung, Dr. Mahathir Mohammad tidak menyindir Tunku. Kata-katanya, "Kita bukan komunis, bukan sosialis dan bukan kapitalis", tidak dapat dianggap sindiran. Walaupun mungkin ditujukan kepada Tunku Abdul Rahman, itu hanyalah suatu pengakuan untuk menepis tuduhan-tuduhan yang pernah disuarakan.

Tuduhan oleh Tunku dan tokoh-tokoh **Semangat 46** terhadap Dr. Mahathir yang sering disuarakan ialah, bahawa Dr. Mahathir Mohamad pembunuh **UMNO** asal. Dr. Mahathir Mohamad dikatakan enggan menghidupkan **UMNO** asal itu. Dalam ucapannya di persidangan tersebut, Dr. Mahathir

Mohamad mengulangi hujahnya. **UMNO** yang asal itu diharamkan kerana beberapa orang ahli telah mengheretnya ke mahkamah. "Sepatutnya, mereka itu tidak dimaafkan," kata beliau. Tentang soal menghidupkan **UMNO** asal, beliau menyatakan adalah tidak wajar Parlimen menghidupkan parti yang diharamkan oleh mahkamah.

Dalam kedua-dua hal di atas, Dr. Mahathir Mohamad benar. Parlimen menggubal undang-undang, mahkamah menggunakan ketika membuat keputusan, kenapa Parlimen hendak membantah keputusan itu? Jika **UMNO** lama dihidupkan semula, bererti Parlimen menolak keputusan mahkamah. Jika Parlimen berbuat demikian, maka mahkamah akan dianggap tidak berwibawa. Seterusnya, Parlimen sendiri pun akan dianggap tidak berwibawa juga, kerana tidak bersetuju dengan undang-undang yang digubalnya sendiri.

Adakah Tunku Abdul Rahman yang turut hadir dalam Persidangan Agung **UMNO** 1989 akan terus bercita-cita untuk melihat **UMNO** asal dihidupkan?

Sebagai orang tua, Tunku Abdul Rahman mudah dipengaruhi oleh anak cucu kesayangannya. Tengku Razaleigh Hamzah kemudiannya menemui Dr. Mahathir Mohamad berbincang tentang perpaduan Melayu. Tengku Razaleigh Hamzah tetap membawa motifnya, iaitu menghidupkan **UMNO** asal.

Telah disebutkan bahawa nostalgia Tunku Abdul Rahman terhadap zamannya bersama Tunku Abdul Razak dibangkitkan oleh Dato Seri Najib. Akan tetapi, nostalgia itu dapat dipadam dengan mudah oleh Tengku Razaleigh Hamzah. Dato Seri Najib hanya mengingatkan Tunku Abdul Rahman terhadap zaman beliau semasa menjadi Perdana Menteri. Pencapaian Tun Abdul Razak yang paling tinggi kemudiannya ialah menjadi Perdana Menteri. Tengku Razaleigh Hamzah lebih daripada itu bagi Tunku Abdul Rahman. Tengku Razaleigh Hamzah berasal dari istana, sama seperti Tunku Abdul Rahman sendiri.

Dengan kata-kata yang lebih mudah, pandangan dan sikap feudal Tunku Abdul Rahman mengatasi segala-galanya. Beliau sanggup berolok-lok di Persidangan Agung **UMNO** untuk mencari jalan menempatkan Tengku Razaleigh di tempat yang dicita-citakannya.

Selagi Tengku Razaleigh Hamzah bercita-cita

menghidupkan **UMNO** asal, Tunku Abdul Rahman akan sanggup turut serta. Tunku Abdul Rahman kemudiannya menghadiri majlis-majlis **DAP** dan **PAS** untuk menjayakan maksud Tengku Razaleigh Hamzah. Padahal, semasa Tengku Razaleigh Hamzah mula berbaik-baik dengan **PAS**, Tunku Abdul Rahman mengatakan hubungan demikian tidak wajar. Ideologi **PAS** dengan **UMNO** terlalu berbeza, kata Tunku Abdul Rahman. (Tunku menganggap **Semangat 46** itu **UMNO**). Tengku Razaleigh Hamzah mesih ingat bahawa Dr. Mahathir Mohamad pernah menggunakan pentas **PAS** semasa disingkirkan oleh Tunku Abdul Rahman. Dengan kata lain, Tengku Razaleigh Hamzah mengikut jejak Dr. Mahathir Mohamad dalam hal seperti ini.

Oleh sebab Tunku Abdul Rahman amat sayang kepada Tengku Razaleigh Hamzah, maka cara Tengku Razaleigh Hamzah tidak menghiraukan nasihat Tunku Abdul Rahman pada mulanya. Bahkan, Tengku Razaleigh Hamzah pergi lebih jauh daripada pemergian Dr. Mahathir Mohamad 20 tahun yang lalu. Tengku Razaleigh Hamzah betul-betul bermuafakat dengan **PAS**, bahkan sanggup menjadi alat **PAS**. Ini diakuinya sendiri.

Persahabatan **Semangat 46** dengan **DAP** pun tidak pernah terlintas di kepala Tunku Abdul Rahman pada masa-masa yang lepas. Jika Tunku Abdul Rahman boleh berbaik-baik dengan pembangkang yang seekstrim itu, tentulah Singapura masih berada di dalam Malaysia. Tunku Abdul Rahman menyingkirkan **PAP**, sekaligus menyingkirkan Singapura dari Malaysia. **PAP** meninggalkan warisnya di sini, iaitu **DAP**. Kini Tengku Razaleigh Hamzah berikrab-ikraban dengan **DAP**. Sekali-kali tidak pernah difikirkan oleh Tunku Abdul Rahman. Namun, demi seseorang yang disayangi, Tunku Abdul Rahman merestui semuanya.

Demikianlah arah Tunku Abdul Rahman selepas menghadiri Persidangan Agung **UMNO**, 1989.

PAS dan Semangat 46

Anti Akhbar

PAS dan **Semangat 46** secara bersungguh-sungguh menyatakan bahawa mereka menentang akhbar. Sebenarnya, pada pertengahan dekad 80-an lagi kita mendengar keluhan **PAS**, terutama melalui Saudara Subky Latiff. Menurut Subky Latiff, di dalam akhbar hanya iklan wayang gambar dan keputusan loteri sahaja yang betul.

Ketika Subky Latiff berkata seperti yang di atas, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dato Rais Yatim masih menjadi menteri. Akhbar sering memuatkan berita-berita tentang mereka. Subky Latiff tentu tidak percaya terhadap berita-berita itu, kerana berita tentang Tengku Razaleigh Hamzah dan Dato Rais Yatim bukanlah iklan wayang gambar, dan bukan juga keputusan loteri.

Pada awal tahun 1990, akhbar menghebohkan berita tuduhan Encik Karpal Singh terhadap Encik Vijandran berkaitan skandal video lucah. Adakah Subky Latiff mempercayai berita itu?

Sebenarnya, akhbar tetap menyiarkan berita baik dan berita tidak baik daripada pelbagai pihak. Encik Vijandran itu orang kerajaan, manakala Encik Karpal Singh pembangkang, tetapi akhbar tidak memperlihatkan kecenderungan menyokong Encik Vijandran.

Apakah yang dirisaukan oleh **PAS** dan **Semangat 46**?



Ibrahim Ali membakar apa? Kerja begini sejak dahulu

Adakah mereka risau kerana akhbar memutarbelitkan berita, atau kerana akhbar tidak mahu menyebelahi mereka?

Sekarang kita ambil contoh yang berlaku dalam bulan Januari, 1990. Menurut akhbar, Tengku Razaleigh Hamzah mengakui bahawa beliau hanya sudi menerima jawatan Perdana Menteri. Jika Dr. Mahathir Mohamad menawarkan jawatan itu, beliau akan menerimanya. Jawatan lain beliau tidak mahu.

Berita ini memburukkan imej Tengku Razaleigh Hamzah. Walaupun semua orang tahu bahawa Tengku Razaleigh Hamzah mengingini jawatan Perdana Menteri, namun adalah tidak wajar beliau berkata demikian. Kata-kata itu membayangkan kegelojohan hasrat. Beliau harus menyembunyikan hasrat itu seperti mana Dato Musa Hitam menyembunyikannya.

Dato Musa Hitam sendiri mengulas berita itu. Menurut Dato Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah hendaklah menyertai UMNO dan berjuang dengan ikhlas bagi membolehkannya menjadi Perdana Menteri.

Encik Ghafar Baba juga memberi komen. Menurut beliau, pernyataan hasrat seperti yang disuarakan oleh Tengku Razaleigh itu tidak pernah dibuat orang. Dr. Mahathir

Mohamad sendiri mengatakan bahawa beliau tidak berkeupayaan memberikan jawatan Perdana Menteri kepada Tengku Razaleigh Hamzah.

Kemudian Tengku Razaleigh Hamzah mengatakan bahawa beliau berseloroh atau bergurau sahaja. Menurut beliau, akhbar telah menerima gurauan beliau secara serius.

Dalam hal seperti ini, adakah akhbar memutarbelitkan berita? Pemberita atau wartawan telah tahu bahawa cita-cita Tengku Razaleigh Hamzah ialah untuk menjadi Perdana Menteri, jadi apabila beliau bersuara demikian tentulah pemberita atau wartawan cepat memahaminya sebagai sesuatu yang serius. Walaupun ada yang berasa bahawa Tengku Razaleigh Hamzah ingin bergurau, namun gurauan hendak menjadi Perdana Menteri adalah gurauan yang sungguh. Atau, boleh juga kenyataan demikian dilihat sebagai bersungguh-sungguh dengan cara gurauan. Maksud di sini, beliau bersungguh-sungguh hendak menjadi Perdana Menteri, tetapi niatnya itu disampaikan dengan nada gurauan.

Sekarang, kerjasama di antara **DAP** dengan **Semangat 46** adalah suatu kenyataan. Pada petang 25hb. Januari 1990, berita jam lima Radio Malaysia menyiarkan berita tentang persepakatan rasmi **DAP** dengan **Semangat 46**. Menurut berita itu, **Semangat 46** bersetuju Dato Lim Kit Siang tokoh **DAP** akan menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang jika mereka menang di negeri itu.

Akhbar **Watan**, 30hb. Januari 1990, menyiarkan berita tentang hasrat **Semangat 46** memberikan jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang kepada orang Melayu. Akan tetapi, Tengku Razaleigh Hamzah menegaskan jika **DAP** mendapat jumlah kerusi yang lebih, maka berkemungkinan besar parti itu akan melantik Dato Lim Kit Siang menjadi Ketua Menteri.

Berita radio 25hb. Januari 1990 tidak bercanggah dengan laporan **Watan** 30hb. Januari, 1990. Cuma, **Watan** meletakkan tajuk "Melayu Ketua Menteri" sebagai umpan. Orang Melayu tidak akan dapat menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang jika **Semangat 46** membantu memperkuatkan **DAP** di negeri itu.

Tengku Razaleigh Hamzah mengetahui hakikat sebenar. Beliau tahu, potensi **DAP** lebih besar. Beliau berasa **DAP** boleh menang jika **Semangat 46** membantunya bersungguh-sungguh. Beliau tahu **Semangat 46** tidak boleh menang di situ. Dengan itu beliau memberi jaminan bahawa **DAP** akan

memberi perhatian kepada masalah yang menghimpit orang Melayu jika parti itu berkuasa.

Semua orang Melayu, termasuk anggota-anggota **Semangat 46** tentu tahu bahawa jaminan Tengku Razaleigh Hamzah itu karut. Bagaimana Tengku Razaleigh Hamzah boleh mengetahui hasrat sebenar **DAP**?

Akhbar, radio dan televisyen dapat dikatakan mementingkan berita yang betul. Tokoh wartawan Malaysia, Encik A. Samad Ismail mengatakan bahawa para wartawan mempunyai etika. Tuduhan bahawa akhbar-akhbar hanya menabur fitnah terhadap kumpulan tertentu adalah fitnah terhadap akhbar.

Utusan Malaysia mengelolakan pertandingan melukis kartun untuk mengejek **Semangat 46** dan **PAS** yang mahu mengetepikan akhbar itu. Seseorang kartunis yang mempunyai idea berkenaan tindakan **Semangat 46** dan **PAS** memboikot akhbar, bolehlah turut bertanding. Mereka boleh melukis watak Tengku Razaleigh Hamzah dan pemimpin **PAS** berbuat sesuatu dalam hal pemboikotan akhbar.

Kenapakah **Utusan Malaysia** dan akhbar-akhbar lain tidak gentar dengan pemulauan oleh **PAS** dan **Semangat 46**? Jawabnya mudah. Rakyat Malaysia perlu membaca akhbar. Mereka memerlukan maklumat. Tindakan **PAS** dan **Semangat 46** menggambarkan sikap anti maklumat yang akan berakhir dengan kejahilan.

Pemimpin-pemimpin **PAS** dan **Semangat 46** sendiri memerlukan akhbar. Mereka tidak mungkin bergerak cergas dan tersusun tanpa maklumat yang diperoleh dengan segera.

Tidak dapat tidak, pemimpin-pemimpin **PAS** dan **Semangat 46** yang menganjurkan pemulauan dan pembakaran akhbar terpaksa bertindak secara *double-standard*. Mereka meminta para pengikut berhenti membaca akhbar malah membakar akhbar, tetapi mereka sendiri membacanya. Dato Mohamed Tajul Rosli, Timbalan Menteri Pembangunan Negara, mendedahkan bahawa beliau nampak Tengku Razaleigh Hamzah membaca **Utusan Malaysia** dan **Berita Harian** dalam kapal terbang. Ini memberi peluang kepada Awang Selamat mengejek beliau dalam ruangan “Bisik-bisik” **Utusan Malaysia**. Kata Awang Selamat:-

*Baca dalam kapal terbang tidak mengapa kerana selain daripada Yang Dipertua **PAS**, Fadzil Noor dan Ketua*

Penerangan PAS, Subky Latiff tak nampak, penyokong-penyokong Tengku Razaleigh Hamzah pun tak nampak kerana mereka selalu naik bas dan tak tahu apa yang sedang berlaku "di atas".

Awang- Sudah tengok macam-macam sandiwara.

(Utusan Malaysia 26hb. Januari 90)

Ejekan Awang Selamat itu munasabah dan tidak dapat ditolak. Cuma, perlu dinyatakan bahawa di kalangan ahli-ahli **Semangat 46** dan **PAS** pun, ada yang memboikot akhbar, dan ada yang tidak. Di antara mereka yang tidak berupaya memboikot akhbar ialah golongan yang tahu bahawa akhbar tidak berbohong dalam hal mengiklankan wayang gambar dan mencatatkan nombor loteri, terutama Empat Nombor Ekor. Subky Latiff tentu arif bahawa bukan sedikit ahli-ahli daripada pelbagai parti yang memerlukan maklumat tentang nombor ekor itu.

Jika ahli-ahli **PAS** dan **Semangat 46** ingin tahu sehingga bilakah akhbar mengetepikan parti-parti mereka, mereka perlu membaca akhbar. Dengan itu, jualan akhbar tidak merosot. Jika mereka mahu membakar akhbar, mereka terpaksa juga membeli akbar. Alangkah jahilnya manusia yang membeli akhbar lalu terus membakarnya tanpa membacanya terlebih dahulu.

Dato Abdullah Ahmad Badawi dan Dr. Sanusi Osman memberi komen tentang anjuran memboikot akhbar. Antara lain, mereka menyatakan bahawa rakyat Malaysia sudah cukup matang. Mereka memerlukan maklumat dan tahu menimbang kemunasabahan maklumat. Dengan itu, pemboikotan akhbar tidak wajar.

Akhbar **Watan**, 24hb. Januari 1990 menyiarkan kartun yang menarik. Dalam kartun itu, Dato Mohammad Rahmat meminta agar **PAS** dan **Semangat 46** tidak menganjurkan para pengikut mereka membakar peti televisyen.

Arah Tengku Razaleigh dan Ustaz Fadzil Noor

Pada 11hb. Februari 1990, Bandar Baru Bangi menerima kunjungan Tengku Razaleigh Hamzah dan Ustaz Fadzil Noor. Dato Haji Suhaimi Dato Haji Kamaruddin dan Ustaz Halim Arshat juga turut mengiringi mereka. Sebahagian daripada hadirin (yang jumlahnya entah berapa ribu) percaya bahawa ini adalah arah sebenar Tengku Razaleigh Hamzah dan Ustaz Fadzil Noor. Akan tetapi, sejumlah lagi percaya bahawa kebersamaan ini hanya sementara, kerana mereka kerap mendapati Tengku Razaleigh Hamzah berganding bahu dengan Dato Musa Hitam. Keikraban perhubungan orang politik selalunya sementara sahaja.

Ustaz Fadzil Noor menganggap pergandingan bahu mereka adalah takdir Allah. Pemimpin-pemimpin UMNO Baru tidak termimpi hal ini akan terjadi. "Bukan mereka sahaja yang tidak termimpi, kita pun tidak termimpi," tambah Ustaz Fadzil Noor.

Eloklah dibicarakan pandangan-pandangan Ustaz Fadzil Noor dan Tengku Razaleigh Hamzah sendiri untuk meninjau arah mereka. Dato Haji Suhaimi yang bercakap lebih awal ternyata tidak berkesan langsung. Gayanya yang menuju anti-klimaks itu tidak berubah sejak awal dekad 70-an lagi. Dalam majlis tersebut, mula-mula beliau menyebut Mike Tyson dan

hendak dibandingkan dengan Tan Sri Muhammad bin Mohd. Taib, Menteri Besar Selangor. Kemudian disentuhnya pembunuhan-pembunuhan di sana sini, dan dia berkata (secara tak semena-mena) Dr. Mahathirlah yang bertanggungjawab atas peristiwa-peristiwa berdarah itu.

Keseluruhan hadirin menganggap pidato Dato Haji Suhaimi kosong sahaja. Oleh itu eloklah diketepikan dalam perbicaraan ini.

Ustaz Fadzil Noor meneruskan gayanya yang kadang-kadang keras dan kadang-kadang lucu. Beberapa tahun yang lalu saya pernah bandingkan gaya beliau dengan gaya Dato Seri Sanusi Junid. Antara lain katanya, kalau Angkatan Perpaduan Ummah memerintah, jawatan pegawai kerajaan akan kekal. Tiada siapa yang akan dipecat atau dijatuahkan pangkatnya. "Doktor gigi tidak akan disuruh menjadi doktor telinga, takut habis telinga orang dicabutnya," ujar beliau. Lawak jenaka dapat juga memikat hadirin.

Ketika menyebut cawangan Sungai Pelek, mula-mula beliau menyebutnya "Sungai Pelik". Kemudian beliau membuat pembetulan, dan ditambahnya: "Yang pelik hanyalah **UMNO Baru**". Gaya koreksio ini juga berjaya memikat hadirin.

Ustaz Fadzil Noor mengkritik Dr. Mahathir Mohamad yang sanggup hadir ke Dataran Merdeka menyaksikan keadaan yang menyeronokkan di sana (pada awal tahun 1990). Menurutnya, Presiden Amerika dan Perdana Menteri British pun tidak akan hadir ke majlis demikian. Selain itu, disebutkan soal kemiskinan yang masih wujud di kampung-kampung. "Walaupun penduduk di Bandar Baru Bangi tidak miskin seperti penduduk di kampung-kampung terpencil, hal ini perlu diberi perhatian," katanya. Alasannya ialah, bahawa orang kampung itulah yang menyokong kerajaan, dan dengan sokongan itu wujudlah masyarakat yang agak maju seperti masyarakat di Bandar Baru Bangi. Oleh sebab sebahagian besar hadirin dapat dianggap berfikiran kritis, kata-kata Ustaz Fadzil Noor itu dianggap menyokong kerajaan secara tidak disedari. Kata-kata itu bermaksud kerajaan **Barisan Nasional** telah berjaya mewujudkan masyarakat yang agak maju seperti masyarakat di Bandar Baru Bangi.

Sebenarnya, Ustaz Fadzil Noor tidak terlalu berbeza daripada Ustaz Nakhiae Ahmad. Ustaz Fadzil Noor menerima apa-apa yang baik di dalam kerajaan. Cuma, dalam keadaan tertentu beliau melangsungkan cara Ustaz Abdul Hadi Awang

untuk mengimbangi kepelbagaiian corak tingkah laku ahli-ahli **PAS**. Di Bandar Baru Bangi, Ustaz Fadzil Noor memberi amaran kepada penentang-penentang kerjasama **PAS-Semangat 46**. Kata beliau, orang itu adalah orang yang latah. Dalam masyarakat Melayu, memang terdapat orang yang latah. Sebenarnya, secara tidak langsung, Ustaz Fadzil Noor memetik pendapat Dr. Mahathir Mohamad tentang gejala yang ada dalam masyarakat Melayu. Dalam dekad 70-an, Dr. Mahathir Mohamad telah membuat huraian yang agak panjang lebar tentang “amuk” dan “latah” dalam masyarakat Melayu.

Kebanyakan orang tahu bahawa tokoh yang memilih jalan sehala dalam perjuangan **PAS** ialah Ustaz Abdul Hadi Awang. Cuma, dalam keadaan sekarang, timbul soalan adakah Ustaz Abdul Hadi Awang terpaksa mengikut cara Ustaz Fadzil Noor demi pilihanraya. Penentang-penentang kerjasama **PAS-Semangat 46** sebenarnya ingin mendapat penjelasan daripada Ustaz Abdul Hadi Awang. Inilah hal yang menyulitkan Ustaz Fadzil Noor. Ustaz Abdul Hadi Awang pun berasa sulit kerana dalam khutbah-khutbahnya beliau menentang nasionalisme secara habis-habisan. Lagipun beliau amat sedar bahawa **Semangat 46** mendekati **PAS** semata-mata untuk mendapatkan pertolongan bagi menentang **UMNO** dan Dr. Mahathir Mohamad.

Agak sukar untuk sesiapa saja menentukan arah Ustaz Fadzil Noor dan arah Tengku Razaleigh Hamzah. Kini mereka kelihatan searah setujuan, seperti mana Tengku Razaleigh Hamzah dan Dato Musa Hitam pernah searah setujuan. Bagi Tengku Razaleigh, Ustaz Fadzil Noor adalah pengganti Dato Musa Hitam. Ustaz Fadzil Noor dapat dianggap teman yang dapat membaiaki suasana. Di Bandar Baru Bangi, Ustaz Fadzil Noor memberi pendapat bahawa Dato Musa Hitam menyertai **UMNO** ketika Dr. Mahathir sakit. Menurutnya, Dato Musa Hitam berfikir Dr. Mahathir Mohamad tidak akan sembuh. Jadi, selepas Dr. Mahathir siapa lagi? Dato Musa Hitam tidak gentar dengan Encik Ghafar Baba.

Rupa-rupanya Dr. Mahathir Mohamad sihat semula dan lebih kuat berbanding dengan keadaan sebelum sakit. Dato Musa Hitam terpaksa memperhambakan diri. Mujurlah dihantar ke Amerika, kalau dihantar ke Papua New Guinea pun Dato Musa Hitam terpaksa pergi. Demikianlah pendapat Ustaz Fadzil Noor. Pendapatnya itu disampaikan secara

berjenaka seperti yang dilakukan oleh Dato Seri Sanusi Junid.

Tengku Razaleigh Hamzah diperkenalkan oleh Ustaz Fadzil Noor sebagai tokoh ekonomi. Di dalam UMNO sekarang, hanya Encik Ghafar Baba tokoh ekonomi negara. Ustaz Fadzil Noor membandingkan Encik Ghafar Baba dengan Tengku Razaleigh Hamzah. Dengan gaya yang lucu, diceritakan kisah Encik Ghafar Baba yang menganggap hutang negara tidak menjadi masalah.

Oleh sebab diperkenalkan sebagai ahli ekonomi, Tengku Razaleigh Hamzah bangun bercakap tentang ekonomi. Sebelum itu beberapa orang ahli PAS dan Semangat 46 membawa beg plastik mengutip derma untuk APU. Tidak dapat dipastikan berapakah jumlah kutipan pada malam itu.

Tengku Razaleigh Hamzah menerima hakikat bahawa ekonomi sekarang sudah pulih. Cuma, beliau mengatakan keadaan pulih ini bukan kerana kemahiran pihak kerajaan, tetapi kerana kerajinan rakyat. Walau apa pun yang dikatakan, yang penting sebagai ahli ekonomi beliau boleh menerima kenyataan.



Tun Salleh Abbas: Isu pemecatannya tenggelam apabila timbul isu-isu baru

Hal lain yang disentuh oleh beliau ialah sikap Dr. Mahathir Mohamad terhadap isu-isu negara. Dibukanya kisah perbualan beliau dengan Dr. Mahathir Mohamad dalam tahun 70-an. Menurut beliau, Dr. Mahathir tahu bahawa rakyat akan melupakan isu-isu besar dalam masa seminggu, atau paling lama sebulan. Itulah sebabnya Dr. Mahathir tidak takut kepada isu-isu besar. Beliau tidak takut memecat Tun Salleh Abbas, kata Tengku Razaleigh. Isu pemecatan itu dilupakan oleh rakyat apabila timbul isu baru. Tengku Razaleigh minta hadirin agar jangan melupai peristiwa itu.

Pendedahan Tengku Razaleigh Hamzah itu sebenarnya membuktikan bahawa Dr. Mahathir Mohamad memahami polisi dalam negara. Kebanyakan pemimpin negara yang mahir memang bertindak mengadakan isu baru jika rakyat memberi tumpuan kepada satu isu besar yang merugikanaya. Presiden Soekarno menimbulkan isu konfrontasi terhadap Malaysia untuk menutup masalah-masalah dalam negara. Presiden-presiden Filipina mengekalkan tuntutan ke atas Sabah. Jika benar pandangan Tengku Razaleigh Hamzah tentang Dr. Mahathir Mohamad, maka bererti Tengku Razaleigh Hamzah sekadar mengakui kaedah politik Dr. Mahathir menyamai kaedah pemimpin-pemimpin luar dalam hal polisi seperti ini.

Tengku Razaleigh Hamzah menggunakan pendedahan demikian sebagai kaedah berpolitik. Sebenarnya, ditinjau daripada satu aspek, cara berpolitik begini menandakan bahawa beliau ketiadaan dasar. Dasar beliau tidak lain daripada dasar Dr. Mahathir Mohamad juga jika takdirnya beliau mencapai kedudukan impian beliau itu.

Demikian juga halnya dengan pendedahan beliau di tempat lain bahawa Encik Ghafar Baba merajuk apabila tidak dipilih oleh Tun Hussein Onn untuk menduduki tempat Timbalan Perdana Menteri dalam dekad 70-an dahulu. Pendedahan demikian menunjukkan bahawa ahli-ahli politik hanya mengingini jawatan tinggi dalam kerajaan.

Apakah impian **APU** hendak mengambil alih pemerintahan negara ini akan terlaksana? Jika terlaksana, siapakah di antara Tengku Razaleigh Hamzah dengan Ustaz Fadzil Noor akan menjadi Perdana Menteri? Jika Tengku Razaleigh Hamzah menjadi Perdana Menteri dan Ustaz Fadzil Noor menjadi timbalan beliau, apakah jawatan-jawatan yang sesuai disandang oleh Dato Rais Yatim dan Ustaz Abdul Hadi Awang? Demikianlah soalan-soalan awal yang timbul di fikiran rakyat daripada kalangan **PAS** dan **Semangat 46**.

Seterusnya timbul pula soalan lain: Apakah jawatan yang akan disandang oleh Encik Lim Kit Siang dan Encik Karpal Singh? Soalan ini penting kerana di samping **PAS**, **Semangat 46** mempunyai hubungan dengan **DAP**, walaupun di Bandar Baru Bangi **DAP** tidak disebut langsung. Tengku Razaleigh Hamzah memilih gaya politik *double-standard*. Di depan orang Melayu di Bandar Baru Bangi beliau tidak menyebut **DAP**. Di depan orang Cina di Pulau Pinang beliau tidak menyebut **PAS**.

Halangan Perpaduan

Berita politik yang terbaik bagi kita dalam bulan puasa 1989 ialah hasrat **PAS** dan **UMNO** hendak berbaik-baik. Saudara Anwar Ibrahim menyatakan bahawa **UMNO** bersikap serius dalam hal hendak berbincang dengan **PAS**. Pihak **PAS** juga menyatakan bahawa mereka telah lama bersedia untuk bermuzakarah.

Berita ini bukanlah berita baru. Ia adalah ulangan yang entah keberapa. Kita telah mendengar berita pertemuan di antara pemimpin **PAS** dan pemimpin **UMNO** beberapa kali sebelum itu. Pertemuan itu dirahsiakan daripada pengetahuan umum. Kenapakah pertemuan yang bertujuan baik itu dirahsiakan daripada umum? Pemimpin-pemimpin politik mempunyai tujuan yang tertentu merahsiakan pertemuan-pertemuan demikian. Antara lain, mereka mungkin bimbang populariti mereka berkurangan kerana ingin berbaik-baik dengan ‘musuh’. Bagi setengah-setengah daripada mereka, nilai seseorang wira terletak pada pertentangan dengan musuh. Jika mereka mencari jalan damai, maka nilai kewiraan mereka merosot. Dengan itu mereka terus memperlihatkan pertentangan, walaupun hati mereka mengakui bahawa hanya dengan perdamaianlah jalan yang terbaik. Inilah alasannya mereka merahsiakan pertemuan perdamaian berkenaan.

Haji Nakhaie Ahmad, bekas Naib Yang Dipertua **PAS**

meminta kedua-dua pihak tidak merahsiakan pertemuan untuk mewujudkan usaha kerjasama. Menurut bekas tokoh **PAS** yang bersikap sederhana itu, jika pertemuan itu dirahsiakan, akan timbul fitnah dan spekulasi yang akhirnya akan menggagalkan usaha kerjasama yang dirancangkan.

Haji Nakhaie, seperti juga Saudara Anwar Ibrahim, berfikir bersungguh-sungguh tentang persatuan umat Islam. Hasrat mereka telah berkali-kali terganggu oleh tindakan-tindakan politik sejumlah ahli politik dalam **PAS** dan dalam **UMNO** yang ingin meneruskan pertentangan. Seperti yang telah disebutkan di atas, ada di antara tokoh politik yang ingin meneruskan pertentangan demi mengekalkan kewiraan dan ketokohan mereka.

Dato Abdullah Haji Ahmad Badawi memberi pandangan bahawa kesediaan **PAS** bekerjasama dengan **UMNO** adalah lebih baik daripada kesediaan mereka bekerjasama dengan kumpulan serpihan. Kumpulan serpihan jauh lebih kecil daripada **UMNO**, tambahnya. Jika ditinjau hal ini daripada sudut perpaduan Melayu Islam, eloklah **PAS** terus bekerjasama dengan kumpulan serpihan dan **UMNO** sekaligus. Berkat kerjasama itu, mungkin akan membawa perpaduan di antara kumpulan serpihan dan **UMNO** pula. Malangnya perkembangan dalam bulan puasa 1989 tidak menuju ke arah itu.

Kita sedar bahawa punca perpecahan orang Melayu adalah sikap para pemimpin yang mengutamakan kedudukan mereka secara berlebih-lebihan. Pemimpin-pemimpin itulah yang mengajak para pengikut mereka ke arah perpecahan, walaupun mereka bercakap tentang perpaduan. Sebenarnya, usaha ke arah perpaduan adalah kewajipan mereka, iaitu mereka wajib berbalik ke pangkal jalan setelah mereka sesat di hujung atau di pertengahan jalan. Malang sekali bagi rakyat, khususnya bagi pengikut mereka yang dibawa ke arah yang sesat itu.

Perpecahan di kalangan umat Islam di Malaysia adalah kesesatan ciptaan pemimpin-pemimpin politik. Seperti yang disebutkan oleh Profesor Ali Ashraf, agama tidak menganjurkan perpecahan. Walaupun kebanyakan pemimpin bersyarah dengan gaya dan isi-isi agama, namun mereka banyak mencela dan mengecam pihak lain. Ini menyebabkan pengikut-pengikut mereka berasa benci kepada pihak yang dikecam itu. Jika mereka itu ahli agama yang sebenar-

benarnya, mereka pasti berusaha mencari jalan perdamaian walau dalam keadaan apa sekalipun. Orang agama tidak akan berasa senang dengan perpecahan, dan tidak mungkin menimbulkan masalah perpecahan, demikian tambah Profesor Ali Ashraf.

Rakyat, khususnya orang Melayu, perlu diberikan pengetahuan yang cukup tentang politik. Tindakan-tindakan Dato Shahrir Samad telah lebih daripada cukup untuk menggambarkan kegelojohan dalam politik. Selain itu, kita dapatiti tidak ada yang kekal dalam politik. Permusuhan Tengku Razaleigh Hamzah dengan **PAS** telah berakhir dengan usaha kerjasama. Persatuan Tengku Razaleigh Hamzah dengan Dato Musa Hitam berakhir dengan perpecahan semula. Jauh sebelum itu Saudara Anwar Ibrahim yang pernah mengecam **UMNO**, berkembang dan kini menduduki kerusi menteri atas tiket **UMNO**. Jadi, tingkah laku Dato Shahrir Samad tidaklah aneh, sekejap menyokong **Semangat 46** dan sekejap hendak menyertai **UMNO**. Cuma, cara Dato Shahrir bersandiwara terlalu jelas, dan perubahannya terlalu cepat.

Dalam usaha ke arah perpaduan umat Islam, hal-hal seperti tingkah laku Dato Shahrir Samad dan tingkah laku Dato Musa Hitam hendaklah dianggap perkara kecil. Tindakan Tengku Razaleigh Hamzah mendekati **PAS** juga sekadar membayangkan frustrasi biasa seseorang yang kalah dalam pertarungan. Hal-hal seperti ini tidak perlu diperbesar-besarkan. Tidak ada manusia yang sempurna.

Perpaduan Melayu amat mudah dicapai jika para pemimpin Melayu dari pelbagai parti politik memiliki keikhlasan. Masalah sekarang bukanlah masalah sikap keseluruhan orang Melayu, tetapi masalah keikhlasan Tengku Razaleigh Hamzah apabila beliau merapati **PAS**. Orang **PAS** mempersoalkan pendirian Haji Nakhaie apabila beliau meletakkan kesemua jawatan kepartiannya dan akhirnya menyertai **UMNO**. Sebelum itu, orang **Semangat 46** mempersoalkan keikhlasan Dr. Mahathir Mohamad apabila beliau ingin berbaik-baik semula dengan Dato Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah dengan cara menawarkan jawatan dalam kabinet.

Keikhlasan tidak dapat diukur sepenuhnya dengan melihat tindak-tanduk seseorang. Bahasa orang politik selalu berlapik dan berlapis. Dalam tahun 1989, Tengku Razaleigh Hamzah tidak pernah menyebutkan bahawa beliau ingin menjadi

Perdana Menteri dengan segera. Tidak berapa lama dahulu beliau menyebutkan bahawa beliau akan menghapuskan kesemua bentuk judi jika beliau menerajui negara. Itu bermakna secara tidak langsung beliau ingin mengambil alih pemerintahan negara. Dalam tahun 1990 barulah beliau berterus-terang menyatakan kemahuannya. Dalam hal-hal tertentu beliau betul-betul bersatu hati dengan Tunku Abdul Rahman untuk mencapai tujuan itu. Akan tetapi, rakyat mengetahui bahawa Tunku Abdul Rahman tidak menentang judi, malah membela perjudian dengan membuat justifikasi bahawa antara lain negara berbelanja dengan menggunakan pendapatan dari perjudian sejak zaman pentadbiran beliau. Ternyata tidak terdapat persamaan dan persepakatan dalam mengeluarkan pandangan dan sikap, walaupun Tunku Abdul Rahman berada di dalam Angkatan **Semangat 46** yang diterajui oleh Tunku Razaleigh Hamzah.

Idea dan pandangan-pandangan yang terbit daripada ahli politik adalah idea-idea dan pandangan-pandangan politik yang mempunyai maksud politik. Hasrat menghapuskan judi tidak dikemukakan oleh Tengku Razaleigh Hamzah semasa beliau menjadi Menteri Kewangan. Jika idea itu dikemukakan pada masa itu, pelaksanaannya amat mudah, kerana Menteri Kewangan mempunyai kuasa yang luas berkaitan dengan kegiatan yang melibatkan wang. Ketika itu beliau bukan hanya berhak mengeluarkan idea, bahkan juga berhak melaksanakan usaha menghapuskan perjudian.

Hal ini dikemukakan bukan untuk memperkecilkan idea dan pandangan Tengku Razaleigh Hamzah tentang perjudian. Tujuan komentar ini ialah untuk menunjukkan bahawa idea tersebut berlandaskan suatu cita-cita politik, dan rakyat perlu memahami cita-cita itu.

Jika kita andaikan Tengku Razaleigh Hamzah ingin menghapuskan perjudian setelah berbaik-baik dengan **PAS**, maka eloklah kita teruskan andaian dengan mengatakan bahawa pucuk pimpinan **UMNO** sekarang juga akan berubah jika berbaik-baik dengan **PAS**. Dengan itu, kita perlu merestui kerjasama **UMNO-PAS** agar segala bentuk kemungkarann (bukan saja kemungkaran politik yang sering disebut-sebut itu) dihapuskan.

Tunku Abdul Rahman ada menyatakan bahawa **UMNO** dan **PAS** tidak boleh bekerjasama kerana perbezaan ideologi. Beliau memberi komen terhadap kerjasama **Semangat 46**

dengan **PAS**, kerana **Semangat 46** pada hakikatnya ialah **UMNO** (yang kita sebut “serpihan” kerana terserpih daripada **UMNO**). Komen itu tidak begitu tepat, kerana Tunku Abdul Razak telah berjaya menyatupadukan **PAS** dengan **UMNO** dalam zamannya. **PAS** keluar semula dari **Barisan Nasional** dalam zaman Tun Hussein Onn. Barangkali, itulah sebabnya, Tun Hussein Onn tidak dapat terus memberi sokongan kepada Tengku Razaleigh Hamzah yang merapati **PAS**. Tindakan Tun Hussein Onn mengeluarkan **PAS** dari **Barisan National** agak berat juga, walaupun orang **PAS** memikirkan tindakan Dato Musa Hitam semasa menjadi Menteri Dalam Negeri jauh lebih berat. Sukar sekali orang **PAS** hendak melupai Peristiwa Memali.

Walau apa pun yang kita katakan, yang benar-benar wujud ialah halangan yang besar untuk mencapai perpaduan.

Penerimaan demi Penerimaan

Dato Rais Yatim diterima baik oleh DAP. Penerimaan DAP telah kita kesani sejak tahun 1988 lagi, tetapi pada 1hb. Mac 1990 bertempat di Dewan Perhimpunan Cina, Kuala Lumpur, sahlah bahawa DAP betul-betul menerima Dato Rais Yatim. Dato Rais Yatim juga menerima DAP secara separuh hati.

Elok juga dibicarakan soal penerimaan di kalangan ahli-ahli politik. Dato Rais Yatim bukanlah keseorangan. Beliau bersama-sama ketua Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah, dan sejumlah anak buah yang setia kepada Tengku Razaleigh Hamzah sedang berusaha menerima DAP, sepetimana tokoh-tokoh UMNO menerima MCA. Maka ini telah menimbulkan perbandingan di antara DAP dengan MCA. Di dalam syarahan-syarahan politik, tokoh-tokoh dan ahli-ahli Semangat 46 bertanya, apakah bezanya DAP dengan MCA?

DAP menyambung kempen mengurangkan majoriti Barisan Nasional. Semangat 46 berusaha untuk mengambil alih tempat Perdana Menteri dan kerajaan keseluruhannya. PAS juga bercita-cita seperti Semangat 46, dan ini akan disentuh nanti. Oleh sebab mereka mempunyai tujuan besar, mereka bersatu padu. Mereka sanggup mengenepikan ideologi masing-masing demi memperoleh kejayaan bersama. Mereka

saling menerima.

Pada masa yang sama, Dato Shahrir Samad memenangi kerusi ketua UMNO Johor Bahru. Dato Shahrir diterima oleh ahli-ahli UMNO Johor, walaupun, beliau berkelakuan ganjil dalam tahun 1987 dan 1988. Pada tahun 1987 beliau sanggup meletakkan jawatan dan bertanding semula di Johor Bahru, semata-mata untuk menunjukkan penentangan yang bersungguh-sungguh terhadap Dr. Mahathir Mohamad. Penentangan beliau jauh mengatasi penentangan Dato Musa Hitam yang dianggap ketua dan guru politik beliau. Kemenangan beliau merebut kerusi Ketua UMNO Johor Bahru pada awal bulan Mac 1990 pun menunjukkan bahawa beliau masih diterima.

Benarlah seperti yang dikata-katakan oleh Dato Abdullah Ahmad Badawi. Pemimpin-pemimpin UMNO kadang-kadang tertipu oleh kerahsiaan fikiran ahli-ahli UMNO. Ahli-ahli UMNO boleh membuat keputusan yang tidak diramalkan oleh pemimpin. Di Perlis, pucuk pimpinan UMNO berfikir Shaari Jusoh boleh menang dalam pertandingan menentang Azmi Khalid (1989). Akan tetapi yang berlaku adalah sebaliknya. Dr. Hamid Pawanteh, ketua UMNO Perlis, terperanjat dengan keputusan itu.



Dato Rais Yatim diterima baik oleh DAP

Dato Abdullah Ahmad Badawi menerima baik hasrat Dato Musa Hitam bertanding merebut kerusi Naib Presiden UMNO. Kebanyakan wartawan yang menemuramah beliau bertanya

"Tidakkah penyertaan Dato Musa Hitam dalam pertandingan itu akan menyebabkan Dato Abdullah tersingkir?" Dato Abdullah dengan tegas menjawab belum tentu ia akan terjadi. Fikiran ahli-ahli **UMNO** tidak dapat diramalkan. Mungkin beliau akan tersingkir, tetapi mungkin juga tokoh lain yang akan tersingkir. Mungkin juga Dato Musa tidak menang. Soal penerimaan dalam politik kadang-kadang sama hangatnya dengan soal penolakan.

Dato Rais Yatim dahulunya terkenal dengan frasa "membakar jambatan". Frasa itu dikemukakan untuk membuktikan penolakan total, atau penolakan yang bersungguh-sungguh terhadap pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad. Oleh sebab beliau menolak Dr. Mahathir Mohamad secara bersungguh-sungguh, beliau mestilah menerima Tengku Razaleigh secara bersungguh-sungguh juga. Seterusnya, oleh sebab **UMNO** mempunyai **MCA**, beliau terpaksa berusaha bersungguh-sungguh membuktikan penerimaan **Semangat 46** terhadap **DAP**.



Dato Shahrir Samad
berkelakuan ganjil dalam
tahun-tahun 1987 dan 1988

Dato Shahrir Samad tidak pernah mengemukakan idea menentang **Semangat 46**. Beliau tidak menolak **Semangat 46**, bahkan beliau adalah tokoh **UMNO** yang secara terang-terang mengaggap **Semangat 46** itu **UMNO** juga. Dari segi rezeki, Dato Shahrir dapat dikatakan memilih jalan selamat. Katakanlah beliau ditolak oleh pucuk pimpinan **UMNO** ketika

ini, beliau dengan mudah dapat diterima oleh **Semangat 46**. Dato Shahrir Samad sekarang dapat dikatakan mempunyai pengalaman menerima segala-galanya. Beliau menerima bantuan **DAP** ketika bertanding dengan tiket bebas berlambang tiga anak kunci. Beliau menerima sokongan Tengku Razaleigh Hamzah, Tunku Abdul Rahman dan Dato Musa Hitam pada masa itu. Pada awal Mac 1990, secara tidak langsung beliau sedang belajar menerima Dr. Mahathir Mohamad, kerana ketua beliau, Dato Musa Hitam amat ikrab dengan Dr. Mahathir Mohamad. Siapakah yang tidak diterima oleh Dato Shahrir Samad? Bahkan, timbalannya sekarang adalah pencabarnya dalam tahun 1987, iaitu Haji Mas'ud Abdul Rahman. Beliau menerima Haji Mas'ud, malah beliau juga bersedia menerima Dato Haji Muhammad Yunus Sulaiman yang dikalahkan itu untuk menganggotai barisan jawatan kuasa. Demikianlah politik Dato Shahrir Samad.

Gambaran politik Malaysia dekad 90-an kelihatan rumit, aneh dan menarik kerana tindakan-tindakan yang tidak teramalkan. Dikatakan menarik kerana di sebalik keanehan itu, sebenarnya ahli-ahli politik sedang menunjukkan realiti baru. **Semangat 46** sedang membuktikan bahawa **DAP** boleh diajak bermuafakat untuk menjayakan cita-cita tertentu. **PAS** juga demikian.

PAS dapat menerima Tengku Razaleigh Hamzah walaupun dalam sejarah pidato Tengku Razaleigh Hamzah sebelum 1987, tidak pernah kita dengari idea-idea perlaksanaan Islam sebagai *ad-Deen*. Ustaz Fadzil Noor berupaya menolak aspek demikian, walaupun aspek itu amat penting ditinjau dari segi cita-cita murni **PAS**. Pemimpin-pemimpin **PAS** tidak bersandar pada kemurnian cita-cita ketika mereka menerima Tengku Razaleigh Hamzah. Soal wanita Islam wajib menutup rambut tidak menjadi penekanan **PAS** apabila mereka bekerjasama dengan **Semangat 46** yang memiliki Marina Yusoff yang agresif. Soalnya, demi kemenangan, **PAS** mesti menerima **Semangat 46**.

Soalnya, adakah **PAS** betul-betul menolak **DAP**? Oleh sebab **PAS** boleh menerima **Semangat 46** semata-mata untuk menang dalam pilihanraya, maka **PAS** boleh juga menerima **DAP**. Hanya Haji Abdul Hadi Awang sahaja yang masih menekankan ajaran Islam dalam politik **PAS**. Ustaz Fadzil Noor makin nyata tidak begitu berbeza daripada Ustaz Nakhaie dari-pada segi ideologi, cuma Ustaz Fadzil Noor masih belum mahu

beralih kepada UMNO.

Baik sebagai ketua organisasi, mahupun sebagai individu, ahli-ahli politik memikirkan akibat yang akan dihadapi ketika mereka membuat keputusan. Dato Musa Hitam tahu, jika beliau kembali ke pucuk pimpinan UMNO, Dato Abdullah Ahmad Badawi terancam. Padahal Dato Abdullah Ahmad Badawi adalah orang kuatnya pada tahun 1987. Dato Musa Hitam tidak mungkin memikirkan Dato Abdullah Ahmad Badawi berlebih-lebihan. Beliau perlu memikirkan nasib beliau sendiri yang terbuang ke luar negara.

Dahulu pun Dato Musa Hitam tidak memikirkan orangnya secara keterlaluan. Ketika beliau menentang Tengku Razaleigh Hamzah kali pertama, Dato Sanusi Junid sanggup pecah kepala untuk memastikan beliau menang. Akan tetapi, beliau tidak memberi sokongan terbuka kepada Dato Sanusi Junid ketika Dato Sanusi bertanding. Dato Sanusi Junid pernah tersinggung kerana peristiwa itu.

Ketika beliau meletakkan jawatan pun, sejumlah penyokongnya terpaksa berkelana. Dato Radzi Sheikh Ahmad masih kuat sebagai tokoh **Semangat 46**, sehingga kenderaannya pun menggunakan nombor KQ 46. Dato Abdullah Ahmad Badawi kehilangan jawatan menteri kabinet, walaupun masih kuat dalam UMNO. Keadaan mereka ini adalah akibat daripada tindakan-tindakan Dato Musa Hitam.

Walau apa pun yang dikatakan, Dato Musa Hitam masih diterima. Yang jelas, beliau masih diterima oleh Dr. Mahathir. Sama ada beliau betul-betul dapat diterima oleh ahli-ahli UMNO, pertandinganlah yang dapat membuktikannya.

Sebagai kesimpulan, dilihat secara luaran, hasrat Dato Musa Hitam untuk kembali ke barisan pucuk pimpinan diterima baik oleh tokoh-tokoh penting. Dr. Mahathir menyatakan hasrat itu hasrat yang normal. Encik Ghafar Baba gembira kerana Dato Musa Hitam masih mahu meneruskan khidmat bakti kepada UMNO. Saudara Anwar Ibrahim menyatakan hasrat itu bagus. Tan Sri Wan Mokhtar juga gembira. Dato Abdullah Ahmad Badawi adalah tokoh terakhir dalam pimpinan tertinggi UMNO yang mengatakan penerimaannya.

Oleh kerana hal ini terjadi ketika Dato Shahrir Samad diterima baik oleh ahli-ahli UMNO Johor, Dato Rais Yatim diterima baik oleh DAP dan Tengku Razaleigh diterima oleh PAS dan juga DAP, maka politik dekad 90-an pasti kaya dengan babak-babak yang menarik.

Politik Zainal Rampak

Pada awal bulan Mei 1990, nama Zainal Rampak tiba-tiba muncul. Tulisan tentang beliau terbit di akhbar-akhbar berturut-turut selama beberapa hari. Sama ada beliau disenangi atau tidak adalah soal lain, tetapi beliau tentu gembira kerana tindakan beliau menyertai **Semangat 46** berupaya menimbulkan polemik.

Soalnya, kenapakah beliau memilih **Parti Semangat 46** untuk dicampur adukkan dengan **MTUC**? Adakah beliau benar-benar percaya bahawa dengan menyertai parti itu beliau akan dapat menyuarakan hasrat para pekerja dengan lebih berkesan?

Dr. Mahathir Mohamad menganggap tindakan Zainal Rampak tidak akan menguntungkan pekerja. Tindakan demikian dianggap berasaskan kepentingan diri. Seorang pemimpin kesatuan sekerja perlu berkecuali dalam politik. Lagipun, Zainal Rampak pernah menyuarakan hasratnya untuk berkecuali.

Ternyata Zainal Rampak tidak dapat mempertahankan janjinya, seperti juga Tengku Razaleigh Hamzah tidak mengotakat kata-katanya mahu meletakkan jawatan jika beliau kalah di tangan Dato Musa Hitam dalam tahun 1981. Tengku Razaleigh Hamzah hanya berhenti dari kabinet setelah kalah di tangan Dr. Mahathir Mohamad dalam tahun 1987.

Zainal Rampak memilih menyertai **Semangat 46** mungkin kerana ada kesesuaian dalam hal seperti itu.



Encik Zainal Rampak: Presiden MTUC

Tidaklah wajar soal seperti di atas diperbesarkan. Seseorang mungkin tidak memikirkan hal-hal seperti di atas sebagai sesuatu yang menyentuh prinsip. Zainal Rampak elok ditinjau sebagai aktivis sosial dan politik yang gigih. Beliau telah tersalah pilih sejak tahun 1967. Ketika beliau memilih **Parti Buruh**, dan menjadi pengurus bahagian Brickfields dan Bangsar, beliau tidak memahami betul-betul dasar **Parti Buruh**. Beliau kemudiannya menyertai **Parti Gerakan** tanpa berusaha memahami parti tersebut sedalam-dalamnya. Pada tahun 1974 beliau didapati menjadi calon **Pekemas** di kawasan parlimen Selayang dan dewan undangan negeri, Ampang. Beliau gagal sebagai calon **Pekemas**, dan kemudian kita dapati beliau tiba-tiba berada di dalam **DAP**. Dalam tahun 1978, beliau menjadi calon **DAP** di tempat yang sama (Selayang dan Ampang). Dalam tahun 1982, beliau sekali lagi mewakili **DAP**. Kali ini di Hulu Langat. Setelah kalah dalam tahun tersebut, beliau tidak lagi berminat dengan **DAP**.

Pandangan Dr. Azizan Bahari (*Watan*, 8hb. Mei 1990) bahawa semua pihak patut membiarkan Zainal Rampak berpolitik, adalah benar. Tulisan Dr. Azizan amat objektif, dalam ertikata beliau melihat Zainal Rampak sebagai aktivis sosial dan politik biasa. Zainal Rampak telah melibatkan diri dalam kesatuan sejak beliau berusia 17 tahun. Oleh itu,

tidaklah wajar beliau dianggap mentah serta tidak berkualiti.

Tindak-tanduk politik Zainal Rampak sebenarnya tidak begitu berbeza daripada tindak-tanduk ahli-ahli politik yang lain. Barangkali agak berlebih-lebihan apabila beliau pernah menyertai lima buah parti politik. Seterusnya, memanglah agak janggal apabila pada tahap ini beliau menyertai **Parti Semangat 46**, seiptimana dahulunya orang berasa janggal apabila Kassim Ahmad menyertai **UMNO**.


Di Sabah, ahli-ahli politik **USNO** melompat ke **Berjasa**, kemudian ke **PBS** seterusnya ke **AKAR** dan entah apa-apa lagi. Itu biasa saja. Siapakah yang tidak mempunyai kepentingan diri dalam melakukan tindakan melompat-lompat begitu? Zainal Rampak tidak berbeza daripada mereka itu.

Dalam menilai tokoh ini, kita harus melihat beliau sebagai ahli politik yang mempunyai strategi tersendiri. Dalam empat parti yang lalu, beliau gagal untuk menjadi wakil rakyat. Kemudian beliau berfikir adalah elok beliau mengisytiharkan diri untuk memimpin kesatuan sekerja sahaja. Pengisytiharan itu sebenarnya salah satu daripada banyak strategi yang difikirkannya. Setelah beliau dipercayai sebagai pembela pekerja, beliau pun mengisytiharkan diri menyertai **Semangat 46**, dan bersedia menjadi calon parti itu. Beliau berfikir, dengan cara ini beliau tidak akan terus kecewa.

Taktik ini sebenarnya membawa hasil yang baik. Semasa beliau menjadi calon **Pekemas** dan calon **DAP**, nama beliau tidak popular seperti sekarang. Publisiti yang diperolehinya sekarang sudah melebihi kewibawaannya. Di samping orang tidak berpuas hati dengan pendiriannya yang tidak tetap, orang tidak dapat menolak hakikat bahwa beliau tahu mencari jalan untuk menjadi popular.

Kalau Zainal Rampak benar-benar mahu memilih sebuah parti politik yang memberi ruang yang luas kepada pekerja, beliau harus memilih **Parti Rakyat Malaysia**, bukan **Parti Semangat 46**. Bahkan, dapat dikatakan **DAP** jauh lebih baik daripada **Semangat 46** dalam hal seperti itu. Zainal Rampak seharusnya tidak terpesona dengan sepatah dua perkataan Tengku Razaleigh Hamzah bahawa **Semangat 46** melebihi **UMNO** dalam hal sedemikian.

Pandangan Dr. Azizan Bahari bahawa Zainal Rampak telah membuktikan ikrabnya kesatuan sekerja dengan politik memanglah benar. Perkara yang boleh diterbitkan daripada pandangan itu ialah bahawa Zainal Rampak telah



Dr. Azizan Bahari berpendapat elok dibiarkan Zainal Rampak berpolitik

menampakkan kekuatannya sebagai ketua kesatuan sekerja untuk membantu sesebuah parti politik dalam usaha menggugat kerajaan. Kesatuan sekerja memang berpotensi untuk "berkembang dan mempengaruhi perjalanan politik negara" sekiranya betul corak dan sistem pentadbirannya.

Dalam keadaan ini, jika Zainal Ramapk tidak mempunyai rekod melompat-lompat seperti yang telah dinyatakan, beliau pasti memperoleh sokongan yang

lebih memuaskan. Sayang sekali, tanggapan negatif orang ramai terhadap tokoh yang suka melompat-lompat ini diiringi dengan tanggapan bahawa Zainal Rampak bukan seorang nasionalis. Orang Melayu kini hanya menerima tokoh-tokoh **UMNO** sahaja sebagai nasionalis. Pada tahun 60-an dan 70-an, ketika **PAS** berideologi sempit, **PAS** dianggap lebih nasionalistik daripada **UMNO**. Dalam tahun 1980-an, **PAS** menolak nasionalisme kerana kata tokoh-tokoh **PAS** (termasuk Ustaz Nakhaie Ahmad) nasionalisme itu sama erti dengan assabiah. Tinggallah **UMNO** sahaja yang mengekalkan ideologi nasionalisme. Ustaz Nakhaie yang menyertai **UMNO** terpaksa menarik balik dengan caranya yang tersendiri segala tanggapannya tentang nasionalisme dan assabiah.

Dalam dekad 90-an ini **PAS** kelihatan keliru kerana memilih parti nasionalis **Semangat 46** untuk menjadi teman ikrab sambil mengekalkan sikap menolak nasionalisme. Haji Subky Latiff dan Ustaz Fadzil Noor kelihatan gigih meluruskan benang-benang basah dalam soal ini. Di samping menghirup kuah daging **Semangat 46** yang bercampur dengan daging **DAP**, **PAS** mengatakan mereka menolak **DAP** sebab **DAP** tidak menerima konsep negara Islam yang hendak ditegakkan apabila mereka menang dalam pilihanraya nanti.

Pemimpin **Parti Semangat 46** tidaklah dapat dianggap terkeliru atau mengelirukan orang ramai seperti **PAS**. **Parti Semangat 46** secara terang-terang memilih **PAS** dan **DAP**

untuk dijadikan kawan bagi menjatuhkan Barisan Nasional. Bagi pemimpin parti itu, soal ideologi tidak penting. Mereka tidak suka meninjau perbezaan besar di antara PAS dengan DAP: yang satu mahukan **konsep Islamic State**, dan yang satu lagi mahukan **konsep Malaysian Malaysia**. Yang penting, menang dulu. Kalau sudah menang baharulah diselesaikan masalah yang rumit itu.

Zainal Rampak sesuai dengan **Semangat 46** kerana beliau juga memikirkan kemenangan. Beliau meninggalkan parti-parti yang tidak memberikan kemenangan peribadi kepada beliau. Eloklah beliau memilih parti nasionalis **Semangat 46** pada ketika ini, kerana parti nasionalis itu sedang mengetepikan nasionalisme (secara berkawan dengan DAP) semata-mata untuk menang.

Dr. Azizan Bahari menanggapi bahawa Zainal Rampak meninggalkan **DAP** kerana mahu bertolak-ansur dengan kerajaan. Ketika itu, beliau bersih, tidak seperti V.David yang anti kerajaan. A.R. Kamaludin melihat Zainal Rampak pernah cenderung menghampiri **UMNO** (*Berita Harian*, 7hb. Mei 1990). Akan tetapi, menurut Dr. Azizan Bahari, Zainal Rampak sebagai **Presiden MTUC** tidak memperoleh kejayaan dalam memperjuangkan perkara-perkara penting yang bersangkutan dengan kebijakan pekerja. Fasal-fasal tertentu dalam undang-undang buruh diperketatkan oleh pemerintah dalam tahun 1988. Oleh itu, dalam **MTUC**, kejayaan Zainal Rampak tidak melebihi Narayanan.

Di samping itu, anggapan Dr. Azizan Bahari bahwa politik Zainal Rampak menjadi lebih tinggi setelah meninggalkan parti sukar difahami. Adakah Dr. Azizan menganggap, politik Zainal Rampak lebih tinggi dalam keadaan tidak berparti, dan kini kembali rendah kerana menyertai **Semangat 46**? Agak sukar mengesani pandangan penulis yang bersikap terlalu objektif. Dr. Azizan sebenarnya melihat tindakan Zainal Rampak sebagai protes simbolik kaum pekerja pimpinannya terhadap pentadbiran negara. Sama ada Zainal Rampak mampu menarik undi untuk **Semangat 46**, Dr. Azizan Bahari menganggap "tidak begitu penting".

Berdasarkan perkara-perkara yang telah dibicarakan, politik Zainal Rampak dapat dianggap kian "tinggi" jika dilihat dari aspek kecekapannya memilih masa dan keadaan untuk menjadi popular. Dulu beliau kurang mahir menguasai aspek ini.

Pantai Merdeka

Keputusan pilihanraya kecil Pantai Merdeka 1990 mengesahkan bahawa **UMNO** dan **Barisan Nasional** masih dikehendaki rakyat. Pakatan **PAS-Semangat 46**, dan secara tidak langsung **PAS-DAP**, tidak membawa tanda yang parti-parti itu akan mengatasi **Barisan Nasional** dalam dekad ini, walaupun jumlah undi yang dipungut melebihi jumlah dalam tahun 1986.

Agak menarik juga pertandingan itu jika ditinjau aspek tokoh-tokoh yang bertanding. Tokoh **PAS** ialah bekas tokoh **UMNO** yang pernah dihukum oleh mahkamah. Tokoh itu pernah menjadi exco kerajaan negeri Kedah. Dalam masa kempen, memanglah terdapat suara pembelaan yang mengatakan tokoh itu, iaitu Dato Muslim Haji Othman dianiyai. Akan tetapi, hakikatnya ialah kesalahan itu telah dilakukan. Dengan itu dapat dikatakan **PAS** telah memilih calon yang ada masalah. **Harakah**, 23hb. Mac 1990 mengakui bahawa Dato Muslim pernah melakukan kesalahan. Cuma akhbar **PAS** itu menambah, "Orang lain yang melakukan kesalahan yang sama tidak dikenakan apa-apa".

Di pihak **UMNO** pula, senator Shuib Lazim menghadapi masalah muflis. Beliau terpaksa ke mahkamah mendapatkan perintah membatalkan kemuflisannya. Tentang masalah ini, A. Nazri Abdullah ada memberi pandangan agar **UMNO**

berusaha memilih tokoh-tokoh yang benar-benar bersih untuk menjadi calon dalam pilihanraya yang akan datang (**Berita Harian**, 29hb. Mac 1990).

Walaupun isu Dato Muslim tidak banyak dapat diperkatakan, kerana ‘edah’ larangan beliau bertanding telah tamat, namun imej beliau sebagai tokoh yang pernah dihukum oleh mahkamah tidak dapat dipulihkan seperti asal. Lagipun Dato Muslim memasuki **PAS** dalam keadaan beliau terlalu kecewa dengan peristiwa yang menimpa beliau sendiri, bukan kerana perubahan pandangan hidup secara ikhlas. Pemilihan beliau untuk menjadi calon agak aneh, kerana **PAS** seharusnya memilih tokoh yang betul-betul berjuang untuk menegakkan negara Islam. Adakah tokoh-tokoh **UMNO** yang kecewa dengan serta-merta boleh menjadi pejuang negara Islam jika mereka menyertai **PAS**? Jika Haji Abdul Hadi Awang mula berpendapat demikian maka amatlah besar perubahan pemikiran tuan guru itu. Patutlah Muhayat Haji Yusof, Ketua **PAS** Kuala Selangor marah sangat!

Kemenangan **UMNO** di Pantai Merdeka bukanlah kemenangan pertama dalam pilihanraya kecil sejak **UMNO** asal diisyiharkan tidak sah. **UMNO** telah menang di Parit Raja, Tambatan dan Sungai Besar. Di Ampang Jaya dan Bentung, **MCA** yang disokong kuat oleh **UMNO** juga menang. Hanya di Johor Bahru dan di Teluk Pasu **UMNO** kalah. Yang di Johor Bahru itu sebenarnya kes yang unik. Dato Shahrir Samad yang menang sebagai calon bebas kini telah menyertai **UMNO**, walaupun dalam beberapa hal masih menentang Dr. Mahathir.

Kemenangan **UMNO** di Pantai Merdeka membawa mesej bahawa kes Vijandran yang hebat diperkatakan itu tidak terlalu berkesan untuk dijadikan modal pilihanraya. Vijandran dikatakan terlibat dalam pembikinan dan ada yang mengatakan turut beraksi di dalam video lucah. Hal ini menjadi isu besar awal dekat 90-an. Dr. Mahathir Mohamad telah mencabar Karpal Singh membuktikan kes itu dan memberitahu cara beliau memperoleh maklumat yang terperinci tentang penglibatan Vijandran. Isu isi (*content*) video lucah kemudiannya reda, dan timbul pula isu tentang cara Karpal Singh mendapat maklumat. Dalam kempen di Pantai Merdeka, terdapat beberapa orang (entah dari parti apa) mengedarkan gambar lucah untuk mempengaruhi pengundi, barangkali untuk mengingatkan kepada pengundi isu yang

mulai sejuk itu. Bagaimanapun, ia tidak dikaitkan dengan politik UMNO. Gambar lucah adalah hal lain, dan politik hal lain pula.

Sama ada bermaruah atau tidak, isu-isu sebegini bukan isu politik di Malaysia sahaja. Di Barat, soal-soal yang melibatkan skandal antara tokoh politik dengan perempuan, baik pelacur mahupun pelakon-pelakon filem, penyanyi dan sebagainya, akan menyebabkan tokoh itu segera turun dari kedudukannya. Di Amerika, Gary Hart hilang ketokohan kerana skandal. Di Malaysia, Vijandran mengambil masa yang agak panjang untuk turun. **Barisan Nasional** langsung tidak tergugat dengan kes itu.

Di Pantai Merdeka, sia-sia sahaja orang memperkatakan calon **UMNO** Shuaib Lazim muflis. Shuaib Lazim sendiri berusaha mendapatkan pembatalan pengisytiharan muflis itu, menandakan beliau betul-betul diisyiharkan muflis. Kes beliau akan berlangsung, kerana beliau sendiri mahu mahkamah mengisyiharkan bahawa beliau tidak pernah muflis. **PAS** pula dikatakan akan terus bertindak untuk mendapatkan pengisytiharan bahawa Shuaib Lazim tidak sah sebagai calon.

Di pihak **PAS**, dengan denda \$2000.00 yang dikenakan kepada Dato Haji Muslim Othman dalam tahun 1984, beliau tidak layak menjadi calon selama lima tahun. Ketika beliau menjadi calon **PAS** di Pantai Merdeka, beliau telah terlepas daripada ‘edah’ itu. Walau bagaimanapun, imej beliau sebagai seorang yang pernah dihukum tentu terlekat pada diri beliau. **PAS** telah memilih beliau mungkin kerana beliau bergelar Dato (**PAS** telah banyak kehilangan tokoh-tokoh yang bergelar Dato), atau mungkin kerana beliau telah pernah mempunyai pengaruh semasa menjadi exco kerajaan Kedah. Namun, pemilihan itu tidak tepat. Bantuan teman-teman **PAS** iaitu **Semangat 46** secara langsung, dan **DAP** secara tidak langsung, masih gagal membawa kemenangan kapada **PAS**.

UMNO dan **Barisan Nasional** dapat menganggap kemenangan di Pantai Merdeka sebagai bayang-bayang kemenangan dalam pilihanraya nasional. **PAS** pula tentu senang hati kerana ada sedikit pertambahan jumlah undi, barangkali undi ahli-ahli **Semangat 46**.

Nakhaie di Bangi

Ustaz Nakhaie Ahmad agak lama mendiamkan diri. Sejak menyertai **UMNO** beliau hanya aktif di Teluk Pasu, Terengganu dalam tahun 1989. Beliau berkempen bersungguh-sungguh menentang **PAS** dalam pilihanraya kecil tahun itu, tetapi **PAS** yang diwakili oleh Ustaz Harun Taib dibantu oleh **Semangat 46** telah berjaya. Itulah kali pertama **PAS** memenangi pilihanraya kecil.

Ustaz Nakhaie tidak beruntung kerana kali pertama beliau membantu **UMNO**, **UMNO** kalah. Dato Shahrir menyindir pucuk pimpinan **UMNO** yang menghantar Ustaz Nakhaie membantu calon **UMNO**. Menurut Dato Shahrir, **UMNO** tidak memerlukan bantuan tokoh seperti Ustaz Nakhaie yang baharu sahaja keluar dari **PAS**.

Agaknya, kerana gagal membantu calon **UMNO** di Terengganulah menyebabkan Ustaz Nakhaie berdiam diri untuk sementara waktu. Walau bagaimanapun, kemunculan beliau di khalayak di Bangi pada 24hb. Mac 1990 dapat membuktikan bahawa beliau masih berupaya bergerak aktif di tengah masyarakat. Beliau muncul ketika pengundi-pengundi di Pantai Merdeka, Kedah telah pun membuat keputusan, tetapi pengiraan undi belum dibuat.

Ustaz Nakhaie Ahmad tidak begitu pandai berjenaka di atas pentas. Kisah dua orang anak beranak dengan seekor keldai telah diketahui umum. Beliau masih menggunakan cerita itu untuk menimbulkan minat hadirin. Gaya pidatonya pada malam itu sederhana sekali.

Walaupun sederhana, pidato Ustaz Nakhaie Ahmad itu mempunyai isi yang boleh dijadikan pegangan. Beliau menyatakan, Islam diperjuangkan oleh **PAS**, **Semangat 46** dan **UMNO**. Ketiga-tiga parti tersebut meletakkan Islam di tempat yang penting di perlumbagaan masing-masing. Oleh sebab masing-masing memperjuangkan Islam, mereka berbaik-baik, seharusnya bukan bercakaran seperti sekarang. Beliau menasihatkan **PAS** agar berbaik-baik dengan **UMNO** agar dapat turut bersama-sama memperjuangkan Islam kerana **UMNO** telah memenangi hati sebahagian besar rakyat negara ini, khususnya rakyat yang beragama Islam.

Menurut beliau lagi, **PAS** menganggap usaha-usaha **UMNO** tidak menepati perjuangan Islam yang sebenarnya. Ketika **PAS** menolak sesuatu usaha oleh **UMNO**, **PAS** tidak

dapat menunjukkan model yang baik. "PAS pakai bantai saja," ujarnya. Persahabatan PAS dengan Semangat 46 tidak memperlihatkan konsistensi pandangan PAS tentang nasionalisme. PAS pada suatu masa pernah mengaqidahkan aspek-aspek politik. Maksud mengaqidahkan aspek-aspek politik itu mengatakan hanya PAS sahaja wadah Islam. Sebenarnya anggapan sedemikian itu salah. PAS hanyalah parti politik biasa.

Ustaz Nakhaie Ahmad menambah kata, sesetengah pemimpin PAS menganggap rendah kepada seseorang yang memilih UMNO. Ada pemimpin PAS yang tidak menjawab salamnya setelah beliau menyertai UMNO. Ini adalah pengalaman pahitnya, tetapi baik juga kerana beliau dapat memahami sikap pemimpin-pemimpin PAS yang sebenarnya. Tampaknya, ketika berada di dalam PAS, Ustaz Nakhaie Ahmad tidak terfikir bahawa ada pemimpin PAS yang sanggup berlaku sedemikian rupa.

Dalam banyak hal, Ustaz Nakhaie Ahmad menasihatkan umat Islam agar hidup dalam suasana kasih sayang. Perbezaan fahaman politik tidak mengapa. Yang penting, orang Melayu Islam di Malaysia dapat membina dan mengekalkan perasaan kasih sayang. Seterusnya beliau mengingatkan, jika orang Melayu berpecah-belah semata-mata inginkan kuasa, mungkin kuasa itu akan jatuh ke tangan orang lain. PAS dan Semangat 46 sekarang sedang menikmati demokrasi. Jika kuasa jatuh ke tangan orang lain, nikmat demokrasi yang sebegini tidak mungkin dirasai lagi.

Elok juga Ustaz Nakhaie menyebut soal demokrasi di dalam pentadbiran Dr. Mahathir. Pada umumnya, pemimpin-pemimpin PAS dan Semangat 46 menyebarkan tuduhan bahawa demokrasi telah mati dalam zaman Dr. Mahathir. Tunku Abdul Rahman pun aktif sekali mengemukakan pandangan demikian. Keluarlah daripada mulut Tunku kata-kata Firaun, Jepun, komunis dan lain-lain untuk mengecam Dr. Mahathir Mohamad sedangkan umum telah tahu bahawa segala tuduhan dan cemuhan itu tidak mungkin dapat diluahkan sekiranya kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Dr. Mahathir tidak mengamalkan dasar demokrasi. Ustaz Nakhaie Ahmad, Dato Asri dan beberapa bekas tokoh PAS kini berada di dalam UMNO. Kedudukan Tunku Abdul Rahman di dalam Semangat 46 bukanlah sesuatu yang luar biasa atau istimewa. Ketika beliau menjadi pembangkang,

tokoh-tokoh pembangkang menyertai parti kerajaan. Dato Musa Hitam yang pernah disuruhnya berperang menentang Dr. Mahathir Mohamad (semasa di Parit Raja) kini kembali menjadi orang harapan Dr. Mahathir Mohamad.

Ustaz Nakhaie Ahmad dapat melihat kesemua ini dengan kaca mata politik yang rasional. Di Bandar Baru Bangi, Ustaz Nakhaie Ahmad tidak mengkritik **PAS** secara habis-habisan. Beliau masih memperlihatkan sikap yan lembut ketika mengkritik parti yang pernah diperjuangkannya dahulu.

Adakah Ustaz Nakhaie Ahmad akan menjadi tokoh **UMNO** seperti Saudara Anwar Ibrahim? Soalan ini sukar dijawab dalam keadaan sekarang. Tokoh-tokoh **PAS** berkali-kali mengatakan Nakhaie Ahmad hanya boleh berada di kaki lima **UMNO**. Beliau tidak dapat diterima sebagai pemimpin **UMNO**. Pandangan itu hanya relevan dengan keadaan pergolakan sekarang. Pada masa hadapan, jika **UMNO** mempertingkatkan program-program penerapan nilai-nilai Islam, sumbangan Ustaz Nakhaie Ahmad pasti makin diperlukan. Pada masa itu, Ustaz Nakhaie Ahmad tentu akan memasuki pintu kedai **UMNO** dengan mudah, tidak lagi di kaki lima.

Pucuk Pimpinan Masa Depan

Apabila Dato Musa Hitam mengakui bahawa ketiga-tiga Naib Presiden **UMNO** adalah tokoh-tokoh belaka (**Mingguan Malaysia** 25hb. Februari 1990), lengkaplah pengiktirafan untuk Saudara Anwar Ibrahim. Jauh sebelum itu, Dato Musa Hitam dikatakan tidak menyetujui kehadiran Saudara Anwar Ibrahim di dalam kepimpinan **UMNO**.

Dalam bab ini, soal kedudukan Dato Musa Hitam tidak akan ditekankan. Beliau memberi pandangan seperti di atas di New York, di tempat beliau bertugas sebagai wakil khas ke Bangsa-Bangsa Bersatu.

Walaupun Dato Musa Hitam lebih akrab dengan Dato Abdullah Ahmad Badawi, namun Dato Musa Hitam tidak meletakkan Dato Abdullah Ahmad Badawi di tempat yang lebih tinggi daripada Saudara Anwar Ibrahim. Oleh itu, jika berlaku pertandingan hebat untuk menduduki kerusi Naib Presiden, Dato Musa Hitam tidak menjadi faktor untuk mengurangkan sokongan ahli-ahli **UMNO** terhadap Saudara Anwar Ibrahim.

Tidaklah dapat diramalkan siapakah yang akan kekal di dalam barisan Naib Presiden **UMNO** jika Dato Musa Hitam turut bertanding merebut jawatan itu. Ada anggapan bahawa Tan Sri Wan Mokhtar pasti kekal menduduki kerusi itu. Dato Musa Hitam akan mengambil tempat Dato Abdullah Ahmad

Badawi atau mungkin juga tempat Saudara Anwar Ibrahim.

Dato Abdullah Ahmad Badawi tidak memegang sebarang jawatan dalam kerajaan. Dato Musa Hitam dan Saudara Anwar Ibrahim sama-sama ada memegang jawatan. Adakah faktor kedudukan dalam kerajaan akan mengekalkan Saudara Anwar dalam barisan Naib Presiden **UMNO**? Ada pendapat yang mengatakan, ahli-ahli **UMNO** mungkin bersimpati kepada Dato Abdullah Ahmad Badawi yang diketepikan daripada memegang jawatan dalam kerajaan. Hujah ini bermaksud meramalkan kemenangan Dato Abdullah Badawi.

Sejauh yang dapat ditinjau, ahli-ahli **UMNO** yang ada kini rata-ratanya setia kepada pucuk pimpinan. Mereka ingin melihat **UMNO** kukuh dan padu. Untuk tujuan itu, Saudara Anwar Ibrahim lebih sesuai berada di dalam barisan pucuk pimpinan. Beliau bukan sahaja lebih ikrab dengan Perdana Menteri, tetapi yang lebih penting beliau lebih memahami jiwa **UMNO** yang ada sekarang.

UMNO yang ada sekarang dapat dikatakan menghadapi masalah perbezaan pendapat di kalangan ahli-ahli. Sebahagian daripada ahli-ahli **UMNO** tidak begitu faham, atau tidak begitu bersetuju dengan perbezaan di antara **UMNO** sekarang dengan **UMNO** sebelum diharamkan. Dato Abdullah Ahmad Badawi kelihatan lebih sesuai atau lebih mirip kepada **UMNO** yang asal.

Dato Musa Hitam tidak menentang kewujudan **UMNO** sekarang. Kalaupun ada perbezaan pandangan dengan pucuk pimpinan ketika beliau menyokong Dato Shahrir Samad, perbezaan itu hanyalah lanjutan daripada kendurnya tali persahabatan ketika itu. Pada awal tahun 1990, persahabatan mereka ikrab semula. Dr. Mahathir Mohamad kian memahami Dato Musa Hitam, demikian juga sebaliknya. Bahkan, yang lebih membanggakan, Dato Musa Hitam juga kian memahami Saudara Anwar Ibrahim.

Perbincangan ini bukan sahaja menuju kepada jangkaan bahawa Dato Musa Hitam akan berada sebaris dengan Saudara Anwar Ibrahim memegang jawatan Naib Presiden **UMNO**, tetapi lebih jauh lagi mereka akan dapat bekerjasama di dalam kerajaan. Dalam keadaan sekarang, Dato Musa Hitam merestui Encik Ghafar Baba menjadi Timbalan Presiden **UMNO** dan Timbalan Perdana Menteri. Restu ini akan membawa beliau menapak ke jawatan itu semula, kemudian menjadi Perdana Menteri. Saudara Anwar Ibrahim

amat sesuai menjadi timbalan beliau.

Perkiraan ini sesuai dengan perkembangan awal tahun 1990. Oleh sebab politik adalah seni serba mungkin, perkiraan hanyalah perkiraan. Perkembangan lain masih boleh berlaku, sama ada di sekitar watak Dato Musa, mahupun di sekitar politik UMNO secara keseluruhan.

Yang perlu ditegaskan ialah kesesuaian Saudara Anwar Ibrahim menduduki kerusi Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri dalam dekad 90-an ini. Kesesuaian ini sedang dirasai umum atas alasan-alasan yang rasional. Ini elok disebutkan.

Pada awal dekad 80-an, Saudara Anwar Ibrahim menyertai UMNO, dan kemudian menyertai kerajaan dengan *mood* “Bersih, Cekap, Amanah” dan “Penerapan Nilai-nilai Islam”. Beliau mengejutkan orang ramai kerana sebelum itu, melalui ABIM beliau adalah penentang UMNO dan kerajaan. Dalam beberapa hal, beliau berpandangan kritis terhadap Dato Musa Hitam yang memegang jawatan Menteri Pelajaran. Misalnya, walaupun beliau menyokong pelaksanaan 3M atau KBSR, beliau tidak menyenangi cara Dato Musa Hitam menghadapi isu-isu yang timbul dalam tahun 1980. Sekali-kali tidak diduganya bahawa jawatan Dato Musa Hitam akan dipegangnya pada suatu masa nanti.

Saudara Anwar Ibrahim memegang jawatan Menteri Pelajaran (kemudian Menteri Pendidikan) setelah memegang jawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Menteri Pertanian. Beliau melanjutkan konsep KBSR dan KBSM dengan penuh keberanian. Selain itu, beliau kini sedang merasai beban, yang dahulunya dirasai secara “mata memandang”. Dato Musa Hitam tentulah boleh bertanya bagaimana rasanya “bahu memikul”?

Rata-rata guru memuji Saudara Anwar Ibrahim kerana berani membuat perubahan. Kini Malaysia telah mempunyai falsafah pendidikan negara. Pendidikan kini memberatkan pembinaan insan, dan 16 nilai murni diberikan penekanan yang bersungguh-sungguh.

Memanglah ada kecacatan di sana sini. Misalnya, dalam usaha membina insan yang baik, mata pelajaran Kesusasteraan Melayu telah diganggu oleh buku **Hikayat Umar Umaiyah**. Pihak yang memilih buku tersebut seolah-olah sengaja hendak merosakkan imej Menteri Pendidikan. **Hikayat Umar Umaiyah** dipenuhi dengan penipuan,

pencurian, bermain dengan najis, bahkan ada peristiwa watak utama mengikat kemaluan raja dan menteri seperti yang terjadi di Universiti Pertanian Malaysia. Apabila ini dipersoalkan, tentulah Saudara Anwar Ibrahim kian merasakan “betapa berat bahu memikul”.

Walau bagaimanapun, satu hal yang tidak dapat disangkal ialah kebersihan peribadi Saudara Anwar Ibrahim. Tidaklah menghairankan kenapa beliau sanggup membenarkan harta-nya (terutama rumahnya) disiasat, kerana beliau mengamalkan slogan “Bersih, Cekap, Amanah” dan “Penerapan Nilai-nilai Islam” yang disuarakan pada awal dekad 80-an itu. Walaupun membuat perbandingan di antara menteri-menteri dalam hal seperti ini tidak wajar, dan kita tidak mempunyai waktu dan kemudahan untuk menyiasatnya, namun secara impresi, adalah diakui umum bahawa Saudara Anwar Ibrahim sentiasa bersyukur atas apa-apa yang ada padanya.

Saudara Anwar Ibrahim memiliki keupayaan melangsungkan corak pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad, bersama-sama atau selepas Dato Musa Hitam. Encik Ghafar Baba mungkin tidak mempunyai keupayaan demikian, kerana Encik Ghafar Baba hanyalah lanjutan cara Tunku Abdul Rahman, biarpun kini Encik Ghafar Baba dan Tunku Abdul Rahman berada di dalam kumpulan yang berbeza sama sekali. Jadi, walaupun Encik Ghafar Baba mungkin merasai tempat Perdana Menteri (kalau benar Dr. Mahathir Mohamad akan menyerahkan jawatan itu kepada beliau), zaman pemerintahan Encik Ghafar Baba tidak akan memperlihatkan kelainan atau kemajuan. Pencapaian Dr. Mahathir Mohamad tidak mungkin dapat diatasi oleh Encik Ghafar Baba.

Oleh yang demikian, tidaklah silap jika rakyat, khususnya ahli-ahli **UMNO** menunggu-nunggu zaman pemerintahan Saudara Anwar Ibrahim, atau sekurang-kurangnya zaman Saudara Anwar Ibrahim menjadi Timbalan Perdana Menteri membantu Dato Musa Hitam sebagai Perdana Menteri.

II

Perkiraan di atas mengetepikan langsung Tengku Razaleigh Hamzah. Seperti yang dinyatakan oleh Encik Ghafar Baba; dan oleh Dato Musa Hitam sendiri, Tengku Razaleigh Hamzah mungkin akan berjaya mencapai cita-citanya jika beliau berjuang di dalam **UMNO**. Tentulah Dato Musa Hitam tidak gemar Tengku Razaleigh Hamzah kembali ke **UMNO**, kerana Tengku Razaleigh Hamzah berupaya menentangnya. Tetapi,

Dato Musa Hitam juga tidak dapat menghalang kepulangan Tengku Razaleigh Hamzah nanti.

Tengku Razaleigh Hamzah tidak mungkin berada di luar UMNO selama-lamanya. Parti **Semangat 46** yang *ad hoc* itu akan kehilangan semangat apabila rakyat tahu bahawa Tengku Razaleigh Hamzah tidak membawa alternatif ideologi. Wujudnya **Semangat 46** hanyalah atas alasan wujudnya pertentangan di antara Tengku Razaleigh Hamzah dengan Dr. Mahathir.

Menurut Dr. Azizan Bahari dari USM, orang Melayu dalam **Semangat 46** merasakan diri mereka UMNO. Itulah sebabnya mereka tidak menyertai **PAS** ketika mereka tidak mempunyai parti yang sah. Mereka berasa tidak sesuai dengan dengan ideologi **PAS**. Kerjasama mereka dengan **PAS**, sama sahaja kerjasama mereka dengan **DAP**, iaitu kerjasama untuk menentang Dr. Mahathir. Itu sahaja.

Bertolak daripada anggapan demikian, Tengku Razaleigh Hamzah akan kembali ke pangkuhan UMNO. Beliau akan kembali dengan cara beliau. Pada awal tahun 1990 beliau masih menekankan perlunya menghidupkan UMNO yang asal. **PAS** dan **DAP** sentiasa menentang UMNO, baik UMNO yang ada kini mahupun UMNO yang asal. Akan tetapi **PAS** dan **DAP** merestui usaha Tengku Razaleigh Hamzah hendak menghidupkan UMNO asal. Tujuan **PAS** dan **DAP** hanyalah satu: hendak menyusahkan dan menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad. **Semangat 46**, **DAP** dan **PAS** bersatu hati hendak menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad.

PAS dan **DAP** merestui Tengku Razaleigh Hamzah menjadi Perdana Menteri atas tiket **Semangat 46**. Jika itu benar-benar terjadi, dalam keadaan awal 1990, Timbalan Perdana Menteri sukar diramalkan. Menurut tradisi **Barisan Nasional**, Timbalan Perdana Menteri ialah Timbalan Presiden parti yang dominan, iaitu Timbalan Presiden UMNO. Akan tetapi, di dalam pergolakan awal dekad 90-an, **Semangat 46** bukanlah parti yang dominan. Timbalan Perdana Menteri boleh jadi Ustaz Fadzil Noor, boleh jadi Lim Kit Siang. Tengku Razaleigh Hamzah menganggap UMNO masih mengamalkan politik sempit. Jadi, tidak hairanlah jika beliau menerima Lim Kit Siang menjadi Timbalan Perdana Menteri. Politik luas tidak menitikberatkan soal kaum dalam hal memilih Timbalan Perdana Menteri. Lagipun, sejarah telah membuktikan bahawa kerusi **DAP** di Parlimen jauh lebih

banyak daripada kerusi PAS.

Gambaran di atas menolak ke tepi Saudara Anwar Ibrahim. Di antara tokoh-tokoh UMNO yang ada, hanya Dato Shahrir Samad dan Dato Abdullah Ahmad Badawi yang mungkin dijemput menyertai kerajaan impian Tengku Razaleigh Hamzah. Mereka berdua itu pernah membantu Tengku Razaleigh Hamzah secara bersungguh-sungguh dalam usaha putera itu menjatuhkan Dr. Mahathir Mohamad.

Soalnya, adakah Tengku Razaleigh Hamzah mempunyai tempat di dalam UMNO yang ada sekarang jika beliau sudi menyertainya? Politik dekad 90-an akan diwarnai dengan kemungkinan-kemungkinan sedemikian. Para pengikut Tengku Razaleigh Hamzah sendiri tidak dapat meramalkan corak pemikiran Tengku Razaleigh Hamzah yang sebenarnya. Pertemuan beliau dengan Dr. Mahathir Mohamad untuk berunding bagi menyatupadukan orang Melayu tidak begitu direstui oleh sejumlah pengikut beliau. Corak pemikiran pengikut-pengikut Tengku Razaleigh, terutama pemikiran Ibrahim Ali, berbeza daripada corak pemikiran Tengku Razaleigh Hamzah. Ini kerana perbezaan tingkat cita-cita. Tengku Razaleigh Hamzah seperti juga Dato Musa Hitam, mempunyai cita-cita untuk menduduki tempat tertinggi dalam kerajaan. Para pengikut beliau mempunyai cita-cita untuk bernaung di bawah payung kebesaran beliau,

Jika UMNO kekal menjadi parti yang dominan dalam kerajaan, dan Tengku Razaleigh Hamzah terus bersama DAP dan PAS, maka kedudukan Saudara Anwar Ibrahim dapat diramalkan seperti yang telah diperkirakan. Tanda-tanda yang ada pada awal dekad 90-an menyokong perkiraan ini. Saudara Anwar Ibrahim tidak berhalangan mengukuhkan perhubungan baik dengan Dato Musa Hitam.

Dato Musa Hitam, yang kini kelihatan meningkatkan kematangan politiknya, pasti akan lebih berhati-hati menempuh pergolakan yang bakal berlaku. Beliau sedar bahawa sesetengah tokoh dan ahli UMNO tidak menyenangi usahanya hendak kembali ke barisan pucuk pimpinan. Akan tetapi, beliau telah membina diri sebagai tokoh yang tidak boleh diperkecilkan. Dr. Mahathir Mohamad sendiri sudah dapat melihat betapa Dato Musa Hitam amat liberal dan demokratik. Dato Musa Hitam berupaya membezakan perhubungan politik dengan perhubungan peribadi.

Bukti bahawa beliau amat demokratik dapat dilihat ketika

peristiwa kemenangan Dato Pairin Kitingan menjatuhkan Dato Harris Salleh. Beliau menerima keputusan rakyat Sabah tanpa membuat kenyataan yang berbelit-belit. Demikian juga apabila beliau dikalahkan dalam pertarungan mempertahankan jawatan Timbalan Presiden UMNO (1987). Beliau menerima keputusan itu dengan tenang, dan berpesan, "Jagalah UMNO baik-baik".

Saudara Anwar Ibrahim juga dapat bertahan menghadapi pergolakan. Beliau pernah menjadi pemimpin **ABIM**, badan sukarela yang berjuang kerana cita-cita menegakkan Islam. Beliau tidak gentar menghadapi kemungkinan-kemungkinan. Beliau telah biasa berada di dalam tahanan kerana perjuangan membasmi kemiskinan. Jika di luar kerajaan beliau berani berbuat sesuatu atas keyakinan, di dalam kerajaan tentulah beliau lebih berpeluang menyalurkan bakti. Cuma, di dalam kerajaan, teknik dan taktik perjuangannya amat berbeza daripada teknik dan taktik perjuangannya di luar kerajaan.

Masa depan politik Melayu dan Malaysia tampaknya beriringan dengan masa depan Saudara Anwar Ibrahim. Dato Musa Hitam penting dalam perhitungan ini kerana Dato Musa Hitam merupakan tokoh veteran yang berkaliber. Tanpa memperhitungkan Dato Musa Hitam, Saudara Anwar Ibrahim kelihatan bersendirian. Encik Ghafar Baba bukanlah gandingan beliau. Encik Ghafar Baba berada di tempatnya sekarang, dan untuk beberapa tahun lagi, hanyalah kerana penerusan tradisi. Oleh itu, Encik Ghafar tidak perlu diperkirakan. Lagipun, Encik Ghafar Baba sendiri merestui kepulangan Dato Musa Hitam ke barisan pucuk pimpinan UMNO dan kerajaan. Dapat dikatakan Encik Ghafar Baba sentiasa mengukur baju di badan sendiri. Beliau tahu akan tahap keupayaan Dato Musa Hitam. Beliau tahu dan sedar akan tahap keupayaan beliau sendiri.

Tidak syak lagi gandingan Dato Musa Hitam dan Saudara Anwar Ibrahim untuk menerajui pemerintahan Malaysia akhir dekad 90-an adalah gandingan yang terbaik, ditinjau dari segi perkembangan politik awal dekad ini.

Buku ini memuatkan pandangan dan kritikan terhadap perkembangan politik pada akhir dekad 80-an dan awal dekad 90-an. Rahman Shaari berpendapat perkembangan politik dalam jangka waktu tersebut masih dipengaruhi oleh kewibawaan Dr. Mahathir Mohamad. Walaupun banyak sekali komentar dan cemuhan dilemparkan oleh sejumlah pengkritik terhadap Dr. Mahathir Mohamad, namun isi buku ini kelihatan tidak terpengaruh dengan mana-mana sumber tersebut. Penulis mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap tokoh-tokoh politik dan segala tindakan mereka.

Rahman Shaari mula bergiat dalam penulisan politik sejak awal tahun 1980-an. Beliau mula menulis di akhbar *Watan* dan *Berita Harian*. Sebelum buku ini, beliau telah menulis buku *Politik Mahathir: Langkah dan Perhitungan* terbitan 'D' Enterprise.

Pengedar Tunggal



ISBN 983 - 848 - 008 - 8